


Mingguan Amanah



Logo PKR atau AMANAH untuk calon Pakatan PRU14?



Akta berita palsu menakutkan



BN angan-angan Mat Jenin yakin boleh menang 3 penjuru

→ ms9



PAKSA RAKYAT UNTUK MENANG



PERSEMPADANAN baru kawasan pilihan raya yang akan digunakan dalam PRU 14 nanti adalah satu paksaan agar rakyat memenangkan BN dalam pilihan raya umum nanti.

Mangsa utama persempadan ini adalah kerabat Umno dalam BN sendiri iaitu MCA, MIC dan Gerakan yang dijangka akan kalah di hampir kesemua kerusi yang mereka tandingi demi untuk kemengen Umno.

→ Laporan penuh muka 2

PAKATAN Harapan pimpinan Tun Dr Mahathir dianggap melalui jalan yang sukar. Tetapi gelombang sokongan rakyat diramalkan berlaku selepas pembubaran parlimen.

TEMUI 50 RIBU PEMBACA MINGGUAN AMANAH ANDA!!!

UNTUK PAKEJ IKLAN
MENARIK HUBUNGI
011 3233 4322



Logo PKR atau AMANAH untuk calon Pakatan PRU14?

PAKATAN HARAPAN (PH) mungkin terpaksa memilih antara logo AMANAH atau PKR dalam menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 nanti.

Naib Presiden PH Salahuddin Ayub berkata, logo Bersatu tidak digunakan susulan parti itu menghadapi masalah dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan (RoS) dan penggunaan logonya digugurkan dalam satu keputusan bersama yang dibuat oleh majlis presiden.

"PPBM dihalang menggunakan logo mereka. Kita kena guna antara dua logo parti ini. Jadi kita akan fikir logo mana paling berkesan (AMANAH atau PKR),"

ujarnya ketika ditemui media selepas majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya Parlimen Sepang 25 Mac lepas.

PH akan menggunakan hanya satu logo pada PRU sekiranya empat parti itu gagal didaftarkan sebagai sebuah gabungan untuk membentuk PH.

Salahuddin dalam ucapannya berkata, PH tidak akan putus asa dengan tekanan RoS terhadap parti dalam gabungan itu.

"Nampaknya RoS tidak berpeluang itu (mendaftar PH), kita telah fikir lebih jauh setakat lagi jika RoS tidak beri lambang PH kita akan guna satu lambang dalam parti PH. Kita akan fikirkan lambang

mana yang terbaik.

"Walaupun RoS menolak kita tetap guna lambang parti kita untuk PH. Kita yakinkan rakyat kita tidak putus asa. Kita akan guna satu lambang di kalangan parti kita," ujarnya di hadapan lebih 300 hadirin yang diadakan di Dewan Orang Ramai Dengkil, Sepang.

Beliau kemudian merasmikan manifesto PH dan kenderaan jentera pilihan pilihan raya bagi empat parti dalam PH.

Turut hadir Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin, Adun Sungai Pinang Datuk Teng Chang Kim, Ahli Parlimen Kapar G.Manivanan, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Datuk A Kadir Jasin.



Salahuddin bersama Hanipa, Teng Chang Kim dan Kadir dalam majlis pelancaran.

Kemenangan yang dipaksa kepada rakyat

APAKAH majoriti rakyat negara ini boleh menerima sebuah kerajaan yang dibina di atas penipuan dan kemenangan yang dicuri dan dipaksa?

Inilah persoalan yang berbangkit apabila persempadanan baru kawasan pilihan raya yang disusun sedemikian rupa untuk membantu kemenangan Umno akan digunakan dalam pilihan raya umum ke 14 nanti.

Berdasarkan sempadan baru ini, Umno adalah pihak yang paling untung dan dalam masa yang sama menjadikan rakan kongsi mereka dalam BN sendiri sebagai mangsa.

Kajian terkini yang dibuat Institut Darul Ehsan (IDE) mendapat, parti gabungan Umno dalam BN iaitu MCA, Gerakan dan MIC bakal menjadi mangsa utama persempadanan kawasan pilihan raya yang akan digunakan.

Timbalan Pengurus IDE, Professor Datuk Dr Redzuan Othman berkata, rakan kongsi utama BN itu akan hilang hampir kesemua

kerusi mereka dalam pilihan raya kali ini di tangan PH khasnya DAP.

"Isunya sekarang, boleh ke rakyat menerima keputusan sebegini. Umno untung besar, rakan kongsinya hilang semua, melalui manipulasi kawasan pilihan raya," kata Redzuan yang sangat tidak setuju dengan persempadanan semula yang dibuat oleh SPR.

SPR dijangka akan menggunakan sempadan baru kawasan pilihan raya berdasarkan 'Laporan pertama' yang dibuatnya sebelum ini bukan 'Laporan kedua' yang diedarkan.

Berdasarkan 'laporan pertama' itu, kawasan pengundi Melayu dan bukan Melayu diasingkan dengan bilangan kerusi Melayu diperbahayakan manakala kerusi bukan Melayu dikurangkan dengan andaian pengundi bukan Melayu tidak menyokong Umno lagi.

Ekoran itu, kajian IDE itu menjangkakan, jika pilihan raya diadakan hari ini, Barisan Nasional (BN) dijangka akan mengekalkan

pentadbiran negara walaupun mendapat undi popular yang merosot sehingga 42% sahaja.

"Ia hanya akan berubah jika berlakunya gelombang mahukan perubahan selepas pembubaran parlimen nanti," kata Dr Redzuan.

Berdasarkan kajian itu, Selangor dan Pulau Pinang dijangka akan kekal di tangan Pakatan Harapan (PH) dengan Kedah menjadi negeri baru yang dijangka jatuh ke tangan PH.

Kajian itu mendapat, Kelantan yang dimenangi Pas sejak 1990 bakal terlepas dari tangan parti itu.

Kajian di seluruh semenanjung yang melibatkan lebih 5,000 respondan dengan menggunakan 95 enumerator yang tamat 26 Mac itu mendapat, pengundi Melayu di Johor kekal bersama Umno.

"Yang pasti, mengikut kajian ini, PH khasnya Amanah berjaya kalahkan PAS di Kelantan, manakala di pantai barat PAS berjaya sebabkan PH tidak menang," kata Naib Can-

selor Unisel itu.

PAS dijangka akan hilang kesemu kerusi yang dimenanginya di Selangor apabila hanya mendapat tidak sampai 1% undi Cina dan sekitar 14% undi Melayu sahaja, berbanding 18% undi Melayu

sebelum ini.

"Nampaknya PAS datang dalam keadaan dagang di Selangor dan akan menjadi dagang juga dalam pilihan raya akan datang," kata Redzuan merujuk kepada pepatah yang selalu digunakan PAS.

Persempadanan semula beri kelebihan majoriti kepada BN

PENGANALISIS politik berpendapat cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya dan kewujudan pengundi awal cenderung memberi kelebihan majoriti kepada BN.

Pengarah Eksekutif Ilham Centre, Hisomuddin Bakar berkata, di Perak contohnya, Dewan Undangan Negeri (Dun) Sitiawan tidak dimasukkan dalam Parlimen Lumut menyebabkan dua Dun lagi didominasi pengundi Melayu.

"Mengejutkan dalam persempadanan baru, satu Dun tidak dimasukkan dalam Parlimen Lumut. Dun majoriti Melayu Pasir Panjang dan Pangkor dari segi undi awam seakan seimbang antara Pakatan Harapan (PH) dan BN."

"Tetapi Dun Pangkor itu mempunyai kem TLDM (Tentera Laut Diraja Malaysia) dengan pengundi awal."

"Melihat kepada gabungan Dun Pangkor dan Pasir Panjang, pengundi awal dan pengundi awam memberi kelebihan majoriti kepada BN," jelasnya.


Untuk rekod, P074 Lumut mempunyai pangkalan TLDM terbesar di negara ini dengan terdapat lebih 10,000 pengundi awal pada pilihan raya lalu.

Bercakap dalam forum 'PRU-14 Bakal Dicuri?' anjuran Bersih di ibu negara malam tadi, beliau berkata, Dun Sitiawan menyaksikan DAP memperoleh majoriti besar pada pilihan raya lalu.

"Kalau satu, dua PDM (Pusat Daerah Mengundi) yang dikeluarkan itu munasabah tapi kalau satu Dun itu agak melampaui," katanya.

Menurutnya, alasan berhubung isu populasi dan untuk memberikan kemudahan kepada pengundi adalah tidak munasabah.

"Sedangkan Dun Sitiawan itu hampir dengan Lumut. Kalau kita naik kendaraan lebih kurang 10 minit saja (sampai)," jelasnya dalam forum di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur Selangor (KLSCHAH) itu.



Protes BERSIH hingga ke pagar parlimen

KUALA LUMPUR: Bantahan syor persempadanan baru kawasan pilihan raya sampai ke kemuncak dengan himpunan anjuran Bersih di pintu masuk Bangunan Parlimen, pagi 28 Mac lalu.

Ketika Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bersiap untuk membentangkan laporan itu di Dewan Rakyat pada pukul 11.30 pagi, para peserta himpunan berkumpul di Tugu Negara pada pukul 8 pagi sebelum berarak ke Bangunan Parlimen.

Sejak awal pagi, peserta himpunan berada di Persiaran Sultan Salahuddin, berdekatan Tugu Negara dengan majoriti mereka memakai baju-T kuning Bersih.

Penyokong Bersih juga kelihatan di sekitar Padang Merbok.

Polis menyekat laluan memasuki Persiaran Sultan Salahuddin sejak jam 7 pagi namun penyokong Bersih yang berjalan kaki masih dibenarkan melaluiinya.

Bekas pengurus bersama Bersih, Datuk Ambiga Sreenevasan dan pengantinya, Maria Chin Abdullah yang

melepaskan jawatan pengurus bersatu-baru ini, berucap kepada hadirin.

Para pemimpin Pakatan Harapan (PH) antaranya Presiden PH Datuk Seri Wan Azizah Ismail, Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Mohamad Sabu, veteran DAP Lim Kit Siang, ahli parlimen PH dan para pemimpin PH semua peringkat hadir di kawasan perhimpunan.

Sekitar jam 10.15 pagi Pengurus PH Tun Dr Mahathir Mohamad dan isterinya tiba di Tugu Negara untuk bersama peserta protes Bersih.

Selepas sesi ucapan selesai, para demonstran berarak dari Tugu Negara ke bangunan parlimen sambil diiringi pasukan polis.

Orang ramai berarak sambil melaungkan slogan "tangkap penyamun" dan "tolak laporan".

Mereka mengiringi rombongan Bersih untuk menyerahkan surat bantahan kepada Speaker Dewan Rakyat bagi mengelak laporan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dibahaskan.



Perarakan menuju ke Bangunan Parlimen bagi menyampaikan memorandum.



Muhyiddin sampai di Tugu Negara dengan disambut peserta himpunan.



Dr Wan Azizah sempat menyapa anggota polis yang bertugas.



Mohamad dan Ketua Pemuda AMANAH Sany Hamzan sempat berseloroh



Sebahagian peserta himpunan tekun mendengar ceramah pemimpin politik dan NGO yang hadir.



Maria Chin memulakan ucapan.



Minda Pengarang

Pertarungan sebenar hanya antara PH dan BN

MEMANG tepat seperti yang dikatakan oleh Naib Presiden AMANAH, Husam Musa bahawa suasana PRU14 nanti menjadi sangat luar biasa. Malah ramai yang berpendapat bahawa PRU14 akan datang ini dilihat sebagai ibu segala pilihan raya, sementara pertarungan sebenar hanya di antara Barisan Nasional dan Pakatan Harapan.

Semuanya ini kerana ia dilihat suatu garis pemisah antara suasana lama yang terperangkap dengan pelbagai krisis, terutama krisis ekonomi dan lain-lain, atau akan ada perubahan jika Pakatan Harapan memenangi PRU14 itu. Sebab itu perjuangan Pakatan Harapan sangat signifikan.

Di sinilah seperti kata Husam, PRU14 ini menjadi satu situasi luar biasa yang akan menyaksikan pertarungan dua gabungan politik Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH).

Adapun parti atau parti-parti yang tidak menyertai dua gabungan ini, bolehlah dianggap sebagai ‘pengacau’ saja, kata Husam di majlis pemantapan jentera PH Dun Panchor baru-baru ini.

Memanglah, seperti katanya, pertembungan di peringkat nasional, jelas terbahagi dua dan semakin ramai pemerhati menganggap PH semakin berada di hadapan.

Sebagai pencabar utama Barisan Nasional, maka Pakatan Harapan sebagai mega gabungan pembangkang, sedang berdepan dengan pelbagai cabaran, sejak dari awal lagi. Isu pendatarannya, isu satu logonya dan pelbagai halangan yang lain antara cabaran yang yang dihadapinya.

Mengenai isu satu logo, seperti yang diberitahu oleh Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad, bahawa PH sudah memikirkan beberapa opsyen apabila sampai masanya, tetapi, katanya, kita tetap meneruskan

perjuangan.

Baru-baru ini, PH sudahpun mengumumkan manifestonya yang mencakup pelbagai janji dan ikrar untuk membela rakyat jika ia memenangi PRU14 akan datang.

Tentu sekali penyebaran manifesto itu secara lebih meluas kepada rakyat – bandar dan luar bandar – sangat diperlukan, supaya semua rakyat dapat memahami dan menerima manifesto itu, yang mengisikan ikrar dan janji untuk membela mereka.

Ada pula yang menganggap manifesto itu sukar dilaksanakan, terutama untuk menghapuskan GST dan pelbagai hambatan lagi. Para pakar ekonomi dan golongan cerdik pandai pelbagai bidang telah membantu menyusun manifesto itu. Mereka telah mengemukakan hujah dengan fakta dan logik bahawa manifesto itu boleh dilaksanakan untuk menyelamatkan negara dari terhempas kepada krisis, terutama krisis ekonomi.

Dari pelbagai dapatan yang diterima pelbagai pihak, melaporkan bahawa rakyat semakin yakin terhadap manifesto itu. Namun penerangan perlu dilanjutkan lagi supaya semakin ramai rakyat memahami dan menerima.

Kita yakin, Jelajah Fasa Kedua oleh pemimpin Pakatan Harapan di seluruh negara akan digunakan sebaik-baiknya untuk menerangkan manifesto itu dalam bahasa dan kaedah yang paling mudah difahami oleh rakyat.

Dalam masa yang sama urusan pembahagian kerusi peringkat Parlimen dan Dun sudah hampir selesai semuanya. Cuma kalau adapun sedikit pertukaran kawasan.

Keseluruhannya, Pakatan Harapan sudah bersedia dengan jenteranya untuk berdepan dengan Umno/BN dalam PRU14 akan datang.

Cucu Atuk...

Berhimpun lagi bantah penipuan PRU

Sejarah berulang selagi BN perintah

Kikis pemikiran taksub jenama

Kata mereka daripada parti berjenama Islam, dalam parti itu berhim-pun orang-orang ikhlas dan para pejuang yang sedia berkorban untuk Islam. Matlamat mereka ialah akhirat dan reda Allah. Mereka lah paling layak mengurus tadbir negara.

Lantas dengan jenama itu, mereka pun isytiharkan mereka lah orang terbaik. Pihak lain yang tidak bersama mereka layak didoa binasakan secara beramai-ramai atas jenama sunnah qunut nazilah.

Saya katakan, dalam mana-mana parti pun ada orang baik dan ikhlas dan orang sebaliknya; iaitu orang yang ada kepentingan, para pengumpul wang dan pemburu kemewahan dunia.

Hatta, dalam parti berjenama Islam itu pun, ada pengambil kesempatan dan pencari habuan. Jenama Islam pada parti tidak menjadikan mana-mana anggotanya mulus dan murni.

Saya pernah berbual dengan seorang bekas exco kerajaan negeri daripada parti berjenama Islam. Katanya, pegang kuasa bermakna berada dalam lubuk duit.

Penyelewengan melalui jawatan yang dipegang pasti berlaku. Cuma, jika penyelewengan itu disiasat dan dibongkar, banyak pihak lain yang turut terpalit.

Untuk mengelak lebih banyak pihak terpalit, penyelewengan itu pun tak disiasat. Fail ada, tetapi dipetisejukkan kerana menjaga kepentingan pihak-pihak terlibat.

Kata bekas exco itu lagi, hanya individu yang jujur saja yang boleh mengelak daripada terlibat dengan salahguna kuasa. Tanpa kejujuran, orang parti berjenama Islam pun tumbang.

Bagi saya, *tittle* ustaz, pakai jubah dan serban, berketurunan orang terhormat bukan jaminan salahguna kuasa tidak dilakukan. Apatah lagi sekadar menjadi anggota parti berjenama Islam.

Oh, kalau orang parti berjenama Islam pun terlibat dengan salahguna kuasa, tentulah orang parti tidak berjenama Islam lebih teruk. Itulah logiknya. Belum tentu juga. Cuba lihat laporan indeks persepsi rasuah antarabangsa. Negara-negara yang tidak berjenama Islam (atau sering disebut negara kafir) lebih baik kedudukannya daripada negara berjenama Islam (negara Islam).

New Zealand, Denmark, Finland, Norway dan Switzerland adalah lima negara dengan skor paling tinggi. Di peringkat Asean, Malaysia berada pada kedudukan



Pencerahan Mingguan
TANWEER USBU'II

USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

di bawah Singapura.

Kenapa lima negara teratas itu bukan negara Islam? Singapura negara Islam? Membuktikan jenama Islam saja tidak memadai jika tanpa penghayatan intipati ajarannya.

Justeru, parti berjenama Islam saja tidak menjamin anggotanya lebih ikhlas, lebih dekat kepada Allah, lebih baik upaya mengurus dan lebih bersih daripada orang parti tidak berjenama Islam.

Bahkan terbukti dalam kehidupan sehari-hari, dalam konteks akhlak individu, begitu ramai orang bukan Islam yang berakhhlak mulia.

Beberapa hari lepas, saya ke Bengkel Pendingin hawa kereta.

Inilah bahayanya apabila ketaksuhan kepada jenama mengatasi penghayatan terhadap intipati. Buruknya akan menconteng wajah murni Islam dengan pelaku pentaksuh jenama tadi.

Pemiliknya beragama Buddha. Sambil bekerja, dia bercakap kepada saya tentang penggunaan “gas” pendingin hawa yang tidak menjaskan lapisan ozon.

Saya fikir, lelaki Buddha ini lebih berakhhlak daripada sebahagian orang Islam yang kadang-kadang jarang lekang daripada surau tetapi mengambil wuduk secara membazir.

Atas alasan kesempurnaan wuduk adalah tuntutan syariat, wuduk diambil seperti mandi wajib. Itu belum cerita buang sisa hisapan ke dalam longkang surau dan banyak lagi.

Gambarkan jika lelaki Buddha yang bercakap tentang keperluan menjaga lapisan ozon tadi berkunjung ke surau orang Islam dan dia nampak puntung rokok dalam longkang surau, apa yang terlintas dalam fikirannya?

Sekurang-kurangnya dia akan

beranggapan, orang Islam tidak boleh dipercayai. Jika tempat dia sembah Tuhanya pun dia kotarkan, apa jaminan dia tidak menipu apabila berurusan dengan manusia?

Justeru, seperti yang Haji Mohamad Sabu selalu sebut, jenama Islam banyak merosakkan nama baik Islam. Restoran Islam, tapi servis teruk, kebersihan pada tahap C, di mana Islamnya?

Justeru, sukar untuk saya menelaah persepsi orang bukan Islam terhadap himpunan yang disudahi dengan doa kebinasaan yang baru-baru ini berlangsung di Selangor.

Orang Islam secara beramai-ramai berdoa untuk kebinasaan

orang “pakatan jahat”? Sedangkan orang yang dilebel pakatan jahat itu ialah rakan, jiran, guru, pensyarah, mungkin ibu bapa, kakak, adik, mungkin isteri atau anak pendoa itu sendiri.

Jika orang Islam bersikap sebegini ketika mereka tidak berada di menara kuasa, bagaimana jika mereka berkuasa? Tidak mustahil, tergambar dalam fikiran mereka Taliban dan ISIS.

Inilah bahayanya apabila ketaksuhan kepada jenama mengatasi penghayatan terhadap intipati. Buruknya akan menconteng wajah murni Islam dengan pelaku pentaksuh jenama tadi.

Rakyat Malaysia perlu bangkit sederap mengikis pemikiran taksub jenama ini. Mereka perlu dibimbing untuk melihat keindahan intipati Islam, bukan mengukur Islam melalui label dan jenama.



PH perlu santuni penggiat seni

MANIFESTO Pakatan Harapan sudahpun disyntihar dan disebarluaskan. Sambutan rakyat pelbagai pihak nampaknya hangat, walaupun ada pihak yang kritikal, mencemuh dan menyindir. Itu biasalah.

Manifesto itu memaparkan janji dan ikrar Pakatan Harapan jika ia memenangi PRU14 akan datang iaitu untuk menyelamatkan suasana negara dari terhempas oleh pelbagai kemelut, terutama krisis ekonomi dan lain-lain.

Meneliti manifesto tersebut, kita melihat ada hal-hal yang terlepas pandang di mana sepatutnya diambil kira dan dimasukkan dalam manifesto itu, supaya ia melengkapai atau mencakupi seluruh bidang kehidupan rakyat.

Bagaimanapun saya percaya keadaan belum terlambat untuk ditambah oleh pihak pimpinan PH, khususnya yang menyusun manifesto itu sendiri.

Maka adalah dicadang supaya manifesto itu ditambah atau diajukan lampiran untuk memperlihatkan bahawa Pakatan Harapan juga sangat menyantuni dan memberi perhatian kepada penggiat seni yang dilihat ramai anak muda berada dalam lingkaran ini. Ertinya, citarasa anak muda dengan pelbagai sentuhannya mendapat perhatian dari Pakatan



CETUSAN MINDA

ABDUL SHUKUR HARUN

Harapan, bukan hanya di bidang ekonomi dan politik.

Oleh itu, disyorkan supaya Pakatan Harapan memasukkan ke dalam manifestonya sebagai tambahan, hal-hal berikut:

- Menubuhkan Yayasan dan Akademi Seni Budaya untuk penggiat prelgai genre seni.
- Menubuhkan Urusetia mengenai seni budaya yang akan mengadakan engagement dengan para penggiat seni dengan para penggiat seni.
- Mengadakan Anugerah Seni kepada penggiat seni yang cemerlang.
- Menyediakan ruang luas kepada penggiat seni, termasuklah para penulis kreatif.
- Latihan dan kursus pelbagai jenis seni di sekolah, kolej dan universiti atau dibina sebuah kolej seni.
- Memberi bantuan kepada para penggiat seni yang



Pakatan Harapan diharap dapat mengambil perhatian yang sebaik mungkin terhadap golongan seni.

uzur untuk meneruskan kehidupan.

- Menerbit dan menyebarluaskan karya seni.

Jika ini dimasukkan dalam Manifesto PH, kelihatanlah manifesto itu lengkap, mencakup seluruh kehidupan masyarakat.

Dalam masa yang sama, manifesto itu juga sewajarnya memberi perhatian serius kepada generasi muda, atau anak muda, justeru pengundi mudah terus bertambah jumlahnya.

Hendaklah ada dalam lingkungan pendukung Pakatan Harapan,

terutama pimpinannya di pelbagai peringkat untuk berusaha mendekati gologan muda, memahami dan menyantuni cita rasa mereka dengan pelbagai cara.

Tinjauan mendapati seperti ada jurang pemisah antara golongan lama dengan anak muda, menyebabkan golongan lama sangat sukar memahami citarasa anak muda, pada hal suara dan cita rasa anak muda sangat penting, terutama apabila menjelang pilihan raya.

Maka sangat wajar difikirkan kerana jumlah pengundi dalam

kalangan anak muda terus bertambah.

Inilah hal yang sewajarnya diberi perhatian oleh Pakatan Harapan. Maka itu, salah satu ruang untuk mendekati anak muda ialah dengan memberi perhatian kepada para penggiat seni, walaupun kita tahu penggiat seni tidak semuanya anak muda, bahkan ramai juga dalam kalangan golongan lama.

Kesimpulannya, semoga Pakatan Harapan dilihat mewakili semua pihak dalam masyarakat.

Kenapa tergesa-gesa perkenal akta berita palsu?

Oleh DR MASZLEE MALIK

“All rulers in all ages have tried to impose a false view of the world upon their followers.” – George Orwell (Nineteen Eighty-Four, 1949)

Tidak dinafikan penyebaran berita palsu dan informasi atas talian yang tidak sahih memberi masalah kepada masyarakat

Tetapi, saya pelik apabila kerajaan Malaysia dengan tergesa-gesa membentangkan Rang Undang-undang Anti Berita Tidak Benar di Parlimen pada minggu ini, tanpa mengambil kira alternatif lain bagi menyelesaikan isu pemalsuan dan ketidaksahihan berita.

Secara peribadi, saya percaya menggubal akta baru bukanlah satu cara dan jalan terbaik, kerana ia hanya bertujuan untuk menyekat kebebasan bersuara di negara ini.

Antara alternatif bagi menyelesaikan masalah ini adalah dengan mengadakan satu kempen

kesedaran secara besar-besaran ke seluruh negara serta mendidik masyarakat untuk lebih bijak dalam menentukan berita yang benar atau palsu, pada masa yang sama, tidak menyebarkan sebarang berita tanpa mengetahui kesahihan sumber.

Kita juga boleh menanam etika kewartawanan dan menggalakkan amalan pemeriksaan fakta dalam kalangan rakan media bagi memastikan hanya kebenaran yang akan disampaikan kepada orang awam.

Tambahan pula, rang undang-undang tersebut dibentangkan tatkala PRU14 semakin hampir, dan saya mempersoalkan motif di sebalik tindakan tergesa-gesa ini.

Saya sangat khawatir kerana besar kemungkinan akta baru ini akan disalahgunakan sebagai alat politik bagi membendung perbezaan pandangan ke atas kerajaan, sehingga membawa pengkritik ke tirai besi, terutamanya apabila PRU14 hampir berlangsung.



Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Jailani Johari berkata bahawa definisi umum untuk berita palsu adalah “berita yang disahkan sebagai palsu oleh pihak berkuasa melalui kepakaran yang berkaitan dengan hal tersebut”.

Adakah ini bermaksud kerajaan mempunyai hak mutlak dalam menentukan sesebuah berita itu

diterbitkan oleh agensi berita antarabangsa dan meskipun kredibiliti sebahagian sumber berita itu dipercayai, mereka masih tidak diiktiraf sebagai berwibawa dan maklumat berkenaan 1MDB yang diterbitkan dikategorikan sebagai berita palsu dari kaca mata timbalan menteri kita.

Sudah tentu ia mengundang persoalan: kenapakah hanya 1MDB difokuskan ketika membahaskan akta tersebut?

Sebenarnya, kita tidak perlu tergesa gesa mendesak rang undang-undang ini diluluskan, terutamanya apabila ada isu nasional yang lebih parah yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

Sebagai contoh, Malaysia tersungkur ke tangga 62 dalam Indeks Persepsi Rasuah tahunan yang terbaru, posisi paling rendah dihuni Malaysia sejak indeks ini diperkenalkan pada tahun 1995. Seperti yang diumumkan Transparency International pada Februari lalu, kita menduduki tangga ke-55, tetapi, apa tindakan kita?

Selepas senjata perkauman tumpul

Umno-BN guna ugutan

Oleh ARIF ATAN

SUNGAI TENGI: Timbalan Presiden Pakatan Harapan (PH), Mohamad Sabu berpendapat Umno-BN mulai menggunakan pendekatan ugutan apabila sentimen perkauman tidak lagi berkesan selepas Tun Dr Mahathir diumum sebagai calon perdana menteri.

Berpidato dalam Jelajah Felda di Sungai Tengi, Hulu Selangor, 23 Mac lalu, beliau memberi contoh ucapan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan dan penangkapan Presiden Anak, Mazlan Aliman baru-baru ini.

"Serangan Umno yang meng-

gunakan senjata perkauman semakin tumpul. Sekarang bila dia (Umno-BN) nampak isu perkauman tak boleh, dia mula main ugutan."

"Seorang menteri besar yang saya hormat jugalah. Dia ini dulu ahli perniagaan. Dia masuk politik Umno jadi Menteri Besar Negeri Sembilan."

"Dia tak cakap merapu sebelum ini. Tapi kali ini, dia kata mana kedai kopi yang kata (buruk) Barisan, pergi serang terbalikkan meja," katanya.

Malah Mohamad, katanya memberi jaminan akan membela pemuda BN yang ditangkap polis jika melakukan aksi ganas itu.

Sehubungan itu, Mohamad yang juga Presiden AMANAH menganggap kenyataan tersebut sebagai satu provokasi dan seolah-olah meletakkan polis di pihak Umno-BN.

"Polis kena ingat kami (PH) ambil alih kuasa, kamu juga jadi polis kerajaan PH. Kita tidak akan buang seorang polis kerana dia polis."

"Kalau kita bertindak, (tindakan) ke atas individu yang melakukan kesalahan. Tapi menteri besar Negeri Sembilan ini, dia anggap polis ini polis Umno," ujarnya kesal.

Beliau turut menyifatkan tindakan polis menahan Mazlan pada awal pagi 22 Mac lalu sebagai satu bentuk ugutan sehingga beliau

tidak dapat hadir berceramah di Felda Sungai Tengi seperti dirancang.

"Kita kalau ceramah politik tak hentam lawan bukan ceramah. Mazlan barangkali kritik Rosmah. Mengkritik Rosmah boleh didakwa di mahkamah. 'Fesyen' baru

sekarang ini.

"Barangkali penangkapan Mazlan hendak dia tunjuk kepada rakyat bahawa kami ada kuasa kalau kamu bertindak yang boleh menggugat kedudukan kami, kami boleh tangkap kamu," kata Mohamad lagi.

BN tidak hirau kesusahan rakyat ekoran GST

KUALA LUMPUR: Kerajaan BN dilihat tidak berpijak di bumi nyata dan gagal memahami cabaran serta kesusahan rakyat ekoran pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sejak tiga tahun lalu.

Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tidak seharusnya berharap rakyat akan menyesuaikan diri dengan GST yang dilaksanakan kerajaan BN yang kononnya telah 'menstabilkan harga barang di pasaran'.

Mengulas kenyataan Najib ketika merasmikan Program Jualan Sentuhan Rakyat (PJSR) Peringkat Negeri Sabah di Dataran Bandaraya Kota Kinabalu, 21 Mac lalu, Nik Nazmi menyifatkan pandangan perdana menteri itu sebagai 'membingungkan'.

"Dia (Najib) menyatakan bahawa rakyat Malaysia sepatutnya sudah sesuaikan diri dengan GST, bahawa harga barang kini sudah stabil."

"Apa yang lebih membingungkan adalah di acara yang sama di Kota Kinabalu, beliau turut mengumumkan harga barang yang dijual sempena PJSR adalah murah, dan ia komitmen kerajaan untuk memastikan rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga barang."

"Sedangkan GST adalah bukti bahawa dia dan Kerajaan BN yang dipimpinnya tidak berpijak di bumi nyata dan gagal untuk memahami cabaran serta kesusahan yang dihadapi oleh rakyat."

"Jadi apakah realiti yang perlu kita sesuaikan? Harga barang meningkat dan rakyat sebenarnya terbeban?" soal beliau.

Nik Nazmi menambah, sebelum GST dilaksanakan kerajaan BN berjanji bahawa harga barang tidak akan meningkat namun apa yang berlaku kini adalah sebaliknya.

Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) itu kesal kerana pemimpin BN sering kali memperlekehkan realiti sebenar yang dihadapi rakyat namun pada masa yang sama cuba mengaburi sesetengah kumpulan masyarakat.

"BN suka menaburkan barang percuma, subsidi, tanpa betul-betul berusaha mencari solusi kepada bebanan kos sara hidup yang kian meningkat," katanya.

Najib ketika berucap berkata, menerusi PJSR para pengguna berpeluang membeli keperluan asas dan barang dapur pada harga lebih murah antara lima hingga 20 peratus daripada harga pasaran.

Menurut beliau, dengan adanya program ini, secara tidak langsung ia memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa tidak semua barang dapur di pasaran dijual pada harga tinggi.

"Kenaikan harga barang lazimnya berpunca daripada sikap segelintir peniaga yang sengaja caj mahal dengan alasan pelaksanaan GST," ujar Najib.

Mengulas lanjut Nik Nazmi berkata, PH tetap berpendirian bahawa pelaksanaan GST tanpa mengambil kira faktor seperti gaji mendatar, peningkatan harga barang dan kos-kos berkaitan adalah satu penganiayaan kepada rakyat.

"GST haruslah disemak semula, dan PH telah tetapkan di dalam manifesto kami untuk menghapuskan GST apabila berjaya meneraju Putrajaya," ujarnya.

Siasat kerja-kerja haram Cambridge Analytica, gesa Patriot

KUALA LUMPUR: Kesal dengan pendedahan semasa, tuduhan, penafian serta 'penafian atas penafian' berhubung isu penambangan data haram dan kerja-kerja pemilihan oleh Cambridge Analytica dan kumpulan induknya SCL dalam kempen pilihan raya umum (PRU) lalu, Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) mendesak pihak berkuasa memulakan siasatan segera.

Presidennya Brid Gen (B) Datuk Mohamed Arshad Raji berkata, dalam siaran media 21 Mac lalu, pihaknya menyatakan keyakinan bahawa operasi rahsia haram yang dilakukan Cambridge Analytica memiliki elemen-elemen pengintipan dan espionaj.

"Dalam pendedahan 'British Channel 4 News', ketua-ketua korporat utama Cambridge Analytica, sebuah firma analitik data besar, telah dirakam dan dengan bongkaknya menyatakan mereka boleh memeras ahli-ahli politik, menghantar wanita untuk memerangkap mereka dan membantu menyebarkan propaganda untuk menolong pelanggan mereka," ujar beliau.

Laman web Cambridge Analytica dan berita Channel 4 juga, katanya mendedahkan syarikat tersebut telah melakukan kerja untuk parti-parti politik di beberapa buah negara termasuk Malaysia.

Menurut Arshad, usaha rahsia penambangan dan menggunakan data oleh Cambridge Analytica



dari akaun Facebook adalah bertentangan dengan prinsip perlindungan data peribadi yang antaranya mensyaratkan persetujuan terlebih dahulu dari individu sebelum maklumat mereka digunakan.

Tindakan Cambridge Analytica ini, tegas beliau telah melanggar Akta Perlindungan Data Peribadi tahun 2010.

"Tindakan menggunakan wanita untuk memerangkap ahli-ahli politik boleh dilihat melalui sudut etika," ujarnya.

Bagaimanapun beliau memandang serius kegiatan gelap menggunakan propaganda untuk menyebarkan sebarang maklumat, dalam bentuk berita palsu melalui media sosial untuk menghasut emosi negatif bertujuan membenci, mengelirukan, memecah belah, dan menyebabkan ketidakharmonian di kalangan rakyat Malaysia.

"(Ia) adalah kerja perisik untuk memusnahkan negara kita. Mana-

mana parti politik tempatan yang bersekongkol dan bersubahat dengan kegiatan haram ini mestilah dikenakan tindakan undang-undang yang sekeras-kerasnya," tegas Arshad.

Patriot mendapati penafian dan tuduhan terbaru ketua SCL Asia Tenggara, Azrin Zizal, sangat pelik.

"Sekiranya dia terlibat dalam kerja-kerja pengintipan semasa PRU13, dia mungkin akan menupit mulutnya dan tidak mengatakan bahawa dia telah melakukannya untuk Mukhriz Mahathir," kata Arshad.

Kenyataan luar biasa Azrin memaklumkan bahawa dia dan syarikatnya mungkin bekerja untuk pihak tertentu termasuk pada PRU14, katanya perlu diberi perhatian serius.

"Sekiranya benar, aktiviti haram ini mesti dihentikan dan tindakan undang-undang diambil terhadap para pelaku dan rakan-rakan mereka," tegasnya lagi.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI**SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

PAKEJ
ZAAFARAN
PAKEJ
RUMMAN
PAKEJ
TAMAR
EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814
PELBAGAI DESTINASI MENARIK!**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ UMRAH

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		
TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		
TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

RUU Antiberita Tidak Benar halang kebebasan bersuara

Rang Undang-undang (RUU) Anti-berita Tidak Benar 2018 disifatkan sebagai satu undang-undang yang tidak menjaga hak kebebasan rakyat untuk bersuara, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu berkata, amat jelas kerajaan keliru dan tidak tahu tujuan sebenarnya penggubalan undang-undang tersebut.

"Tujuan undang-undang ini digubal adalah politikal, tidak ada sama sekali niat untuk menjaga hak rakyat supaya tidak ada tuduhan palsu terhadap mereka."

"Amat jelas sekali mereka keliru dan tidak tahu apa sebenarnya tujuan (gubal undang-undang) selain daripada tujuan politik."

"Ini kerana mereka adakan satu lagi undang-undang sedangkan undang-undang lain (sedia ada) sudahpun cukup, tetapi dibuat (digubal) dengan cara yang boleh beri kerajaan kuasa untuk menahan pengkritik kerajaan."

"Sebaliknya kita (PH) buat kenyataan yang benar dinafikan mereka. Maka tidak ada tindakan akan diambil kerana keputusan itu akan terpulang kepada pendakwarya," ujarnya dalam sidang media selepas taklimat mengenai akta itu 27 Mac lepas.

Dr Mahathir dan beberapa pimpinan PH antaranya Presiden PH, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, Presiden Bersatu Tan Sri Muhyiddin Yassin hadir ke taklimat penerangan di kalangan ahli parlimen hari ini.

Taklimat selama sejam itu turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdan Menteri Datuk Seri



Tun Dr Mahathir bersama Datuk Seri Wan Azizah di lobi parliment ketika menghadiri mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan 27 Mac lalu.

Azalina Othman Said, menteri serta pegawai dari beberapa kementerian dan Jabatan Peguam Negara.

26 Mac lepas RUU Antiberita Tidak Benar 2018 telah dibentangkan di Parlimen bagi pendengaran kali pertama.

Sebahagian daripada 14 fasal yang terkan-

dung dalam RUU tersebut memperuntukan hukuman denda hingga RM500,000 atau 10 tahun penjara terhadap individu yang didapati bersalah.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Bersatu ini turut berkata, jika pendakwarya mendapat sesuatu berita itu bukan berita palsu, pendakwa-

raya boleh membuat keputusan berat sebelah untuk tidak mengenakan sebarang tindakan mahkamah.

Beliau merujuk kepada perkara yang pernah membabitkan Bank Negara, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas isu 1MDB dan derma RM2.6 bilion membabitkan dakwaan ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Perkara ini kita sudah lihat dalam kes pendakwarya yang menolak laporan tiga pihak iaitu Bank Negara, PAC dan MACC."

"Tujuan undang-undang untuk menyekat parti lawan menyuarakan sebarang kritikan kepada kerajaan," ujarnya.

Bekas perdana menteri 22 tahun ini juga berkata, kerajaan tidak perlu untuk meluluskan rang undang-undang ini dalam sidang dewan rakyat kali ini.

"Kita tidak perlu luluskan undang-undang di penghujung parlimen kerana undang-undang ini amat serius kerana banyak bantahan daripada orang ramai."

"Perlu ber masa untuk dibahaskan apabila parlimen bersidang semula selepas pilihan raya," ujarnya.

Bahkan beliau berkata, negara ini juga sudah mempunyai banyak peruntukan undang-undang yang boleh dilaksanakan bagi mengekang berita tidak benar.

"Kita ada banyak undang-undang yang se-rupta. Tidak patut ditambah lagi undang-undang baru," ujarnya.

Akta berita palsu menakutkan

RATA-RATA pengamal undang-undang mempersoal kewajaran pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Antiberita Tidak Benar 2018 yang menyaksikan hukuman denda sehingga RM500,000 atau penjara 10 tahun.

Peguam Syahredzan Johan menyifatkan akta baharu itu benar-benar menakutkan walaupun tidak dikait dengan keselamatan negara atau ketenteraman awam.

Menurutnya, undang-undang lain menjaskan ucapan atau ekspresi sebagai ancaman kepada keselamatan negara atau ketenteraman awam se-lain menyebabkan kerosakan kepada orang lain.

"Pihak pendakwa tidak perlu menyatakan bahawa 'berita palsu' diarahkan kepada orang lain. Adalah cukup bahawa maklumat palsu atau sebahagiannya palsu."

"Rang undang-undang ini pada hakikatnya membenarkan negara (atau kerajaan) untuk memutuskan apa yang benar dan palsu. Itu adalah prospek yang benar-benar menakutkan," dipetik daripada statusnya di

Facebook.

Beliau berpendapat individu yang terlibat dengan penghasilan karya berbentuk satira turut berisiko dikenakan tindakan mengikut undang-undang tersebut walaupun tidak dinyatakan secara khusus dalam takrifan akta itu.

"Takrif 'berita palsu' dalam rang undang-undang adalah maklumat yang benar-benar atau sebahagiannya palsu."

"Ingatlah, karya Zunar juga sindiran politik. Dan dia telah ditangkap, dibebankan, telah disita buku-buku dan lain-lain, dan undang-undang itu (Akta Hasutan) juga tidak menyatakan dengan jelas," tambahnya.

"Berita palsu" dalam RUU itu ditakrifkan sebagai "apa-apa berita, maklumat, data dan laporan, yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu, sama ada dalam bentuk rencana, visual atau rakaman audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea".

Dalam hal berkaitan, peguam Farhan Haziq pula menegur pandan-



Syahredzan Johan

gan lazim yang kerap mengaitkan langkah menggubal undang-undang baru dengan hal sama dilaksanakan negara lain. Padahal, tegasnya, apa yang menyediakan undang-undang yang cuba untuk dikuatkuasakan tidak menyeluruh seperti dibuat di negara lain. "Tipikal. Apabila kita membuat undang-undang atau dasar kontroversi yang baru, kita kemudian berkata, negara-negara lain melakukan perkara yang sama. Tetapi, terdapat

banyak perkara yang baik, kita tidak ikuti."

"Hanya untuk kontroversi dan mempunyai kecenderungan membahayakan hak asasi manusia, kita ingin ikut. Perlindungan itu sentiasa untuk kerajaan dan campur tangan mahkamah akan selalu terhad," ujarnya di Facebook beliau hari ini.

Terdahulu, Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dr Rais Yatim secara terbuka menerusi tweetnya menyeru agar semua rakyat Malaysia meneliti akta baharu itu.

"Semua warga harus meneliti Rang Undang-Undang Anti Berita Tak Benar yg kini dibentang di Dewan Rakyat. Implikasinya amat luas termasuk terhadap kerajaan, badan, NGO dan individu."

"Kerja tambahan kpd PDRM dan pendakwaan. Tumpu kepada pemahaman dan takrif 'berita tidak benar - apa dia?' soalnya yang mempunyai latar belakang undang-undang."

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Antiberita

Tidak Benar 2018 untuk bacaan kali pertama pada persidangan Dewan Rakyat.

Aka itu akan diguna pakai jika sebarang berita tidak benar dikaitkan dengan Malaysia atau rakyat Malaysia.

Tindakan mengikut peruntukan tersebut juga boleh dikenakan kepada individu atau mana-mana pihak yang menyiarkan berita tidak benar walaupun kesalahan itu bukan dilakukan oleh rakyat Malaysia dan dilakukan di luar negara.

Undang-undang itu turut menegakkan hukuman ke atas individu yang menyediakan bantuan kewangan kepada pihak yang menghasilkan dan menyebarkan berita tidak benar.

Untuk rekod, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuka 45 kertas siasatan sejak Januari 2017 bagi kes berhubung penyebaran berita palsu di pelbagai platform media sosial.

Terdapat empat kes telah dihadapkan ke mahkamah daripada jumlah tersebut bagi tindakan selanjutnya.

BN angan-angan Mat Jenin yakin boleh menang 3 penjuru

PEMIMPIN veteran

Umno, Tan Sri Rais Yatim mengatakan tanggapan mengatakan parti Melayu itu akan menang sekiranya terdapat pertembungan tiga penjuru pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) seperti "angan-angan Mat Jenin".

Rais berkata, beliau tidak fikir Pas akan membantu Umno dan format kerjasama antara kedua-dua parti Melayu itu tidak kelihatan.

"Pada saya, pandangan jika



berlaku pertembungan tiga penjuru antara Umno, Pas dan (Pakatan) Harapan bakal memberi kelebihan kepada

Umno, ia hanya angan-angan Mat Jenin sahaja.

"Kerana kita tidak boleh kawal pengundi," kata Rais dalam wawancara eksklusif bersama *Sinar Harian*.

Rais mengulas kepercayaan ramai penganalisis politik yang mengatakan pertembungan tiga penjuru antara Umno, Pakatan Harapan (PH) dan Pas akan menguntungkan parti pemerintah itu.

Sebelum ini Ketua Pen-erangan Umno Annur Musa

secara terbuka meminta Pas bekerjasama dengan mereka pada PRU14 demi kepentingan Islam di Malaysia.

Penasihat sosiobudaya kerajaan itu mempersoalkan tentang wujudnya atau tidak format kerjasama Umno atau Pas tidak bertanding di sesetengah kerusi seperti di Kelantan.

"Kalau Pas pula, mereka tidak kata di mana dia boleh bertanding atau tidak," katanya.

Ramai 'bulan' dan 'keris' bersama PH selepas bubar

LEBIH ramai penyokong

Pas dan Umno di Perak dijangka mengisyiharkan diri untuk meninggalkan parti masing-masing sejurus Parlimen dibubarkan.

Penasihat Umum AMANAH, Ustaz Ahmad Awang berkata, beliau difahamkan mereka terabit hanyalah menanti masa untuk berbuat demikian seterusnya mengundi PH pada pilihan raya akan datang.

"Kita nampak memang sekarang pun sebahagian mereka (penyokong Pas dan

Umno) tunggu bubar Parlimen. InsyaAllah, baru mereka berani.

"Saya difahamkan sama ada di sebelah 'keris' (Umno) pun, ada yang menunggu masa bubar (Parlimen). Orang yang dulu berkeris pun nak pegang 'bunga' (Bersatu).

"Bahkan, (mereka) sudah buat pertemuan dengan 30 penyokong tegar Umno yang secara diam-diam menyebelahi kita (PH)," ujarnya dalam tazkirah sempena pembukaan Pejabat AMANAH Taiping 25 Mac lepas.

Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dan kesannya

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said baru-baru ini telah membuat Bacaan Pertama terhadap Rang Undang-Undang Anti-berita Tidak Benar 2018 (D.R. 6/2018) di Parlimen.

RUU tersebut telah mendapat liputan meluas kerana kesan sabitan terhadap kesalahan menerbitkan atau menawarkan berita tidak benar adalah sangat berat iaitu boleh didenda tidak melebihi RM500 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun. Selain itu, jika kesalahan itu dibuat secara berterusan denda tidak lebih RM3000 boleh dikenakan bagi tiap-tiap hari kesalahan itu dilakukan selepas sabitan.

RUU tersebut yang mengandungi 14 seksyen adalah bertujuan untuk memperkatakan tentang berita tidak benar dan perkara berkaitan. Mengikut huriahan kepada RUU ini, perkembangan pesat teknologi telah menjadi kebimbangan global dan semakin serius sehingga menyentuh orang awam sehingga memerlukan kawal selia yang lebih tegas.

'Berita tidak benar' telah ditafsirkan sebagai apa-apa berita, maklumat, data dan laporan, yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu, sama ada dalam bentuk rencana, visual atau rakaman audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea.

"Penerbitan" pula ditafsirkan sebagai termasuk apa-apa penerbitan bertulis atau yang serupa dengan penerbitan bertulis atau salinan atau penghasilan semula secara substansial penerbitan itu dan apa-apa penerbitan yang dihasilkan secara digital, elektronik, magnetik atau mekanikal atau replikasi substansial penerbitan itu.

Ini bermakna apa-apa penerbitan melalui media sosial seperti Facebook dan aplikasi WhatsApp juga boleh dikecakar pendakwaan.

RUU ini memperuntukkan bahawa



sesiapa yang mengadakan, menawarkan, menerbitkan, mencetak, menge-darkan, mengelilingkan atau menyebarkan apa-apa berita tidak benar atau penerbitan yang mengandungi berita tidak benar boleh disabitkan atas kesalahan tersebut. Selain itu, Mahkamah juga diberikan kuasa untuk memaksa pesalah itu untuk memohon maaf terhadap orang yang disentuh itu dan jika enggan maka boleh dikenakan hukuman menghina Mahkamah.

Selain itu, RUU ini juga memperuntukkan kesalahan bagi orang yang bersubahat dalam membuat penerbitan itu dengan memberikan bantuan kewangan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

RUU ini juga meletakkan kewajipan kepada mana-mana orang yang mempunyai milikan, jagaan atau kawalan terhadap penerbitan tidak benar itu untuk menghapuskan penerbitan itu secara serta-merta dan sesiapa yang tidak melaksanakannya boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100 ribu dan denda tidak lebih RM3000 sehari selepas sabitan selama kesalahan itu berterusan.

Menariknya juga RUU ini membentarkan mana-mana orang yang disentuh dengan penerbitan tidak benar itu boleh memohon di Mahkamah untuk penghapusan penerbitan itu. Pesalah di bawah RUU ini bukan sahaja boleh didakwa kerana penerbitan berita tidak benar itu disiarkan di Malaysia. Pesalah itu boleh juga didakwa jika ianya diterbitkan di luar Malaysia dan tindakan pendakwaan boleh dikenakan tanpa mengira apa jua kerakyatan pesalah itu asalkan berita tidak benar itu adalah mengenai Malaysia atau orang yang disentuh itu adalah warganegara Malaysia.

Secara umumnya RUU ini nampaknya adalah baik untuk rakyat Malaysia khasnya bagi mengekang penyebaran berita palsu. Ini kerana dengan adanya RUU ini rakyat Malaysia mempunyai tempat untuk mengadu sekiranya mereka menjadi mangsa berita tidak benar. Namun, kerisauan rakyat Malaysia keseluruhannya adalah peruntukan dalam RUU ini adalah terlalu umum dan mudah untuk disalahgunakan.

Jika dilihat kepada takrifan 'berita tidak benar' itu ianya adalah terlalu longgar.

Jika dibandingkan dengan Anti-Fake News Act of 2017 (Philippines), definisi berita tidak benar itu adalah lebih ketat kerana berita tidak benar itu mestilah telah menyebabkan atau mempunyai kecenderungan untuk menyebabkan perasaan panik, pecah belah, huru-hara, keganasan, kebenjian atau menjadikannya sebagai satu propaganda untuk menjatuhkan reputasi seseorang.

Manakala undang-undang yang hampir sama di Jerman iaitu (*Netzwerkdurchsetzungsgesetz*) telah diberikan definisi yang lebih spesifik iaitu berita tidak benar itu hendaklah berkaitan dengan seksyen yang khu-

sus dalam undang-undang jenayah seperti menyebarkan propaganda Nazi, aktiviti terorisme, fitnah terhadap Presiden atau negara, penderhakaan, penipuan, keganasan dan pornografi.

RUU ini juga gagal untuk menentukan siapakah yang boleh mengatakan sesuatu berita itu adalah 'berita tidak benar'. Dalam hal ini, undang-undang Malaysia memberikan kuasa kepada pihak polis selaku pihak yang bertanggungjawab untuk membuat siasatan dan kepada Peguam Negara untuk membuat pendakwaan. Ini bermakna kuasa untuk memutuskan sesuatu berita itu tidak benar adalah terletak kepada kedua-dua badan ini dan ini boleh menyebabkan keadilan terjejas.

Walaupun kemudiannya Mahkamah yang akan membuat penentuan tetapi pada peringkat awal ianya diputuskan oleh PDRM dan Peguam Negara untuk tujuan pendakwaan. Sehubungan itu, berkemungkinan wujud kekhawatiran orang ramai mengenai ketelusan sesuatu penyiasatan dan pendakwaan.

Selain itu, kekhawatiran orang ramai juga adalah bahawa RUU ini akan mengekang kebebasan berkarpak dan

mengeluarkan fikiran seperti mana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Kewujudan internet dan media sosial pada hari banyak mengubah lanskap pemikiran orang ramai. Orang ramai lebih mudah untuk mendapatkan maklumat dan ini terbukti dengan isu 1MDB yang mula diketahui ramai meluas dan mendalam.

Justeru, kebimbangan orang ramai ini adalah berasas kerana kandungan RUU ini yang longgar dan tidak jelas menyebabkan kemungkinan berlaku ketidakadilan dalam perlaksanaannya. Lagipun, undang-undang yang sedia ada sudah lebih daripada mencukupi untuk menangani fitnah dan berita tidak benar yang berlegar di media sosial. Selain itu, kadar denda yang tidak melebihi RM500 ribu dan penjara tidak lebih 10 tahun adalah satu hukuman yang terlampau tinggi dan tidak berkadar dengan kesalahan yang dilakukan itu.

Oleh itu, orang ramai perlu membuat protes segera terhadap RUU ini selagi peruntukan yang dicadangkan itu tidak diubah menjadi lebih baik.

SERUM

CONTENT:

- OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

-20% Sale

Discount

DR. OLIVE BODY CARE

NATURAL . SAFE . EFFECTIVE

Handmade . No Harmful Chemicals . Paraben Free . Halal

SOAPS . BODYSCRUBS . SERUMS . DEODORANT . SUNSCREEN . TEA . SUPPLEMENTS

+60 13 754 9335

www.droleibodycare.wixsite.com/droleibodycare

Tun Mahathir hadiri wacana, buat panelis gelabah

SHAH ALAM: Tun Dr Mahathir Mohamad membuat kejutan apabila hadir pada program Wacana Sinar Harian ke-53 yang berlangsung di Dewan Kompleks Kumpulan Media Karangkraf (Karangkraf) dekat sini, 22 Mac lalu.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu tiba di lobi Karangkraf sekitar jam 4 petang bagi mengikuti program bertajuk, 'Apakah Tun M, terlalu tua untuk jadi PM?'

Kehadiran bekas perdana menteri itu disambut meriah para penyokong beliau yang hadir sama bagi mengikuti program wacana tersebut.

Tun Mahathir yang berpakaian lengkap serba kelabu turut ditemani isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, lapor Sinar Harian.

Siri wacana pada kali ini menampilkan Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (Mapan) Universiti Utara Malaysia (UUM) Dr Kamarul Zaman Yusoff, pakar psikologi Prof Datuk Dr Mat Saat Mohd Baki dan Cikgu Fitness Malaysia Kevin Zahri

Abdul Ghaffar.

Di samping itu, sesi wacana ini juga dikendalikan Nazri Kahar dari Astro Awani selaku moderator.

Sementara itu, pensyarah Universiti Teknologi Petronas Dr Muhammin Sulam yakin kehadiran Tun Mahathir dalam wacana itu diketahui pengunjung.

Dr Muhammin yang juga naib

pengerusi AMANAH Perak berkata, ada beberapa petunjuk membuktikan kehadiran pengurus PH itu telah diketahui lebih awal oleh pihak pengunjung, akhbar Sinar Harian.

Beliau juga bersimpati dengan panelis forum, Dr Kamarul Zaman yang dikenali amat kritikal dengan PH termasuk Tun Mahathir kerana nyata kurang selesa dengan kehadiran bekas perdana menteri itu.

"Walaupun saya banyak tidak sepakat dengan Dr Kamarul Yusoff dalam banyak perkara khususnya politik, saya simpati nasib beliau petang itu 'dimainkan' oleh pihak pengunjung."

"Beliau semacam dijadikan ahli gusti WWF yang dijadikan badut untuk dimalukan," tulisnya di la-



Tun Mahathir hadir di majlis wacana membincangkan tentang dirinya di Shah Alam.

man facebook.

Menurut Dr Muhammin kedatangan Tun Mahathir bagaiakan sudah diketahui awal oleh pihak pengunjung khususnya moderator apabila beliau dua kali menyatakan betapa 'tidak adil'nya membincangkan

tuan badan yang tidak hadir dalam forum itu.

"Tambahnya pula pengunjung awal-awal mengosongkan dua kerusi depan bagi memberi ruang Tun M dan isterinya duduk. Ini satu perancangan yang tidak kemas,

mudah dihidu. Saya mungkin berprasangka saja," ujar Dr Muhammin.

Menurutnya, kemunculan Tun Mahathir telah mengubah seluruh mood dan pendekatan program wacana tersebut dengan fokus hadirin lebih kepada tokoh negara itu.

"Ternyata politik media yang dimainkan oleh Sinar Harian adalah sesuatu yang mengejutkan tetapi ia suatu yang tidak wajar. Jumlah pelawat rancangan itu melonjak jauh naik. Ranking tinggi.

"Jari jemari Dr Kamalurzaman pun sempat bermain-main dengan telefon pintarnya. Bahasa tubuh beliau jelas protes dan bengang," tulis Dr Muhammin.

Menurut beliau, 'agenda setting' Sinar Harian seperti sedang membentuk persepsi bahawa Tun Mahathir sebagai PM Malaysia selepas PRU14.

Dalam perkembangan berkaitan, Sinar Harian mengakui menjemput Tun Mahathir ke program wacana itu namun tidak mendapat pengesahan sama ada beliau akan hadir.

Dulu mereka cium tangan Tun Dr Mahathir, kata Mahfuz

Oleh ARIF ATAN

SEHENYIH: Sebahagian besar pemimpin Umno yang menyerang Tun Dr Mahathir Mohamad sekarang termasuk menuduh beliau sebagai punca segala masalah Malaysia, dahulunya begitu patuh pada calon perdana menteri Pakatan Harapan (PH) itu.

Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar berkata, sikap 'yes bos' mereka menjadikan apa sahaja dilakukan Tun Mahathir diterima sepenuhnya tanpa bantahan.

Sebaliknya, tindakan atau polisi Dr Mahathir hari ini dianggap salah hanya kerana tokoh berkenaan di pihak PH.

"Ini beza kepimpinan PH dengan kepimpinan Umno. Kepimpinan Umno waktu Tun jadi bos mereka, semua betul. Sekarang bila Tun tak jadi bos dan lawan mereka, (Umno tuduh) Tun buat salah.

"Kepimpinan PH dulu waktu Tun jadi perdana menteri, kita lawan Tun pada waktu itu. Tapi hari ini apabila Tun berada di jalan yang betul untuk menolak segala kemungkaran yang dilakukan kerajaan pada hari ini, kita mempertahankan Tun," ujarnya.

Berucap pada Ceramah Perdana ber-

temakan Muafakat Rakyat di Taman Sri Hanneco, dekat sini, baru-baru ini, Mahfuz mempersoal peranan pengkritik Tun Mahathir ketika berada dalam kabinet pimpinan bekas presiden Umno itu.

"Pemimpin Umno yang ada pada hari ini sebahagian besarnya juga ada pada zaman Tun jadi perdana menteri termasuk Datuk Seri Najib."

"Apa Najib dan pemimpin-pemimpin kanan Umno sekarang ini buat sewaktu mereka berada dalam kabinet dan majlis tertinggi Umno?"

"Mereka ada peluang untuk bantah apa sahaja perjanjian yang menyusahkan rakyat dan menyebabkan beban ekonomi kepada rakyat," katanya.

Mahfuz menambah, para pemimpin Umno yang kini lantang mengkritik Tun Mahathir berpeluang menegur kesilapan beliau ketika berada dalam kabinet namun enggan berbuat demikian kerana sayangkan pangkat dan kedudukan.

"Waktu itu mereka semua cium tangan Tun Dr Mahathir. Bila depan Mahathir ini (jadi) 'yes bos'."

"Begini takut dengan Tun bahkan dengan Najib pun 'yes sir'. Pemimpin Umno takut. Inilah masalahnya," bida Mahfuz lagi.

Banyak menyimpan, jangan tukar kereta

PETALING JAYA: Seorang pakar ekonomi memberi amaran kepada pengguna supaya lebih berhemat semasa berbelanja dan 'tunggu dan lihat' dahulu sebelum membeli kereta baru tahun ini.

Prof Barjoyai Bardai dari Universiti Tun Abdul Razak berkata ini kerana ada kemungkinan besar akan berlaku kemelesetan ekonomi tahun ini.

Amaran itu di sebalik kenyataan Persatuan Automotif Malaysia (MAA) yang meramalkan jualan kereta akan bertambah baik berbanding tahun lepas.

Malaysia adalah salah satu daripada 3 negara Asia Tenggara yang menyaksikan penurunan jualan Jumlah Keseluruhan Industri (TIV) tahun lepas berbanding 2016. Dua negara lain adalah Brunei dan Vietnam.

Presiden MAA, Datuk Aishah Ahmad berkata persatuan itu berharap TIV akan pulih sedikit.

"Dengan pertumbuhan ekonomi yang baik dan model baru yang diperkenalkan, kami harap TIV akan pulih," katanya.

Barjoyai bagaimanapun berkata, lebih baik untuk rakyat Malaysia mengamalkan pendekatan 'tunggu dan lihat'.

"Ekonomi sekarang sangat tidak tentu. Sesetengah pakar ekonomi percaya kita menuju ke arah kemelesetan ekonomi tetapi pakar ekonomi pasaran berpendapat ekonomi lebih baik pada 2018 kerana trend

pasaran. Secara peribadi, saya tidak setuju dengan pakar ekonomi pasaran," katanya dipetik FMT.

Beliau menasihati rakyat Malaysia untuk berhemat dalam perbelanjaan dan hanya meletakkan wang dalam pelaburan selamat seperti dana amanah.

"Simpan wang anda dengan selamat, apabila peluang baik datang, anda boleh melabur."

"Apabila ekonomi meleset, anda mungkin berpeluang membeli rumah pada harga lebih berpatutan. Ini sepatutnya menjadi proses fikiran," ujarnya.

Barjoyai menambah, kemelesetan berlaku secara global lebih kurang setiap 10 tahun sejak 1780.

"Ia memang berlaku mengikut trend itu. Di Malaysia, jika kita lihat rekod walaupun sebelum kemerdekaan, kita akan lihat kemelesetan ekonomi berlaku setiap 10 tahun."

"Kemelesetan ekonomi yang terakhir adalah pada 2008. Tahun ini ulang tahun ke-10. Kita akan menghadapi kemelesetan lagi, tidak kira betapa kecilnya kemelesetan itu," katanya.

Barjoyai berkata tempoh kemelesetan itu bergantung kepada banyak perkara, termasuk tuah.

"Jika kita bertuah, kemelesetan itu sangat singkat tetapi tempoh minimum bagi kemelesetan biasanya 6 bulan," jelas beliau.

Serum alami keluaran Dr. Olive Bodycare

ASSALAMUALAIKUM dan salam sejahtera para pembaca sekalian. Artikel kita kali ini membicarakan tentang serum, jenis-jenis serum yang dikeluarkan, bahan yang digunakan, kelebihan dan cara menggunakannya.

Selama ini kita biasa menggunakan krim muka untuk memelihara kecantikan kulit muka. Dalam pasaran terdapat banyak jenis krim muka. Krim pelembab untuk siang dan malam, krim pemutih, krim anti jeragat. Krim ini pula dirumus khas untuk berbagai jenis kulit. Untuk kulit kering, kulit berminyak, kulit bermasalah dan sebagainya. Krim muka disediakan untuk melembab dan melindungi kulit dari sinaran matahari, pancaran UV, angin yang sejuk dan kering, cuaca yang ekstrim seperti dimusim sejuk dan musim panas. Krim muka apabila dipakai akan menghasilkan satu lapisan perlindungan diantara kulit muka kita dengan alam persekitaran.

Sebagai rutin harian untuk menjaga kulit wajah supaya sentiasa cantik dan sihat, kita menggunakan 3-produk utama, iaitu: pencuci, toner dan pelembap. Kami ingin mengesyorkan anda menambah satu lagi produk yang sangat baik untuk kulit wajah anda - Serum muka!

Serum komersil yang terdapat di pasaran biasanya mengandungi kimia dan bahan-bahan lain yang bukan alami. Serum kami diperbuat daripada minyak-minyak alami seperti Minyak Zaitun, Minyak Avocado, Minyak Badam, Minyak Vitamin E, Minyak kelapa Dara, Minyak Biji Anggur, Minyak Delima, Minyak Wheatgerm dan Minyak Rosehip Seed.

Mengapa kita perlu pakai serum pula? Dah pakai moisturizer(pelembap) dahlah, takkan tak cukup lagi!. Jawapannya ialah kerana molekul serum jauh lebih kecil dari molekul pelembap. Ini membolehkan serum diserap dengan lebih banyak dan cepat ke dalam pori-pori. Bermakna, bahan-bahan aktif dapat meresap terus ke lapisan kulit yang disasarkan. Serum pula mengandungi 10 kali ganda bahan aktif daripada apa yang terdapat dalam pelembap. Pendek kata, serum lebih berkesan daripada krim pelembap, merawat lapisan kulit atas dan membuat kulit awet muda dan berseri.

Walaubagaimanapun, ini tidak

bermakna yang kita tidak perlukan pelembap langsung. Pelembap membantu untuk mengekalkan serum dalam kulit. Malahan, serum dan pelembap bertindak dengan begitu effektif, terutamanya untuk jenis kulit yang kering.

Kelebihan menggunakan serum muka:

1. Serum dapat memelihara kulit supaya sentiasa dalam keadaan awet muda dengan meningkatkan kelembapan kulit dan membekalkan bahan-bahan aktif yang diperlukan oleh kulit kita. Apabila kulit kita kering, kita memerlukan produk yang boleh meresap ke dalam pori-pori dan memberikan kelembapan yang secukupnya. Tahap kelembapan yang tinggi akan merangsang kulit untuk membentuk kolagen dan elastin. Kedua-dua struktur protein ini sangat diperlukan untuk wajah yang sentiasa awet muda. Apabila umur kita semakin meningkat, kolagen dan elastin kita menurun. Ini akan membawa kepada kemunculan garis-garis halus, kedutan dan kekenduran kulit. Jadi, amatlah penting kita menjaga kelembapan kulit dan meningkatkan bekalan kolagen dan elastin.

2. Serum dapat menyembuhkan dan merawat kulit dengan bahan-bahan aktif yang terkandung dalamnya. Jika anda mempunyai kulit yang berminyak, anda perlu meningkatkan lagi

tahap kelembapannya untuk mencegah kulit anda daripada mengeluarkan minyak yang berlebihan. Bahan aktif dan antioxida yang terdapat dalam serum boleh merawat dan memperbaiki kulit anda. Sekali gus penggunaan serum akan melindungi kulit anda dari kerosakan yang berpunca daripada persekitaran.

Empat jenis serum keluaran Dr Olive Bodycare:

- 1) Anti-ageing Serum untuk membuat kulit wajah sentiasa awet muda dan menghilangkan garis-garis halus pada wajah.
- 2) Clear Facial Skin Serum untuk menghilangkan bintik-bintik hitam, jeragat dan meratakan tona warna muka.
- 3) Dark Circle Eye Serum untuk menghilangkan lebam bawah mata.
- 4) Scar Serum untuk menghilangkan cela dan parut bekas jerawat pada kulit.
- 5) Eye Lash Growth Serum untuk menggalakkan pertumbuhan bulu mata dengan lebih panjang dan lebat.

Cara menggunakan Serum:

Serum boleh tahan lama, walaupun ia nampak sedikit sahaja di dalam botol yang kecil. Sebelum menggunakan serum, mula hendaklah dicuci terlebih dulu. Serum dapat diserap dengan cepat sekiranya kulit anda masih lembat sedikit selepas dicuci. Ambil beberapa titik serum sahaja dan urutlah perlahan-lahan dikulit muka. Setelah selesai, bolehlah diikuti

pula dengan pelembap.

Berapa kali sehari? Disyorkan 2 kali sehari. Tetapi saya suka pakai serum selepas saya mengambil wuduk. Kalau kita nak pakai dua jenis serum macam mana? Misalnya anda ingin menggunakan serum Anti-ageing dan Clear Facial Skin.

Anda boleh guna serum Clear Facial Skin selepas mengambil Wuduk untuk Solat Fajar. Selepas mengambil wuduk untuk solat zohor, anda boleh menggunakan Serum AntiAgeing pula. Begitulah seterusnya.

Nah... itu dia cerita pasal serum. Apalagi, jom kita mula gunakan serum. Kami sudah mula menerima testimony untuk serum-serum kami. Apa lagi!!!

Jom mula guna serum.

Semoga maklumat yang diberikan ini dapat mendatangkan manfaat kepada semua pembaca dan pengguna produk Dr. Olive Bodycare. Produk yang alami, selamat dan berkesan. Jika anda ingin menjadi ejen kami atau ingin mendapatkan info tambahan sila email atau whatsapp kami di nombor yang tertera. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, jom tukar kepada produk Dr. Olive Bodycare dan salam hormat dari kami.

Untuk maklumat lanjut sila layari
www.wix.com/drolivebodycare

Mendedah strategi Najib di masa kecederaan

MALAYSIA di ambang pilihan raya umum paling bersejarah dalam naratif politik negara-bangsa ini. Sebabnya amat jelas.

Peluang mencipta sejarah dalam seumur hidup kita amat cerah dan mungkin tidak akan mengunjungi rakyat lagi. Andainya gagal kali ini, rakyat akan terus terbeban dengan seaneka kenaikan kos sara hidup sementara demokrasi di negara ini akan menjadi autokrasi dan kuku besi.

Amat jelas di garis penamat ini, PM Najib hanya punya satu matlamat yakni untuk menang. Menang bererti selamat Najib dan Umno. Kekalahan bererti mendedahkan dirinya kepada pelbagai dakwaan jenayah bukan sahaja dalam negara bahkan seantero dunia. 1MDB jelasnya adalah konspirasi jenayah antarabangsa didalangi Jho Low sementara Najib adalah Penasihat 1MDB.

Kejayaan awal strategi Najib dalam memecahkan kesatuan pembangkang (Pakatan Rakyat) sekaligus memenjarakan ikon reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim, bersekali dengan momokan terhadap DAP dan memecahkan, mengasingkan serta 'memandulkan' Pas, tidak lama mampu bertahan. Sementara meneruskan agenda dan menjamkan lagi isu-isu kaum-agama (ethno-religious card), Najib kelihatan kaget dan gusar menyaksikan dinamika baru dalam PH dan pola politik negara.

Dengan kemunculan Pakatan Harapan (PH) yang kemudiannya disertai dan diperkuuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PBBM) di bawah kepimpinan Tun Dr Mahathir dan Tan Sri Mahyuddin, landskap politik segera bertukar.

Sekarang ini muafakat politik PH cukup mantap. Bersedia dengan calon PM dan TPM, peluang rakyat mengangkat sebuah kerajaan Pakatan Harapan semakin cerah. Tawaran Manifesto PH hampir-hampir merupakan 'rawatan komprehensif' kepada

segala dan seaneka penyakit negara ini. Sebuah Malaysia Baru bakal menyinsing.

Kini rakyat diberi pilihan 'kerajaan menanti' buat mengganti kerajaan kleptokrat Najib yang ditanggapi umum semakin bobrok, usang dan hilang arah. Hidup-mati perjuangan Umno berkisar sekitar untuk pertahankan Najib. Untuk pertahankan Najib, kepimpinan Umno terpaksa pertahankan Jho Low kerana jatuh Jho Low kecundanglah Najib. Malang sekali!

Dalam kekalutan dan kemelut mendepani kemaraan rakyat dan PH, Najib menukar strateginya. Masih dalam masa kecederaan, beliau mengatur langkah-langkah liciknya untuk memastikan lawannya disekat dan kemenangan rakyat akan dapat dinafi bahkan sanggup dicuri.

Bagi memenuhi matlamat strategiknya, Najib bergantung kepada kerjasama SPR dan RoS. Sementara itu, laluhan oleh Yang Dipertua Parlimen (Legislatif) dan Mahkamah (Kehakiman) memberi jalan mudah merealisasikan segala makar jahat kumpulan pemikir atau 'think-tank'nya.

Pertama, peranan SPR dan manipulasi persempadanan semula. Meskipun dicabar pelbagai pihak, khasnya 'judicial review' dari kerajaan negeri Selangor, Najib bertegas untuk membentang cadangan SPR itu di Parlimen.

Kritikan keras terhadap cadangan persempadanan semula SPR yang bertentangan dengan beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan didahului oleh pihak akademik termasuk bekas hakim. Ketidakseimbangan kawasan hasil 'gerry-mandering' jelas memberi kelebihan atau 'advantage' kepada parti pemerintah. SPR dan Umno-BN tidak langsung mempedulikan akibat buruk pengasingan atau polarisasi etnik atau kaum yang nyata dan menonjol sekali.

Tegasnya, persempadanan semula SPR ini didakwa dapat membantu BN menang dua pertiga majoriti dengan hanya perlu meraih 40 peratus undi. Ini mengikut kata seorang akademik, jika peratus keluar mengundi hanya ke tahap 70%.

BN diramalkan akan menambah 8 kerusi parlimen di Semenanjung dengan cadangan semula ini, mengandaikan suasana 2013 tidak berubah. PH juga akan berdepan laluhan sukar di tiga negeri sasarannya yakni Johor, Selangor dan Perak.

Langkah kedua Najib yang jelasnya dilakukan secara tergesa-gesa adalah memperalatkan perundungan. Dengan membentangkan RUU Anti-Berita Palsu, diambil pilihan raya, dengan pelbagai kekurangan di segi 'framing' dan 'pentakrifan' pengubalan undang-undang substantif itu sendiri, Najib hanya punya satu matlamat.

Beliau mahu menjerut dan mencekik semua saluran komunikasi pembangkang serta pihak NGO dan rakyat. Hukuman melanggar undang-undang ini membawa penalti maksimum RM500,000 atau penjara 10 tahun atau kedua-dua sekali adalah amat menakutkan atau 'prohibitive'. Najib merancakkan 'Politik Ketakutan' atau 'Politic of Fear'.

Sudahlah tidak langsung memberi sedikit laluhan pun untuk pembangkang menggunakan media perdana (cetak dan elektronik) yang dibayar semua pembayar cukai, yang pastinya bukan milik Umno, kini Najib menyempurnakan cita-cita tamak dan curangnya, untuk menguasai saluran media digital pula.

RUU Anti-Berita Palsu atau 'Anti-Fake News' adalah sendirinya 'Fake Law'. Ia adalah instrumen kerajaan yang sangat drakonian justeru amat berlawanan atau 'ultra-vires' dengan pelbagai peruntukan Perlembagaan Persekutuan!



ANALISIS
DR DZULKEFLY AHMAD

Lebih jahat lagi dari kedua strategi Najib tadi ialah penggunaan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS). Umum tampak jelas pendekatan RoS yang akan mengagalkan pendaftaran Pakatan Harapan sekaligus menafikan penggunaan 'Satu Logo PH' dalam PRU nanti. RoS pastinya tidak akan meluluskan pendaftaran PBBM dan sedikit waktu dahulu tetap mencuba mengharamkan DAP.

Kesimpulannya, Najib dan Umno-BN sangat gerun dengan lambang kesatuan muafakat politik yang menampilkan gandingan legenda kepimpinan politik yakni Tun M-DSAI-LKS-Mat Sabu dengan disokong takungan kepimpinan yang memiliki pelbagai latar belakang, kepakaran dan pengalaman.

Inilah saf kepimpinan yang sudah bersedia dengan tawaran manifesto yang komprehensif serta komited menggantikan kepimpinan dan kerajaan kleptokrat BN untuk 'Membina Negara dan Memenuhi Harapan Rakyat'.

Dengan strategi 'kesatuan muafakat politik' bersama-sama rakan-rakan strategik PH yakni Hindraf dan MIRA New Gen serta seluruh NGO (Bersih dan lain-lain) dan rakyat yang mendambakan perubahan, sedang dicipta riak dan akhirnya gelombang, yang akan bakal menumbangkan kerajaan BN. Biiznillah!

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMNAH.**

Umno galakkan budaya samseng, kata Mahfuz

Oleh **NAZRI ABDULLAH**

UCAPAN sulung Datuk Mahfuz Omar selepas bergelar ahli parlimen Parti Amanah Negara (AMANAH) menghangatkan persidangan Dewan Rakyat 21 Mac lalu.

Kekecohan berlaku apabila ahli parlimen Pokok Sena itu membidas Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan yang didakwa menggalakkan perlakuan 'samseng' di kalangan belia.

Beliau merujuk kepada arahan menteri besar itu kepada ahli-ahli Umno supaya terbalikkan meja di kedai kopitiam yang menjadi sarang memfitnah kerajaan.

Mahfuz mendakwa sikap itu bertentangan dengan nilai-nilai yang dipromosi-

kan di bawah pelan Transformasi Negara 2050 (TN50) kerajaan.

"Saya percaya bahawa tidak ada siapa yang menolak hasrat untuk membentuk budaya bernilai tinggi dan berintegriti, tetapi akhir-akhir ini dalam sehari dua ini dia macam bertentangan dengan TN50.

"Contoh apa yang disebut MB Negeri Sembilan yang disertai oleh (Menteri Belia dan Sukan) Khairy Jamaluddin yang menghasut anak-anak muda BN supaya terbalikkan meja di kedai kopitiam.

"Saya melihat bahawa ini bertentangan dengan hasrat TN50. Ini menunjukkan bahawa TN50 ini tak lebih dari satu pembohongan kepada masyarakat dan rakyat," katanya ketika mengemukakan soalan tambahan sewaktu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri SK

Devamany menjawab soalan daripada Shaharuddin Ismail (BN-Kangar) mengenai konsep TN50.

Kenyataan Mahfuz itu sekaligus mengundang serangan balas ahli-ahli parlimen BN yang mengambil peluang menyindir Mahfuz dengan mengaitkan kemasukan beliau ke dalam AMANAH.

Ia termasuk Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan), Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin (BN-Papar) dan Datuk Abdul Ghapor Salleh (BN-Kalabakan).

Bagaimanapun beberapa ahli parlimen Pakatan Harapan bangun menyokong hujah Mahfuz sekaligus mengundang pertikaman lidah antara mereka sehingga menggamatkan dewan.

Suasana Dewan Rakyat bertambah gamat apabila Timbalan Speaker, Datuk

Seri Ismail Said turut menyindir Mahfuz dengan berkata, "Saya jemput Pokok Sena sebab saya ingat sekarang dia lebih beramanah."

Beliau kemudian mengarahkan semua ahli parlimen agar duduk dan tidak membuat bising.

Sebelum ini, Mohamad ketika pelancaran Briged Gempur Pemuda BN Rembau didakwa menggalakkan budaya samseng di kalangan ahli Umno.

Selepas kenyataan beliau dikritik umum, menteri besar itu kemudian menafikannya dan mendakwa ucapan itu bertujuan menaikkan semangat jentera parti untuk memastikan kemenangan BN pada pilihan raya umum ke-14.

Mazlan mampu cetus tsunami di kawasan Felda

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Tindakan terbaru pengguna menahan Mazlan Aliman di bawah Akta 233 Akta Komunikasi adalah langkah terdesak kerana momentum yang digerakkan beliau di kawasan Felda bakal menjadi tsunami dalam pilihan raya umum (PRU) nanti, kata Pengurus Taskforce Felda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Wan Mohd Shahrir Wan Abd Jalil.

Ujar beliau, sejak PPBM menubuhkan badan bertindak Felda, beliau selaku pengurus sering bekerjasama dengan Presiden Persatuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak) itu bagi mengatur program penerangan di tanah-tanah rancahan Felda.

"Berbeza dengan penceramah lain, termasuk saya sendiri, Mazlan mengenali

Felda macam 'belakang tangan dia saja'. Dia menguasai statistik-statistik, detail dan maklumat yang bertulis atau tersirat, lantaran pengalaman selama 30 tahun mendengari denyut nadi Felda.

"Beliau juga mempunyai jaringan luas, termasuk 'fifth column' dalam Felda. Masih ada pegawai Felda yang mempunyai hati nurani dan 'moral compass' yang ingin maklumat diterima kepada tangan yang boleh menjadikannya fakta, setidak-tidaknya mengekang pengguna dari 'Beraja di mata dan bersultana di hati', " jelas beliau.

Wan Mohd Shahrir menambah, masalah utama dihadapi Mazlan adalah sekatan terhadap ceramahnya dan kehadiran peneroka yang 'takut-takut' ke majlis ceramah beliau walaupun data dan maklumat yang diketengahkan

kan Mazlan jitu.

Namun jelas beliau, keadaan bertukar apabila PPBM menerobos ke kawasan Felda dan beberapa siri 'Semarak Kasih Felda' yang diatur dengan PPBM dan Anak menukar kehadiran dari puluhan ke ribuan manusia.

"Mungkin kehadiran didorong oleh aura (Pengerusi Pakatan Harapan) Tun Dr Mahathir.

"Di Taib Andak kehadiran seramai 2000 orang, Jengka 8 seramai 2500, Lubuk Merbau sekitar 2000, Kota Tinggi 4000 dan Jengka Pusat seramai 1500 walau dalam hujan.

"Ada beberapa siri lagi jelajah Semarak Kasih Felda yang kehadirannya tidak menghamparkan tetapi yang disebutkan sebagai contoh," katanya.

Perkembangan baru ini, jelas Wan Mohd Shahrir membuatkan Mazlan san-

gat teruja kerana selama ini mesej jitu beliau tidak sampai ke kumpulan sasar kerana kehadiran yang kurang.

Pihaknya dan Anak merancang beberapa siri jelajah Felda menjelang PRU di kawasan parlimen-parlimen tumpuan boleh menang.

Menurut Wan Mohd Shahrir, walaupun bekas pengurus Felda Tan Sri Isa Samad berjaya dalam saman fitnahnya terhadap Mazlan sehingga beliau tidak boleh bertanding akibat muflis, keputusan mahkamah itu tidak mengurung niat Mazlan untuk terus berjuang.

"Marilah kita sama-sama berusaha agar beliau boleh meneruskan usaha murni beliau. Kita semua bangkit sebagai Mazlan Aliman kerana beliau adalah kita!

"Kita semua adalah Mazlan Aliman. Bersatu!" tegas Wan Mohd Shahrir.

Mazlan Aliman dibebaskan selepas 3 hari ditahan

Oleh AKMAI HAZIQ

Foto WAN ZAHARI WAN SALLEH

PRESIDEN Persatuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak), Mazlan Aliman yang ditahan sejak 22 Mac lalu dibebaskan di Balai Polis Jinjang pada pukul 12 tengah hari, 24 Mac lalu.

Menurut peguam beliau, Wan Anwar Wan Ibrahim, Mazlan sepatutnya ditahan reman sehingga 25 Mac namun soal siasat telah dilakukan dengan segera membolehkan beliau dibebaskan lebih awal.

Kata beliau, Mazlan disiasat di bawah Akta 500 Kanun Keseksian, atas dakwaan menyebarkan fitnah berunsurkan jenayah, serta Seksyen 233 Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia atas kesalahan menyalahgunakan media elektronik menyebarkan perkara-perkara tidak benar.

Bagaimanapun tambah beliau, Mazlan turut ditahan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 berhubung ceramah yang diadakan tanpa terlebih dahulu memberikan notis kepada pihak berkuasa.

"Untuk selanjutnya, pihak kami (pegawai) akan menunggu tindakan sama ada pertuduhan dibuat ke atas Mazlan atau sebaliknya selepas ini," katanya.

Turut hadir menyambut pembebasan Mazlan di Balai Polis Jinjang ialah Naib Presiden AMANAH, Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus dan Husam Musa.

Dalam perkembangan berkaitan, Himpunan solidariti untuk Mazlan Aliman berlangsung di hadapan Lokap Bersekutu Jinjang bermula jam 9.30 malam, 22 Mac lalu bagi menyatakan sokongan kepada Mazlan yang ditahan reman di situ.

Himpunan anjuran Pemuda Pakatan Harapan itu dihadiri para pemimpin AMANAH dan Pakatan Harapan.

Para pemimpin yang hadir mengambil giliran berucap menyatakan sokongan terhadap Mazlan dengan dimoderatorkan pengarah Mobilisasi Pemuda ratorkan pengarah Mobilisasi Pemuda PH Shazni Munir Mohd Ithnin.

Sekumpulan anggota polis turut dilihat hadir memantau keadaan.

Polis menahan Mazlan ekoran laporan polis dibuat peguam isteri perdana menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Ia berkaitan ucapan Mazlan yang mendakwa Rosmah terlibat dalam projek penternakan ikan sturgeon yang gagal dilaksanakan selepas memakan belanja berjuta ringgit oleh Felda.



Mazlan dengan diiringi peguam disambut para pemimpin AMANAH sejurus dibebaskan daripada tahanan.

Projek itu disiasat Suruhanjaya Penegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tahun lalu dan beberapa pegawai tinggi Felda termasuk bekas pengarah besar Felda, Datuk Faizoull Ahmad dan bekas timbalan pengarah besar (Pengurusan Sumber Strategik) Felda, Muhammad Sufi Mabub kini didakwa di mahkamah.

Mazlan di satu program ceramah mendakwa diberitahu seorang pegawai Felda yang ditahan SPRM bahawa projek itu mendapat 'restu' perdana menteri Datuk Seri Najib Razak dengan Rosmah mena-

sihatkan pegawai Felda cara menggerakkan projek terbabit

Seksyen 500 Kanun Keseksian memperuntukkan hukuman penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya untuk kesalahan memfitnah.

Sementara Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya untuk kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Tangkapan Mazlan bermotif politik, kata PH Johor

PAKATAN Harapan (PH) Johor mengecam penahanan Presiden Persatuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman yang dilakukan pada waktu tidak munasabah dan menyifatkannya sebagai bermotif politik.

Dalam kenyataan bersama Pengurus PH Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin, Pengurus PPBM Johor Datuk Dr Shahruddin Md Salleh, Pengurus AMANAH Johor Aminolhuda Hassan, Pengurus Keadilan Johor Hasan Karim dan

Pengerusi DAP Johor Liew Chin Tong, mereka berpendapat polis boleh meminta Mazlan hadir ke ibu pejabat polis untuk diambil keterangan dan tangkapan tidak perlu dilakukan.

"Hal ini amat tidak masuk akal. Mazlan adalah individu yang dikenali ramai dan dari rekod lalu, beliau telah memberikan kerjasama yang sangat baik terhadap pihak berkuasa serta tidak pernah mlarikan diri," ujar kenyataan bertarikh 22 Mac itu.

Mazlan ditahan susulan laporan polis yang dibuat oleh peguam isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, NoorHajran Mohd Noor di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, 19 Mac lalu.

Laporan polis itu dibuat berhubung ceramah Mazlan yang dimuat naik ke YouTube yang didakwa telah merosakkan reputasi dan integriti Rosmah.

"Pakatan Harapan Johor mengesyaki bahawa penangkapan Mazlan ini bermotif politik.

"Pendedahan Mazlan berkaitan pembabitan isteri Perdana Menteri dalam isu kegagalan projek ikan sturgeon mutakhir ini barangkali menjadi antara faktor tangkapan ini dilakukan.

"Kami berpendapat, sebarang persoalan mengaitkan isu politik yang timbul mestilah diselesaikan dengan hujah dan fakta. Bukan mengekang dengan kuasa," kenyataan itu dipetik.

Ramai 'orang bulan dan keris' akan bersama PH

Oleh ARIF ATAN

TAIPING: Lebih ramai penyokong Pas dan Umno di Perak dijangka berani mengisyiharkan diri meninggalkan parti masing-masing sejurus Parlimen dibubarkan.

Penasihat Umum AMANAH, Ustaz Ahmad Awang berkata, beliau difahamkan mereka terbabit hanya menanti masa untuk berbuat demikian seterusnya mengundi PH pada pilihan raya akan datang.

"Kita nampak memang sekarang pun sebahagian mereka (penyokong Pas dan Umno) tunggu bubar Parlimen. Insya Allah, baru mereka berani."

"Saya difahamkan sama ada di sebelah 'keris' (Umno) pun, ada yang menunggu masa bubar (Parlimen). Orang yang dulu berkeris pun nak pegang 'bunga' (Bersatu).

"Bahkan, (mereka) sudah buat pertemuan dengan 30 penyokong tegar Umno yang secara diam-diam menyebelahi kita (PH)," ujarnya dalam tazkirah sempena pembukaan Pejabat AMANAH Taiping, baru-baru ini.

Bekas Pesuruhjaya Pas Perak itu berkata, situasi sama turut berlaku

pada penyokong Pas di Parlimen Bagan Serai yang sebelum ini dikenali mempunyai 'lubuk' penyokong tegar parti tersebut.

"Begini juga dengan penyokong bulan. Kalau di Bagan Serai, dulu ada rumah jadi tempat berhimpun orang bulan bermesyuarat. Sekarang tidak lagi. Maknanya, dia sudah beralih.

"Apa lagi kita difahamkan calon (Pas) yang hendak dikemukakan di Dun Semanggol dan Dun Selinsing tidak begitu diterima pimpinan kawasan. Orang negeri yang akan bertanding," jelasnya.

Untuk rekod, P58 Bagan Serai disandang BN dengan majoriti kecil iaitu 1,140 undi. Bersatu bakal meletakkan calon mewakili PH di Parlimen tersebut pada PRU-14.

Sehubungan itu, Ustaz Ahmad yakin Perak akan bakal dimenangi PH pada PRU-14 namun menasihatkan langkah berjaga-jaga perlu dipandang serius bagi mengelak pi-

hak musuh menyerap masuk dalam gabungan empat parti itu.

"Ini satu petanda harapan kita (untuk menang) cerah. Kita percaya Insya Allah, Perak memang dijangka akan dapat dimenangi oleh PH.

"Kita disamping bekerja dan berdoa tapi sentiasa memerhati dan mengawasi pihak musuh yang mengupah orang untuk menyeludup.

"Bukanlah mencurigai semua orang tetapi mereka ini bila tiada pilihan, kaedah itu digunakan," ujarnya.

Ustaz Ahmad turut mengingatkan tentang ancaman fitnah melalui media sosial yang perlu cermat ditangani PH.

"Zaman maya ini, telefon satu lagi kaedah yang boleh mengubah persepsi masyarakat yang boleh membawa fitnah, tuduhan dan skandal yang dikaitkan dengan pimpinan dan calon," tambahnya lagi.

Ustaz Ahmad Awang



RoS lebih gemar jawab media, kata PPBM

PETALING JAYA: PPBM mendakwa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS) senang mengada-adakan alasan bagi melengahkan proses pendaftaran Pakatan Harapan (PH) sejak awal permohonannya pada Julai tahun lalu.

Parti itu turut mempersoalkan tindak-tanduk RoS yang lebih gemar membuat kenyataan media daripada menjawab secara rasmi kepada PH.

"PH buat permohonan untuk pendaftaran sudah lama iaitu sejak 7 atau 8 bulan yang lalu," kata peguam PPBM, Mohamed Haniff Khatri Abdulla kepada FMT.

"Tidak ada maklum balas apa-apa diberi kepada PH pada masa itu, sehingga PH membuat pertemuan jumpa dengan RoS, barulah diberitahu secara lisan tentang masalah dihadapi, tetapi bukan secara bertulis," katanya.

Pada 23 Mac lalu, JPPM mengesahkan pendaftaran PH pada masa ini masih tidak dapat diproses.

Ketua Pengarahnya Surayati Ibrahim memberi alasan kegagalan PPBM menjawab dan menyerahkan semua maklumat dan dokumen seperti mana dinyatakan dalam notis mengikut Seksyen 14 (2) Akta Pertubuhan 1966.

PPBM adalah salah satu daripada empat

parti gabungan PH.

Pada 9 Mac lalu, RoS dilapor mengeluarkan notis mengikut Seksyen 14(2) Akta Pertubuhan 1996 kepada PPBM yang menghendaki parti itu menjawab dan menyerahkan maklumat serta dokumen minit mesyuarat cawangan, bahagian dan pusat serta laporan perihal penyata kewangan parti.

Mengulas lanjut, Haniff mempersoalkan tindakan RoS mengeluarkan kenyataan media lebih awal dari tarikh notis untuk PPBM menjawab.

PPBM diberi tempoh sehingga 28 Mac ini untuk menjawab dan menyerahkan maklumat serta dokumen berkaitan atau berdepan risiko dibubarkan.

Haniff berkata RoS hanya menjawab desakan PH apabila PPBM memfailkan tindakan mahkamah pada 22 Feb lepas, menyebabkan satu notis dikeluarkan kepada PPBM pada 28 Feb.

Pada 31 Oktober lepas, Kementerian Dalam Negeri dalam jawapan bertulis Dewan Rakyat berkata, RoS masih menilai permohonan PH.

Pengerusi PPBM, Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, jawapan itu tidak mencukupi kerana tidak menjelaskan kenapa ia mengambil masa terlalu panjang bagi menentukan kesalahan dilakukan oleh pihaknya.

RUU Antiberita Tidak Benar undang-undang drakonian

KUALA LUMPUR: Rang Undang-undang (RUU) AntiBerita Tidak Benar 2018 yang dibentangkan bagi bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, 26 Mac lalu disifatkan sebagai undang-undang drakonian.

Pengarah Komunikasi Keadilan Fahmi Fadzil berkata, mengikut draf RUU AntiBerita Tidak Benar itu, terdapat fasal yang menunjukkan ia akan terpakai kepada semua pengamal media sosial dan media arus perdana dalam dan luar negara.

Menurut Fahmi, Fasal 3(1) RUU itu menyebut, "Jika mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh mana-mana orang, walau apapun kerakyatan atau kewarganegaraannya, di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia".

Manakala Fasal 3(2) RUU itu menjelaskan bahawa 'berita tidak benar' itu adalah mengenai Malaysia atau orang yang disentuh ialah warganegara Malaysia.

"Bukan sahaja RUU AntiBerita Tidak Benar 2018 secara am bersifat drakonian, dengan hukuman denda maksima RM500,000 atau penjara maksima 10 tahun atau kedua-duanya sekali, tetapi lingkungan pemakaian akta ini mem-

bawa maksud mana-mana pengguna media sosial malah juga media arus perdana di luar negara mungkin boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang Malaysia," ujarnya.

Sehubungan itu Fahmi menyarankan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Salleh Said Kruak menjelaskan Fasal 3 akta ini kepada para wartawan dan orang ramai.

"Beliau juga harus berjanji tidak akan menggertak pengamal media antara-bangsa terutama yang telah membuat laporan mengenai skandal besar 1MDB," katanya.

Beliau turut menyentuh kenyataan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari pada 21 Mac lalu yang memberi gambaran bahawa pihak kerajaan mempunyai monopoli ke atas takrif 'berita palsu'.

"Ini adalah satu pandangan yang tidak baik untuk demokrasi negara kita," ujarnya.

Menurut Fahmi, media sebagai 'tiang seri' demokrasi perlu bebas menjalankan tugas semak imbang pentadbiran negara untuk memastikan rasuah, kleptokrasi dan salahguna kuasa tidak bermaharajela.

'Sebelum pergi saya akan selamatkan negara'

Tun Mahathir Mohamad

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Menjawab keranguan sesetengah pihak tentang usia beliau yang telah lanjut, Tun Mahathir Mohamad mengakui beliau akan 'pergi' tidak berapa lama lagi namun akan berusaha menyelamatkan negara daripada 'pemimpin kleptokrat perosak negara'.

Malah dalam tulisannya di laman chedet.cc, Tun Mahathir mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk berbahas.

"Ya, usia saya akan mencecah 93 tahun Julai ini. Ya, 93 tahun adalah tua. Najib tak perlu takut saya."

"Tetapi Najib takut. Takut berbahas dengan saya. Dua kali apabila forum Nothing to Hide (Tidak ada apa yang nak disembunyi) diadakan, Najib tidak berani hadir untuk bahas soal sembunyi fakta."

"Sebaliknya diarah polis hentikan forum. Bahkan pada kali kedua penyokong Najib membaling kerusi dan meletupkan letupan untuk gagalkan forum," tulis beliau.

Sambil menyifatkan Najib sebagai 'masih muda' beliau hairan mengapa presiden Umno itu takut berhujah dengan orang yang berumur sembilan puluhan tahun.

Menurutnya, jika Najib tidak ada apa yang hendak disembunyi dan dinyatakan secara

terbuka, beliau akan cuba membuktikan pelbagai perkara yang disembunyi oleh Najib pada sesi perbahasan itu.

Rakyat katanya, akan mendengar dan membuat keputusan sama ada yang muda (Najib) atau yang tua (Tun Mahathir) menyembunyikan fakta.

"Datanglah dengan pegawai tinggi dan menteri-menteri yang muda-muda belaka."

"Bawak juga pakar-pakar dari luar negeri, termasuk Cambridge Analytica untuk bisik jawapan-jawapan apabila tidak dapat menjawab," tulisnya sinis.

Menurut Tun Mahathir, dalam sesi perbahasan itu, Najib boleh bertanya rekod beliau

sepanjang tempoh 22 tahun menjawat perdana menteri termasuk isu kehilangan berbilion ringgit oleh Bank Negara, kerugian Perwaja dan lain-lain.

"Saya tak akan bawa pakar. Hanya saya sahaja," katanya.

Tun Mahathir mengakui beliau 'akan pergi' tidak lama lagi namun selagi nyawa dikan dung badan, beliau akan memperjuangkan bangsa, agama dan negara.

"Bersama dengan patriot negara, saya akan usaha untuk selamatkan negara ini dari seorang kleptokrat perosak negara. Kepada Allah SWT saya serahkan diri saya," tegas beliau.

Kecewa MB kempen provokasi cetus keganasan

KUALA LUMPUR: Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) menyelar tindakan Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hassan menggalakkan Pemuda Umno mencetuskan keganasan menjelang pilihan raya umum (PRU).

Presidennya Brid Jen (B) Datuk Mohamed Arshad Raji berkata, tindak tanduk Mohamed tidak mencerminkan beliau sebagai seorang pemimpin politik negeri.

"Tingkah lakunya tidak mencerminkan seorang ahli politik dan seorang pemimpin di peringkat negeri."

"Kelakuan seperti samseng itu adalah salah dan tidak boleh diterima dalam budaya Malaysia kita."

"Ucapannya tidak diterima dengan baik oleh masyarakat umum dan ramai yang telah menonton video itu meluahkan cemuh dan perasaan jijik," ujar Arshad.

Mohamad ketika berucap melancarkan Briged Gempur Pemuda BN Rembau menggesa pemuda BN 'menyerang' kedai-kedai kopi yang menjadi tempat pihak pem-

bangkang menyebarkan 'dakyah' membenci kerajaan.

Mengulas lanjut, Arshad mempersoalkan sama ada Mohamad menganggap sebagai Menteri Besar, beliau mempunyai hak dan keistimewaan untuk mengatakan apa sahaja walaupun bertentangan dengan kanun jenayah.

"Lebih teruk lagi apabila beliau menghasut penyokong partinya agar mengambil tindakan fizikal terhadap sesiapa sahaja yang dilihat mengkritik kerajaan."

"Kami juga tertanya-tanya apakah dia fikir sebagai Brigadier Jeneral Kehormat Pasukan Simpanan Tentera Darat memberi hak kepada mereka untuk mengancam orang awam dan pembangkang?" soalnya.

Sehubungan itu, Patriot mengingatkan Mohamad bahawa jeneral tentera tidak berkelakuan seperti beliau yang "tidak memiliki kehormatan".

Ahli politik, ujar Arshad perlu menunjukkan tingkah laku dan teladan yang baik dengan menggalakkan rakyat untuk bersatu, menunjukkan patriotisme, dan

membina masyarakat Malaysia yang harmoni.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad pada 21 Mac lalu menafikan ucapannya itu bertujuan menggalakkan budaya samseng di kalangan anggota parti.

Sebaliknya, ia bertujuan 'menaikkan semangat' jentera parti untuk memastikan kemenangan BN pada PRU14.

"Bukan niat dan maksud saya menggalakkan budaya samseng dan keganasan. Saya cuma mahu menaikkan semangat Pemuda BN supaya bergerak untuk menggempar tempat-tempat dan memangkah atau menidakkannya fitnah-fitnah. Bukan sampai bergaduh. Itu bukan cara kita," katanya kepada pemerita di Seremban.

Mengulas lanjut, beliau memohon maaf jika ada pihak yang salah tafsir cakapnya.

"Saya bukan buat apa-apa ugutan, saya cuma minta Pemuda BN keluar dan gempur isu-isu termasuk di kedai kopitiam. Kadang-kadang kita bergurau tapi orang punya tafsiran salah," katanya.

Dakwaan Najib tidak terlibat skandal 1MDB berita tidak benar

Oleh AKMAL HAZIQ

KUALA LUMPUR: Pengakuan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bahawa beliau bebas daripada sebarang salah laku berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menghairankan Ahli Parlimen Gelang Patah, Lim Kit Siang.

Najib baru-baru ini mendakwa, laporan mengenai 1MDB oleh Jawatankuasa

Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapat beliau tidak dikaitkan dengan sebarang salah laku.

"Saya salah seorang daripada beberapa Ahli Parlimen yang telah membaca kesuruhan laporan PAC mengenai 1MDB itu, namun saya tidak menemui mana-mana bahagian yang menafikan Najib terlibat dengan skandal 1MDB."

"Adakah saya membaca laporan yang

salah?" kata beliau.

Sehubungan itu, pemimpin veteran DAP itu mencabar Pengurus PAC, Datuk Hasan Ariffin atau mana-mana anggota PAC untuk menjelaskan dakwaan Najib itu.

"Sekiranya Pengurus PAC atau mana-mana Ahli Parlimen BN tidak bersedia untuk berbuat demikian, kita akan melihat dakwaan Najib itu sebagai palsu, dan ia

menjadi 'berita palsu nombor 1' di negara ini," tambah beliau merujuk kepada Rang Undang-undang (RUU) Antiberita Tidak Benar yang bakal dibentang kerajaan di Dewan Rakyat.

Ujar beliau lagi, DAP akan menganjurkan forum berkaitan perkara ini di seluruh negara dan Najib dijemput hadir pada setiap forum yang bakal diadakan atau menghantar wakil beliau.

Foto WAN ZAHARI SALLEH, FB



Salahuddin melancarkan jentera pilihan raya PH Sepang sambil diiringi Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM Datuk Abdul Kadir Jasin, Chang Khim dan Hanipa.



PH lancar jentera pilihan raya selatan Se



Menyerahkan sumbangan kepada masyarakat India di Taman Permata, Dengkil.



Sekitar Himpunan Bantah Penipuan SPR

Bangkit usir pencuri pilihan raya

Kelolaan ARIF ATAN

Lantang Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan berucap pada perhimpunan penyerahan memorandum bantahan terhadap penipuan proses persempadanan kawasan pilihan raya pada pagi 28 Mac lalu.

Timbalan Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) itu bertegas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak harus bersekongkol dengan tindakan merompak Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Pidato tajam Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Shazni Munir Mohd Ithnin juga semacam menjentik tanggungjawab rakyat terutama anak muda yang ada antaranya masih tidak peduli untuk berubah.

Kehadiran pimpinan komponen Pemuda PH lain dalam perarakan dari Tugu Negara menuju ke bangunan Parlimen juga dilihat iltizam dalam usaha mengajar rakyat mengusir ‘pencuri’ pilihan raya.

Persempadanan kawasan pilihan raya yang memwujudkan kawasan berasaskan kaum sudah terang lagi bersuluh memberi kelebihan kepada BN. Perdana Menteri yang diburu skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dilihat terdesak untuk membentangkan usul Laporan



Ucapan penuh bersemangat Sany Hamzan menarik perhatian hadirin

Kajian Semula Syor Persempadanan Semula Kawasan Pilihan Raya.

Tujuan Datuk Seri Najib Razak tentunya tidak mahu melihat Umno-BN tersungkur pada PRU-14 kali ini.

Walaupun ujarnya, kerajaan tidak menganggu

atau mempengaruhi SPR tetapi syor pindaan nama ke atas kawasan pilihan raya paling banyak di Selangor iaitu melibatkan lima kawasan dapat dihdiu sebagai bukannya berlaku tanpa sebab.

Begitu juga kawasan campuran di Johor dan Kedah yang secara mendadak berkurang digantikan dengan pertambahan kawasan berasaskan kaum juga menggambarkan syor persempadanan semula yang tidak adil.

Sehubungan itu, perhimpunan membantah penipuan SPR ketika tarikh PRU-14 semakin hampir dilihat penting dalam membangkitkan kesedaran pengundi untuk menolak Umno-BN.

Ketua Pemuda AMANAH Wilayah Persekutuan, Nik Abdul Razak Nik Md Ridzuan berkata, demonstrasi yang dihadiri lebih 1,000 peserta itu masih signifikan supaya mesejnya dapat dibawa hingga ke peti undi.

“Pastinya perhimpunan kita di bawah panas terik matahari begini tidak dapat menghalang laporan persempadanan kawasan pilihan raya daripada dibentang dan diluluskan di Parlimen.

“Namun, aksi ini tetap mustahak bagi membuktikan rakyat Malaysia dengan notis yang singkat boleh berhimpun dalam jumlah yang ramai untuk menyuarakan bantahan.

“Ini penting bagi menghantar mesej kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa Umno-BN dan Najib Razak sedang bersekedudukan dengan SPR untuk menipu rakyat dan merompak pilihan raya,” tegasnya ketika ditemui akbar Mingguan Amanah semasa perarakan berlangsung.

Menurutnya, perhimpunan yang mengiringi penyerahan memorandum membantah penipuan persempadanan semula tersebut juga tambah relevan apabila mesejnya ‘menjalar’ ke media sosial.

“Mesej inilah yang penting kerana telah dan sedang sampai menuju ke peti undi. Tujuan kita jelas supaya rakyat semakin sedar dan celik seterusnya bertindak menterjemahkannya ke peti undi,” ujar Nik Razak lagi.

DIPECAHKAN

Sementara itu, Ketua Pemuda Pakatan Harapan, Hasnul Zulkarnain memberitahu persempadanan semula kawasan pilihan raya mengakibatkan wujudnya komposisi kaum yang amat tidak seimbang.

“Perak juga sama kesannya seperti Selangor. Wujud kerusi majoriti penduduk Cina satu kelompok manakala pengundi Melayu pula dipecahkan dan disumbat dalam kawasan yang lain,” katanya.

Menurutnya, terdapat 16 kerusi Parlimen berada dalam situasi sedemikian antaranya seperti di Lumut yang meyakinkan pengundi Melayu menjadi kaum majoriti mencecah hampir 80 peratus.

“Satu Dun (Dewan Undangan Negeri) dieluarkan iaitu Sitiawan, masuk di bawah Parlimen Beruas Lebih kurang 25,000 pengundi dengan 70 peratus adalah pemilih Cina.

“Jelas, berlakunya pemisahan komposisi kaum dalam sesuatu Parlimen dan bukan satu perkara yang sihat pada amalan demokrasi dan konteks masyarakat majmuk kita,” tambah Hasnul.



Pihak berkuasa cuba menghalang pergerakan peserta ke parlimen.



Shazni (dua dari kanan) membuat halangan ketika peserta himpunan sampai ke kawasan parlimen.

atau mempengaruhi SPR tetapi syor pindaan nama ke atas kawasan pilihan raya paling banyak di Selangor iaitu melibatkan lima kawasan dapat dihdiu sebagai bukannya berlaku tanpa sebab.

Begitu juga kawasan campuran di Johor dan Kedah yang secara mendadak berkurang digantikan dengan pertambahan kawasan berasaskan kaum juga menggambarkan syor persempadanan semula yang tidak adil.

Sehubungan itu, perhimpunan membantah penipuan SPR ketika tarikh PRU-14 semakin hampir dilihat penting dalam membangkitkan kesedaran pengundi untuk menolak Umno-BN.

Ketua Pemuda AMANAH Wilayah Persekutuan, Nik Abdul Razak Nik Md Ridzuan berkata, demonstrasi yang dihadiri lebih 1,000 peserta itu masih signifikan supaya mesejnya dapat dibawa hingga ke peti undi.

“Pastinya perhimpunan kita di bawah panas terik matahari begini tidak dapat menghalang laporan persempadanan kawasan pilihan raya daripada dibentang dan diluluskan di Parlimen.



Para peserta berhimpun dengan aman di luar parlimen sementara menunggu wakil menyerahkan memorandum.

Protes Auku bisukan mahasiswa

Kelolaan ARIF ATAN



Hujan lebat pada 27 Mac lalu tidak menghalang aktivis mahasiswa daripada lebih 20 universiti menuntut supaya Akta Universiti dan Kolej Universiti (Auku) ditamatkan sahaja riwayatnya.

Perarakan protes dengan pekikan "Hidup mahasiswa, Hancur kezaliman" di Jalan Parlimen itu turut menarik perhatian pengguna jalan raya.

Walaupun dihalang daripada memasuki Parlimen, mereka tetap mengangkat plakat serta ber kostum sebagai graduan mengutuk akta drakonian berusia sudah 47 tahun itu.

Kumpulan penuntut terbabit diketuai Asheeq Ali berdiri di tengah hujan kira-kira dua jam dalam usaha mendesak kerajaan Umno-BN berhenti daripada membisukan mahasiswa.

Bahkan, mereka yang 'berperisaikan' kain rentang tertera ungkapan 'Jelajah Kuasa Siswa' terus bertahan tidak mundur meskipun barisan kubu pasukan Unit Tempur Ringan (LSF) PDRM cuba merempuh.

Lebih berani, kumpulan mahasiswa terbabit kemudian berjaya mara ke hadapan. Aksi mereka ekoran tindakan pentadbiran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengenakan tindakan gantung pengajian terhadap Asheeq yang merupakan mahasiswa jurusan undang-undang.

Hanya kerana menyertai perhimpunan #TangkapMO1 di ibu negara pada 2016, beliau digantung pengajian sehingga dua kali.

Kemuncak cengkaman Auku yang ditandai dengan tindakan ke atas Asheeq itulah membangkitkan rasa setiakawan mahasiswa dari seluruh tanah air.

Solidariti termasuk dari seberang Laut China Selatan iaitu Suara Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah dan Gagasan Siswa Merdeka.

Selepas empat wakil mahasiswa dibenarkan masuk ke Parlimen untuk menemui Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Asheeq memberitahu media mesej tuntutan mereka telah disampaikan.

Mereka turut berpeluang bertemu pegawai kepada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh bagi tujuan mengatur satu temu janji.

Asheeq berharap Wan Azizah yang juga calon Timbalan Perdana Menteri Pakatan Harapan (PH) itu dapat membantu mereka mendesak tuntutan penghapusan Auku kepada pihak kerajaan.

"Kami sudah menghantar memorandum berkali-kali kepada pihak berkuasa tetapi tiada apa yang berlaku. Kali ini, kita bercakap kepada kerajaan dan pembangkang dan kami mahu mereka ber komitmen untuk menghapuskan Auku," ujarnya lagi.



Mahasiswa mendesak akta drakonian Auku dihapuskan di Jalan Parlimen 27 Mac lalu.



Tidak mundur bahkan kumpulan mahasiswa berjaya berdarap ke hadapan.

Disoal siasat protes di Parlimen

SEHARI selepas protes mahasiswa menuntut Auku dihapuskan, sekumpulan mahasiswa diketuai Asheeq Ali dipanggil di IPD Dang Wangi untuk disoal siasat polis.

Aksi mereka di Parlimen pada 28 Mac itu dilihat tidak direstui kerajaan pimpinan Najib Razak yang sedang diburu resah Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Asheeq dan tiga penuntut lain termasuk seorang dari padanya mahasiswa disoal siasat di bawah Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman.

Terdahulu, penuntut undang-undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam aksi protes di Jalan Parlimen bertegas akan

mengadakan siri jelajah ke seluruh negara menerangkan ancaman Auku.

Akta itu ketara mahu membisukan mahasiswa seperti terbukti pada tindakan tatatertib yang dikenakan ke atas Asheeq dengan digantung pengajian.

Apatah lagi, beliau tidak pernah didakwa di mahkamah untuk sebarang kesalahan tetapi hukuman digantung selama tiga minggu dan didenda RM200 telah dikuatkuasa kerana menyertai demonstrasi aman Tangkap MO1 (*Malaysian Official 1*).

Aksi Protes Bisu Mahasiswa di Parlimen ketika Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan berita palsu dan

bantahan persempadanan semula kawasan pilihan raya itu meraih sokongan gerakan mahasiswa antaranya Suara Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah.

"Kita mendesak sekeras-kerasnya kepada pihak kerajaan, pihak pentadbiran dan semua pihak yang mempunyai autoriti untuk berhenti membisukan mahasiswa.

"Mahasiswa merupakan jurucakap rakyat, jika mahasiswa bungkam, rakyat juga bungkam. Kita tidak benarkan sekali rakyat dibungkamkan! Mahasiswa dan rakyat berhak untuk bersuara mengenai hak dan kebebasan" dipetik daripada kenyataan gerakan pelajar itu.



Asheeq Ali (dua dari kanan) dan beberapa mahasiswa lain dipanggil di IPD Dang Wangi Mac lalu.

Konfigurasi seni dan indahnya kematian



Ishak Yussof Waghih Lapan bersama Yassin Salleh di Konfigurasi Seni Nasional 2018.

S ELEPAS menghadiri suatu program sehari yang dinamakan "Konfigurasi Seni Nasional 2018" di suatu tempat yang istimewa indahnya di Kalumpang, Hulu Selangor pada Sabtu 17 Mac lalu, saya terasa ada terlalu banyak yang hendak saya tulis. Tak tahu mana satu hendak ditulis dahulu. Beberapa catatan pendek telahpun saya rakamkan dalam fesbuk, bersama gambar-gambar.

La suatu hari yang lain dari yang lain. Terima kasih kepada Lena Farida Chin pensyarah teater di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim yang bertanggungjawab menganjur dan memimpin program ini. Anjuran bersama MyNativeTheatre Resources (MNTR) dan Persatuan Sejarah Kuala Kubu Bharu (Peskubu). Ia dimulakan seawal 8.00 pagi.

Semua peserta yang menghadiri program atau acara ini mesti merentasi sebatang sungai berbongkah batu indah yang airnya separas betis/lutut. Jernih dan bersih. Tiada jalan lain; memang itulah sahaja jalannya ke lokasi rekreasi milik persendirian yang dinamakan Alam Ganggapura itu, di mana alam pepohonannya dipelihara keasliannya.

Lokasi yang sangat cantik untuk pertemuan segolongan seniman dan pelajar seni yang dikenali dan mengenali penganjurnya Lena Farida Chin – sekitar 30-35 orang sahaja. Memang penganjur menghadkan bilangan peserta.

Saya serba salah hendak menulis catatan ini sebenarnya, kerana keseluruhan program sehari itu dibuat di sekitar diri saya. Tetapi saya berfikir – apakah kerana itu maka saya tidak seharusnya menulis catatan mengenai sesuatu yang sangat menarik perhatian saya?

Seperti yang saya sebut mengenai pemilihan lokasinya tadi – ia sesuatu yang di luar kebiasaan. Dan kerana pemilihan lokasinya yang begitu, ia juga telah mela-hirkan beberapa persembahan teater yang sangat menarik.

Okey kita lupakan dulu tiga sesi

wacana atau perbincangan yang melibatkan sepuluh orang tokoh termasuk Dr Anis Amida Abdulhamid, Dr Mas Rynna Wati, Lena Farida Hussain Chin, Mohd Yusni Yussof dan Kassim Muhammad itu, kerana ia berkaitan diri saya. Ada empat persembahan yang dibuat oleh pelajar-pelajar teater Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan seorang pelakon berpengalaman dari Pulau Pinang, yang sangat kreatif dan segar, dan perlu dirakamkan dalam tulisan.

Walaupun keempat-empat persembahan pendek itu pun ada kaitan dengan diri saya, iaitu dibuat berdasarkan karya saya, saya rasa tidak bersalah untuk menulis mengenainya. Pertama, saya dikehujung dengan satu persembahan puisi yang sangat segar dan di luar jangkaan.

Sekumpulan anak muda yang tadinya duduk mendengar perbincangan mengenai sebuah buku, tiba-tiba ketawa dan ketawa sungguh-sungguh, dan dalam mereka ketawa itu muncul Nadhilah Suhaimi daripada satu sudut laman alam nan indah itu, membaca puisi "Hahahaha". Suatu persembahan segar yang sangat sesuai dengan suasana alami pepohonan di situ.

Kemudian ditampilkan pula lakonan pertarungan klasik dua pahlawan bersahabat Jebat-Tuah yang tak pernah tergambar dalam fikiran mahupun imajinasi kita. Fitri Zakaria yang berbadan gemuk itu muncul tak berbau bagi seorang ahli sumo di tengah-tengah khalayak, dan kemudian dari suatu sudut muncul pula Aqil Ridwan yang kecil itu, juga tak berbau, dengan dialog Jebat. Mereka berlari kuat dan berlanggar satu sama lain di tengah-tengah ruang di depan penonton.

Itu saja pun sudah cukup. (Seterusnya adalah lakonan klasik itu). Fikirkan – pernahkah terlintas dalam fikiran kita yang Tuah itu berbadan gemuk sedemikian? Dan mereka bertemu dalam keadaan demikian?

Tentu ini satu idea baru dan berani daripada anak muda berbakat besar se-

erti Hafidz Haikal, yang mengarahnanya. Juga keberanian dan kesanggupan Fitri Zakaria mendedahkan badan gemuknya di depan khalayak.

Saya katakan Hafidz Haikal seorang anak muda berbakat besar kerana saya telah mengenali dia sebelum ini melalui beberapa hasil kerjanya yang cemerlang dalam lakonan (monolog "Lembu" dan watak Alang Bakhil dalam "Uda Dan Dara"), nyanyian (termasuk mencipta lagu), bermain muzik, dan juga rekabentuk grafik.

Lontaran soalannya dalam sesi perbincangan mengenai Tekad Budaya juga satu soalan berani yang menerobos masuk ke minda saya, memikirkan satu perkara yang belum pernah saya fikirkan untuk Tekad Budaya sebelum ini. Apa maknanya dan apa pentingnya Tekad Budaya kepada golongan mahasiswa yang sedang belajar?

Persembahan seterusnya ialah dekon "Macam Orang Gila" yang saya tunggu-tunggu untuk melihat bagaimanakah puisi itu ditampilkan dalam bentuk 'dekon', arahan Lena Farida Chin dan lakonan Nadhilah Suhaimi, Aqil Ridwan dan Samsara.

Terus terang saya akui kurang jelas bagaimanakah bentuk genre teater yang dinamakan 'dekon' ini, yang sering disebut oleh sebahagian peminat teater. Apakah keistimewaannya genre ini? Namun apabila menonton dekon Macam Orang Gila itu saya tidak melihat apa-apa pun keistimewaannya. Persembahan puisi "Hahahaha" itu misalnya lebih menarik buat saya.


Apakah saya gagal melihat bentuk khusus 'dekon' itu kerana saya terlalu mengharapkan sesuatu yang istimewa dari apa yang dikatakan genre baru teater itu? Entahlah!

Dan persembahan keempat ialah "Rekonstruksi Bukan Bunuh Diri & Menunggu Kata Dari Tuhan" arahan FatahOsman, lakonan Harith Masnoor, Mamat Harith dan Nazh Azali. Secara visualnya ini juga sangat menarik, kerana lakonan yang disesuaikan dan cuba disebatikan dengan latar pohonan, daun-daun yang banyak gugur di atas tanah dan bongkah batu besar yang terdapat di sekitaran.

Namun idea yang tersirat di sebalik dialog dialognya agak kurang menonjol kerana kurang jelas dapat didengar.

Okey, setakat itu sahaja mengenai Konfigurasi Seni. Ada satu lagi perkara yang berlaku di sekitar program itu yang ingin saya catatkan, iaitu kejadian yang berlaku sebaik sahaja program tamat, dan peserta mulai beredar pulang, dan ada juga peserta yang mandi-mandi di sungai di

TEKAD BUDAYA DINSMAN



gai di kawasan itu. Sahabat kita yang bernama Ishak Yussof Waghih Lapan pun turut mandi, bersama dengan sahabatnya Yassin Salleh.

Saya pulang lebih awal. Dalam perjalanan pulang saya menerima pesanan watsap memberitahu yang Ishak Yussof yang kami panggil Waghih itu, mengalami semput teruk, ketika sedang menyeberangi sungai untuk pulang, (selepas mandi tadi), lalu dibawa ke klinik kerajaan dan dalam perjalanan ke klinik itu dia meninggal dunia.

Saya menulis sebuah puisi mengabdi peristiwa kematian ini yang entah mengapa saya merasakannya suatu kematian yang indah. Begini puisi itu:

Waghih/ Aku tergamam

Ketika acara berakhir/ Ketika orang beredar/ Dan banyak lagi acara/ Beratur menunggu kita/ Kau pergi tiba-tiba

Waghih/ Kau seperti diam-diam/ Telah ada perjanjian/ Dengan yang Maha Segala

Waghih/ Cara keberangkatanmu/ Indah dan sempurna/ Di Alam Ganggapura itu/ Aku termamam.

Pertamanya saya berasa sangat terharu dengan usaha dan inisiatif yang dibuat oleh Lena Farida Chin ini, tanpa dia memberitahu saya terlebih dahulu.

Telah berpulang seorang demi seorang sahabat ke negeri abadi. Pada 7 Mac lalu adalah giliran seorang sasterawan penting yang namanya tercatat dalam buku "Wajah – Biografi Seratus Penulus" (1981), yang kebetulan seorang sahabat karibku, Ismail Ahmad atau lebih dikenali dengan nama Ajikik.



Dinsman bersama Lena Farida Chin.

Segera ubati kelesuan politik

KALAU ada masalah yang membuktikan pergerakan politik perubahan hari ini, biarpun dengan segenap perkembangan yang sedang berlaku, adalah kelesuan masyarakat berhadapan dengan politik itu sendiri. Kelesuan ini adalah benar dan bukan lagi hanya tilikan politik.

Kelesuan inilah yang bukan sahaja mematahkan semangat, malah menghabiskan sumber. Bukan sedikit jentera parti dibawah yang terpaksa mengeluarkan belanja setiap minggu untuk program, tanpa mendapat pulangan hasil. Ceramah kelompok yang ditemani bihun sup dan teh tarik pun tidak mahu disertai oleh masyarakat.

Begitu juga dengan jentera kempen. Jangan nilai dengan kekuatan sumber Barisan Nasional. Barisan Nasional berupaya mengupah orang untuk memasang bendera di segenap sudut kampung dengan upah yang menarik. Pembangkang seperti Harapan sebaliknya hanya mengharapkan tenaga sukarelawan. Sebab itu lah kita lihat, sehingga ke hari ini pun, bendera komponen Harapan masih tenggelam berbanding pihak lawan. Kita tiada

orang ramai yang bersemangat untuk membantu seperti dahulu. Kita juga tiada walaun untuk menurut perintah.

Acara-acara besar dan penting di Kuala Lumpur tidak lagi mampu menarik peserta dari kampung-kampung untuk turun ke bandar. Begitu banyak himpunan yang dianjurkan hanya untuk melihat dua tiga kerat peserta yang sama dari Lembah Klang datang mengambil gambar sepaduk dan pulang tanpa apa-apa hasil. Juru fikir politik yang berkampung di Lembah Klang pun ikut serabut memikirkan di mana pergi ribuan orang yang dahulu bersama.

Tidaklah perlu kita terlalu panjang lebar membincangkan puncanya. Sudah ramai juga yang menggariskan bahawa kelesuan ini datang dari kekeliruan ke atas apa yang sedang berlaku dalam politik, di samping ketiadaan tawaran yang menghairahkan daripada Harapan. Perang



ADAM ADLI

universiti
ketiga

saraf yang dilancarkan Barisan Nasional pun tidak kurang hebatnya. Bagi mereka, rakyat yang meluat dengan politik tidak merugikan mereka, ia hanya merugikan pembangkang. Maka pelbagai isu bodoh ditimbulkan sehingga rakyat meluat dengan politik.

Justeru apa yang boleh kita buat? Mengadu sahaja tidak cukup. Mungkin kita terlalu naif dengan kehendak masyarakat. Mungkin kita terlalu yakin dengan diri. Atau mungkin kita sendiri memang sedia gagal dalam merancang.

Tidaklah terlalu sukar untuk faham cara menilai masyarakat ke atas kita. Mulakan dahulu dengan membaca apa sahaja yang diperkatakan mereka. Keluh kesah hatta tentang gigit nyamuk juga harus kita dengari. Jika kita tidak mengambil berat dengan permasalahan-permasalahan kecil ini, janganlah harap mereka pula akan mendengar kita berlabun tentang permasalahan besar di atas pentas ceramah.

Begitu juga dengan sikap. Kita tidak boleh hipokrit ke atas apa yang kita perkatakan. Dalam lantang kita mengkritik kerajaan, masyarakat akan ikut menilai,

apakah kita ini lebih baik daripada yang kita kritis itu. Sebab itulah, munculnya kiasan Pepsi dan Coke. Apabila mereka kian meluat dengan kerajaan, mereka akan ikut meluat dengan kita yang berperangai sama.

Kita ada dua buah kerajaan yang boleh menjadi contoh. Andai kata dua buah kerajaan ini juga tidak kurang sama dengan apa yang ditawar dan dibuat oleh Barisan Nasional, maka janganlah kita menagih rakyat untuk percaya bahawa kita mampu membawa perubahan.

Mereka lesu kerana mereka lama meletakkan harapan, dan ternyata harapan yang diletak itu tidak pula membawa hasil seperti yang dikehendaki. Dalam musim pilihan raya yang muncul dalam waktu-waktu terdesak sebegini, rakyat yang dihimpit kesempitan ekonomi dan kesukaran hidup pastilah seharusnya mudah menyatakan kebersamaan dengan kita, namun kelesuan mereka menghalangi ia dari berlaku.

Sebab itu, wajarlah kita mengubati kelesuan tersebut sebelum ianya terus mati dan rakyat baik siapa pun tidak lagi ambil perhatian ke atas kita.

Rujukan wajib untuk menilai dinamika politik Malaysia

Oleh DR MUHAIMIN SULAM

SELEPAS selesai urusan berjumpa dокtor di IJN, saya terus menuju ke rumah Ahmad Lutfi Othman, bekas Ketua Pengarang Harakah yang terletak di Ampang. Setengah jam lagi beliau hendak ke Taman Melawati untuk rawatan dialisisnya. Seminggu tiga kali. Berpuluh tahun berkhidmat pada Harakah. Dari Harakah merangkak hingga kini bertongkat.

Beberapa hari lalu, beliau bertanya bila masa untuk saya ambil buku terbarunya yang mana saya sendiri menyumbangkan satu tajuk. Tajuknya, 'Merindui Purnama'. Agak romantism dan bersahaja. Mengenangkan harga sebuah persahabatan yang telah pupus.

Hampir semua buku tulisan Ahmad Lutfi ada dalam rak buku saya. Sejak awal lagi tulisannya mencerdas pemikiran politik saya. Ulasan terhadap fakta politik diungkap dengan bahasa yang mudah difahami. Untuk tidak bersetuju pada sesuatu pendapat memang mudah. Namun berhujah dan memberi justifikasi yang kukuh adalah suatu kerja yang sukar.

Kebolehannya mengulas sesuatu situasi politik bagi pencetus kesedaran dan kefahaman yang lebih tuntas. Malaysia memiliki ramai penulis atau pengulas politik yang hebat. Nama Ahmad Lutfi wajib diletakkan pada ranking atas.


Ahmad Lutfi menulis buku-buku politik untuk bacaan umum masyarakat Malaysia. Kebanyakan bukunya bersifat isu atau cerita semasa yang sangat terikat dengan faktor masa. Oleh itu, bukunya bukan bersifat evergreen. Ia perlu dijual pada period tertentu. Selepas period tersebut, agak sukar buku tersebut dibeli.

Namun buku yang bertajuk 'Parti Amanah Negara: Cabaran, Halangan dan Potensi Sebagai Parti Islam Berpengaruh, Berintegriti' adalah satu tulisan yang menyeluruh dan beraneka. Agak berbeza. Pelbagai bentuk. Ada wawancara yang melibatkan Ustaz Ahmad Awang, Mohammad Sabu dan Salahudin Ayub.

Ada beberapa kerat puisi dan artikel terjemahan. Penulisnya pun pelbagai dari jurnalis, ahli politik, penganalisis politik, anak muda dan sebagainya.

Terdapat 40 tajuk, berbelas penulis jemputan seperti Dr Mujahid Yusuf, Anuar Tahir, Saari Sungib, Hanipa Maidin, Lim Hong Siang, Adam Adli, Ust Zolkharnain Abidin, Zin Mahmud, Dinsman, Zulkifli Sulong, Khalid Samad, Liew Chin Tong, juga terjemahan artikel yang sudah diterbitkan pelbagai media, tulisan Joceline Tan, Dr Farish A Noor, Hew Wai Weng, Wan Saiful Wan Jan, Sheridan Mahavera, Dr Lim Chee Han.

Beliau sendiri menulis pada bahagian Kata Pengantar dan penutup yang diberi tajuk 'Bukan Penamat Bicara'. Dua tulisan ini saya baca dulu sebelum yang lainnya.



Penasihat Umum, Ustaz Ahmad Awang mencadangkan buku Ahmad Lutfi sebagai rujukan untuk memahami perjuangan Amanah.

Kesukaran beliau untuk menaip, membaca atau mengedit dibantu Arif Atan, Zin Mahmud dan Dinsman.

Ahmad Lutfi menaip dalam keadaan berbaring. Jari telunjuknya satu-satu menaip keyboard hingga menjadi sebuah tulisan yang memiliki jiwa. Membangkitkan. Menghidupkan.

Buku ini adalah buku pertama yang secara detail membincarkan tentang latar belakang tertubuhnya 'parti nyamuk dari Bangladesh'. Tahun lepas saya telah mulakan untuk menulis tentang sejarah kewujudan parti ini tetapi terhenti kerana saya tiada kualiti dan stamina seperti Ahmad Lutfi.

Saya melalui proses tersebut. Bibit re-

tak menanti belah. Bulan gerhana. Malam nan sendiri. Api dalam sekam. Gunting dalam lipatan. Saat itu, puisi saya lebih subur di tanah perkebunan yang kering hingga lahirlah buku satira saya, 'Pembunuhan di Tanah Perkebunan'.

Saya percaya buku terbaru Ahmad Lutfi akan menjadi rujukan wajib pada sesiapa yang mengkaji politik Malaysia.

Pertamanya, senarai penulis yang ada mempunyai pengalaman luas dalam meneliti dan memahami perubahan yang ada dalam Pas.

Buku ini tidak dijual di kedai. Ia perlu dipesan melalui media baru. Hubungi anaknya, Ahmad Luqman Hakim, 0192903291.

Yang sedia hancur tak perlu dihancurkan lagi

ADA seorang senator Umno berpangkat Tan Sri dilaporkan Malaysiakini berkata dalam Dewan Negara, jika BN kalah PRU14 negara ini akan hancur.

Dia juga dilaporkan berkata jika BN jatuh dalam masa dua tahun sahaja negara ini akan musnah. Betul tu pak senator... sebab itu bila BN tersungkur di bumi Selangor dan Pulau Pinang, bukan dua tahun tapi dua minit sahaja negeri-negeri itu hancur dan musnah. Hingga sekarang rakyat di negeri itu sedang mlarat dan kelaparan, cuma mulut mereka kumat-kamit berkata, "Jahanam GST, celaka 1MDB!"

Sebab itu bila BN hancur di Selan-



gor misalnya, rakyat dapat air percuma 20 meter padu, dapat bas percuma dengan penghawa dingin dan wifi percuma, dapat kad Peduli Sihat, para

wanita dapat skim Kasih Ibu Sayang Selangor (KISS) bernilai RM200 sebulan.

Jika BN menang, bukankah bagus dapat 20 sen jika bawa beg plastik sendiri. Bukan 20 sen itu lebih besar nilainya dari RM200?

Dalam bahasa Arab ada perpatah menyebut, "fakidu al-syai la yu'ti" (Orang yang tiada sesuatu tak boleh beri sesuatu).

Jika kita terjemah peribahasa itu dalam konteks senator tu bercakap, dia akan jadi begini, "Macam mana nak hancurkan

atau musnahkan negara ini jika BN kalah, sekarang ni bila BN berkuasa pun negara sedang hancur dan musnah!"

Nak hancurkan sesuatu benda itu mestilah dalam keadaan baik (tak hancur). Jika dah hancur tak perlu dah nak hancurkan lagi.

Satu lagi jika BN hancur, bukan negara yang hancur tapi masa depan anda yang mungkin hancur! Jika BN tumbang, anda mungkin tidak akan merasalah nak jadi senator lagi.

Dia kata jika ada silap, kita betulkan lah kesilapan itu. Saya setuju. Cuma yang masalahnya, negara ini jadi hancur sebab ada orang macam anda tuan senator.

Ada pelbagai aneka kesalahan dan kesilapan BN, tapi ada anda tegur dan

betulkan? Tak dengar pulak anda tegur selama ini. Apapun, bayangkan jika senator berpangkat Tan Sri pun mentaliti macam ini, agaknya yang tak senator dan berpangkat Tan Sri, macam manalah gamaknya?

Lagi satu, kesilapan ini ada yang minor dan ada yang major. Jika yang minor mungkin tak kisah sangat. Tapi jika yang major kena buat major 'overhaul' bapak senator oiii. Apa pun, BN ni dah 'beyond repair'. Jangan anda pun sama macam tu sudahlah.

Allah lebih tahu.

Mohamed Hanipa Maidin ialah Ahli Parlimen Sepang dan Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH.

Sepuluh ubi kayu Sarawak

TIDAK sukar untuk mengunyah sepuluh ubi kayu yang digoreng waktu hujan petang begini. Sambil minum teh nipis, aku melayan sembang politik di Jalan Main Bazaar, menghadap Sungai Sarawak.

Selepas dinasihati oleh doktor untuk tidak mengambil teh tarik dan kopi yang sarat dengan kafein, aku terasa hilang selera minum di kedai. Kecuali untuk sembang politik tanah air yang serba memahitkan.

Sengaja kupilih sepuluh ubi kayu yang dipotong dan dihidang dalam satu piring agak sederhana besarnya sebagai kudapan petang itu. Sepiring tiga ringgit. Abang pelayan bertubuh sasa itu sudah berniaga di situ sejak kecil lagi. Biangnya, dia adalah generasi ketiga berniaga ubi kayu goreng Sarawak.

"Macamana anta muda-muda dah jadi Pengerusi negeri?" Aku mulakan perbualan dengan soalan mukadimah. Fidzuan tersengkeh. Ini bukan pertama kali soalan itu diajukan padanya.

Dalam usia penghujung 30-an, anak muda itu sudah memikul amanah sebagai Pengerusi AMANAH Sarawak. Sudah letih menjawabnya. "Susah muda-muda jadi ketua," aku menambah sementara menanti jawapannya. Fidzuan hanya mengangguk beberapa kali.

"Memanglah sebaik yang lebih tua, elok jadi ketua. Tetapi kalau yang tua senang dipimpin oleh orang muda, atau orang muda senang dipimpin oleh orang tua, tiada masalah," Fidzuan semacam berfalsafah. Benar.

Imam Mawardi juga menyebutkan salah satu ciri seorang



PENDAPAT DR MUHAMMIN SULAM

pemimpin ialah dari segi usianya. Kalau dalam kitab siasah Melayu lama ada membahas tentang pemilihan pemimpin. Jika sama-sama tua, pilih hujah lain seperti kedudukannya, hartanya, ilmunya hingga diperincikan sampai saiz alat kelitian pun dijadikan indikatornya.

Selepas Muktamar di Kuala Selangor yang menyaksikan upacara pembersihan dalam parti, Fidzuan ambil keputusan nekad untuk keluar parti tua itu. Baginya parti tua itu tidak lagi menghargai orang yang sudah lama berjuang dalam parti, yang menghabiskan seluruh usianya pada jalan perjuangan suci ini.

Generasi gigi susu yang ada sekarang hanya tahu merengek dan menangis. Sesekali merimasakan.

"Anapun orang muda Prof," Fidzuan membenarkan hujahnya sendiri. "Ana bukan Prof!"

Aku terasa agak janggal dengan gelaran yang bukan selayaknya. Ini juga merimaskan. Sikit ilmu agamanya sudah dipanggil tuan guru. Kerana mengajar universiti, ada Phd, terus dianggap hebat. Pendapatnya ada nilai intelektual. Masyarakat kita masih tebal feudalnya, masih konservatif. Sangat

obses dengan gelaran.

Bercerita pasal orang tua jadi pemimpin, ia mengingatkan aku dengan Tuan Guru Haji Ahmad, bekas calon Pas Dun Sungai Manik. Tuan guru itu sangat tua tapi tekun mengajar. Ketika hendak solat, kami minta tuan guru menjadi imam. Tapi beliau menolak beberapa kali sehingga suatu ketika beliau bersetuju menjadi imam. Kami memang senang tuan guru itu menjadi imam. Bacaannya pun terketar-ketar. Solatpun rasa khusyuk. Ini soal hati dan keyakinan. Jika hati sudah benci, sekalipun imam membaca macam Sudais, khusyuk tidak datang juga.

"Ana ni ibarat kata tiada rotan, akarpun berguna. Setakat nak Hendak perkukuhkan PH dan lawan BN, Insya Allah ana dan sahabat-sahabat di Sarawak tidak mahu buang masa pasal tua-muda sebagai kelayakan jadi pemimpin," Fidzuan berkata sambil memperbutkan kedudukan kerusinya. Dia bukan tergucil.

Dulu Mahathir cakap Tok Guru Nik Aziz tua untuk memimpin Kelantan. Sekarang Mahathir jauh lebih tua mahu diangkat jadi PM. Bukanakah ini 'cakap tak serupa bikin'? Inilah sifir politik yang gagal difahami kelompok berfikiran lempeng. Selapis cara berfikir.

Dalam politik demokrasi, indikator kuasa bukan ditentukan fakta yang dianggap fakta. Andaian dalam politik sangat pelbagai serta tidak pernah tetap. Sebab itulah, politik itu seni. Seni gubahan, seni silap mata dan seni persebahan. Jika bijak mengubah, sampah dikitar semula jadi cantik. Jualpun

malah. Jika dalam seni persembahan, kadangkala hero nampak hebat apabila sengaja diwujudkan watak antagonis atau badut yang bodoh.

"Jadi, anta setujulah Mahathir jadi PM sekali lagi?" soal aku seakan mempersoalkan konsesus yang sudah dikonvesyenkan.

"Mengapa pula tidak?" Fidzuan yakin menjawab walaupun aku tahu dia dahulu memusuhi 'si diktator tua' itu. Akupun sama saja. Politik kami memang diasuh sebegitu sejak dalam usrah hingga ke muktamar. Politik tahi cicak. Hitam putih. Tipikal sekali.

"Pada analah, pada masa sekarang ini, soal Mahathir bukanlah mauduk utama. Buang masa kalau berforum tentang itu. Soal nation, soal masyarakat seharusnya lebih utama," Pengerusi AMANAH Sarawak itu cuba mengalih tajuk sembang kami sambil dihirup kopipanas itu.

Nation, masyarakat dan pemimpin tidak boleh dipisah-pisahkan. Saling pengaruh mempengaruhi. Pemimpin buruk adalah gambaran keburukan masyarakat dan nation. Pemimpin buruk diangkat oleh masyarakat yang buruk. Begitulah sebaliknya, masyarakat yang bijak akan mengangkat pemimpin yang bijak. Tiada yang terdahulu, tiada yang kemudian.

"Jadi soal legal, fizikal, mental, moral, psikologi, demografi, falsafah, genetik dan sebagainya itu, bagaimana?" Fidzuan minta aku mengulas wacana panas itu. Ubi kayu goreng semakin sejuk.

Orang berfikiran jenis kuih lempeng memang tidak faham

perlunya kita berfikir secara kuih lapis. Setiap teks, ada konteksnya. Memahami konteks sesuatu teks memerlukan proses yang lebih kompleks. Bukan macam tuang baucuhan tepung pada kuali, agak menguning sikit, dibalik-balik berkali dan terus lempeng menjadi.

Memang benar Mahathir pernah kutuk sakan semua rakan pakatannya sekarang suatu ketika dahulu. Mahathir pun pernah kata beliau tidak berminal untuk jawatan PM, Muhyidin lebih layak dan sebagainya. Memang benar Mahathir berkali-kali menjalani pembedahan pintasan jantung. Ada pula yang sanggup mengira berapa kali Mahathir lupa. Tiada siapapun mampu menafikan senarai adik beradik Mahathir yang sudah mati kerana sudah tua.

Ini memang benar suatu fakta tetapi semua fakta itu adalah fakta beku. Fakta ini perlu dicairkan dengan adunan otak yang cerdas. Sesuatu fakta perlu dimasak. Dihidang dan digubah sehingga menyelerakan. Jangan terlalu ghairah, adunan tepung yang belum dimasak, dihirup habis. Takut cirit saja.

"Kalau gitu, kitak buang ke Sungai Sarawak saja!" Fidzuan ketawa. Akupun ketawa hingga abang pelayan berbadan sasa itu turut ketawa. Sepuluh fakta itu pun tiadalah kami bahaskan sangat kecuali sepuluh ubi kayu goreng itu yang kami nikmati petang itu.

Dr Muhammin Sulam ialah Naib Pengerusi AMANAH Negeri Perak.

Speaker buat 'pusingan-U' selepas terima bantahan Boleh baca tapi tidak boleh siar

KUALA LUMPUR: Selang beberapa minit ahli parliment Pakatan Harapan (PH) bertindak keluar dewan untuk mengadakan sidang akbar menolak peraturan yang ditetapkan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia segera membuat 'pusingan-U' membenarkan pula buku Laporan Kajian Semula Syor Persempadanan Semula Kawasan Pilihan Raya dibaca dan dibawa keluar.

Pandikar berkata mengikut peraturan 95A, buku laporan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu boleh dibaca dan dibawa keluar tetapi tidak boleh disiarkan oleh mana-mana pihak.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, sepatutnya perkara sedemikian tidak berlaku.

"Saya alu-alukan keputusan Speaker itu. Cuma kami masih mempersoalkan kenapa ia tidak boleh disiarkan? Baru kita buat 10 minit sidang media Speaker telah ubah peraturan. Ini menunjukkan beliau tidak faham dengan peraturan



sedia ada di dalam dewan," ujarnya.

Ahli Parliment Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar pula berkata, sikap berdolak dalik Speaker jelas satu tindakan yang memalukan Dewan Rakyat.

"Ini peraturan yang memalukan. Patutnya dari awal pagi tadi Tan Sri sudah menetapkan peraturan untuk membenarkan buku laporan itu dibaca dan dibawa keluar. Speaker buat 'U-turn' inikah standard institusi parliment kita?" tempelaknya.

Manakala Ahli Parliment Ipoh Barat M.Kulasegaran pula berkata, tindakan Pandikar mengubah peraturan jelas menunjukkan kredibiliti Parliment Malaysia amat rendah dan memalukan.

"Adakah Parliment Malaysia ini sebuah ins-



Mahfuz bercakap kepada pemberita pada sidang media PH di lobi parliment.

titusi kelas pertama atau kelas ketiga? Kita nak Speaker prihatin mengenai hal ini dan mahu mendesak perdana menteri untuk kenal pasti laporan SPR itu boleh didedahkan kepada rakyat negara ini," ujarnya.

Buku Laporan Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor yang dicadangkan bagi Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan

Negeri itu mempunyai 3 Jilid dan sudah di-serahkan kepada ahli parliment di Dewan Rakyat.

Bagaimanapun ia dianggap sebagai 'embargo' oleh Pandikar dan tidak boleh dibaca dan dibawa keluar dewan sehingga ia dibentangkan dan dibahaskan pada Rabu minggu depan.

DAP failkan usul tolak Laporan PAC berkaitan 1MDB

ANGGOTA parliment DAP memfailkan usul menolak laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Dewan Rakyat, 22 Mac lalu.

Ketua Ahli Parliment DAP Lim Kit Siang berkata, usul itu dikemukakan susulan kenyataan dibuat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Jailani Johari di Dewan Rakyat bahawa sebarang laporan di luar PAC adalah 'berita palsu'.

"Ini adalah jawapan yang keterlaluan, dan contoh terbaru di mana menteri dan timbalan menteri berlumba-lumba cuba menjadikan Malaysia sebagai bahan lawak melaporkan pelbagai berita dan perkembangan isu 1MDB.

"Ini adalah usaha kerajaan untuk menutup isu mengenai 1MDB," kata-



Kit Siang memaklumkan usul dibawa DAP bagi menolak laporan PAC berhubung skandal 1MDB.

nya dalam satu sidang media di lobi parliment.

Lim berkata kerajaan harus menyiasat laporan terkini mengenai 1MDB sejak

laporan PAC itu disiapkan pada 2016 tetapi sebaliknya tidak pernah dibentangkan dan dibahaskan di parliment.

Beliau juga berharap kerajaan akan mengiktiraf keperluan menyegearkan perkara itu dan membenarkan usulnya dibahaskan secepat mungkin.

Pada 2015, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengarahkan PAC dan Ketua Audit Negara untuk memulakan siasatan ke atas 1MDB dan berjanji bahawa laporan siasatan berkenaan akan diumumkan. Bagaimanapun, hanya laporan PAC di-

umumkan manakala laporan audit diklasifikasi bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Dalam laporan PAC, pelbagai penyeleweng 1MDB didepak seperti pemindahan AS\$700 juta kepada Good Star Ltd, penyingkir juruaudit dan pemindahan AS\$1 bilion kepada syarikat palsu Aabar Investments PJS anak syarikat International Petroleum Investment Co (IPIC).

Anggota pembangkang dalam PAC juga mengesahkan bahawa beberapa maklumat penting telah dikeluarkan daripada laporan akhir jawatankuasa itu.

Bukti baru timbul pada tahun 2016, susulan siasatan Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat dan beberapa kes di mahkamah Singapura yang menghukum pekerja bank tempatan kerana didapati terlibat dalam pemindahan dana membabitkan 1MDB.

Isu al-bayyinah 1MDB hangat di Dewan Rakyat

WALAU PUN soalan-soalan berhubung 1MDB ditolak Speaker Dewan Rakyat, perbahasan yang menyentuh skandal kewangan terbesar negara itu terus menghangatkan dewan.

Sesi penggulungan perbahasan titah Yang di-Pertuan Agung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, 22 Mac lalu juga dihangat dengan isu 1MDB.

Ketika bercakap tentang isu maqasid syariah, Jamil Khir berkata kerajaan amat peka menjaga lima perkara iaitu agama (al-deen), nyawa (al-nafs), akal (al-aql), keturunan (al-nasab/al-nasl) dan harta (al-mal).

Mohamed Hanipa Maidin (AMA-

NAH-Sepang) yang bangun mencelih bertanyakan bagaimana kerajaan mampu menjaga harta negara sedangkan harta rakyat 'dicuri' atau 'dirompak' melalui korupsi seperti dalam skandal 1MDB.

Jamil Khir menjawab bahawa tanggung jawab mengemukakan al-bayyinah (keterangan) terletak di bahu pihak yang menu-duh dan pihak yang dituduh sekadar menafi dengan bersumpah sahaja (al-yamin 'ala man ankara).

Tidak berpuas hati dengan jawapan menteri, Hanipa bangun bertanya bagaimana hendak mengemukakan al-bayyinah (bukti) jika individu yang membawa bukti ditangkap dan kes tidak dibawa ke mahkamah.

Malah Datuk Dr Mujahid Yusof (AMANAH-Parit Buntar) dan Khalid Samad (AMANAH-Shah Alam) mempersoalkan

jawapan menteri dengan membantik tindakan Speaker menolak soalan berhubung 1MDB dan keenggan kerajaan untuk mengambil tindakan mahkamah.

Mengulas lanjut isu 1MDB, Hanipa berpendapat cerita sebenar berhubung skandal mega 1MDB hanya akan dapat diketahui jika Pakatan Harapan menguasai Putrajaya.

"Saya percaya ramai dari pemimpin PH yang mempunyai latar belakang dari pelbagai disiplin seperti ekonomi dan kewangan, perdagangan antarabangsa, perakaunan, forensic accounting, perundangan, syariah dan lain-lain dengan dibantu oleh ramai pakar insya Allah mampu mengorek hingga ke dasar isu 1MDB tersebut."

"Jika tidak berlaku perubahan pucuk

pimpinan di Putrajaya, saya tak nampak isu skandal mega seperti 1MDB akan berjaya dibongkar dan diketahui ramai.

"1MDB telah mengakibatkan orang tertentu menjadi kaya raya, rakyat bawahan teruk menderita dan merana, negara tercemar nama dan maruahnya di persada antarabangsa, penjenayah di negara tak kena apa-apa dan golongan agama seperti alpa pahala dan dosa," ulasnya di laman Facebook.

Hanipa menambah, hanya dengan memastikan PH berkuasa cerita sebenar tentang 1MDB akan dikongsi bersama rakyat.

Oleh itu, beliau menyeru rakyat agar memilih PH untuk menerajui Putrajaya pada pilihan raya umum akan datang.

Hospital baharu Pontian gagal dibina

Oleh AMNI JAGAT

PONTIAN: Tapak tanah pembinaan hospital baharu Pontian seluas 22.75 ekar dekat sini terus terbiar tanpa sebarang aktiviti pembinaan walaupun janji pilihan raya umum BN itu sudah dibuat sejak sekian lama.

Penduduk di daerah ini kini mendapatkan rawatan di Hospital Pontian berusia lebih seratus tahun yang terletak di bandar Pontian.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pekan Nenas Yeo Tung Siong, pembinaan hospital baharu tersebut hanya janji kosong pemimpin BN negeri.

"Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK 10), telah dimasukkan cadangan pembinaan hospital yang banyak termasuk Hospital Pontian."

"Kerajaan negeri dalam sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) menyatakan pem-

binaan hospital itu telah dimasukkan dalam RMK11 setelah gagal diaksanakan dalam RMK10," ujar beliau.

Setiausaha Organisasi AMANAH Suhaizan Kaiat pula kesal kerana kerajaan negeri diihat lemah dalam menguruskan keperluan orang ramai di daerah Pontian.

Suhaizan berkata, jarak di antara Hospital Pontian dengan hospital lain yang berdekatan (Batu Pahat, Kulai dan Sultanah Aminah) di antara 50 hingga 70 kilometer.

Selain jarak yang jauh dengan hospital besar, beliau berkata fasiliti di Hospital Pontian tidak dibangunkan.

"Jelaslah rakyat di Pontian ini sudah tertipu dengan janji yang telah ditaburkan oleh kerajaan Umno-BN selama ini," katanya.

Naib Penggerusi PPBM Bahagian Tanjung Piai Dr Md Farid Md Rafiq menambah, manifesto pilihan raya PH memberi fokus kepada soal perkhidmatan kesihatan



Suhaizan Kaiat menunjukkan tapak hospital baru Pontian yang terbiar.

rakyat.

PH katanya, akan memastikan fasiliti

kesihatan rakyat seperti hospital dibangunkan mengikut perancangan.

SPR perlu batal peraturan sukarkan calon

Oleh AKMAL HAZIQ

KUALA LUMPUR: Timbalan Penggerusi AMANAH Melaka Mohd Sofi Abdul Wahab menyarankan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membatalkan peraturan pilihan raya yang menyusahkan calon bertanding.

Kenyataan SPR yang meminta calon pilihan raya mengemukakan nama ejen tempat mengundi dan ejen mengira undi pada hari penamaan calon, ujar beliau mengikut semua pihak.

Peraturan ini, jelasnya tidak pernah termaktub dalam undang-undang dan peraturan pilihan raya.

Jika dikuatkuasakan, Sofi kluatir ia akan menimbulkan pelbagai masalah kepada calon-calon yang bertanding dan juga ejen-ejen yang dilantik.

"Calon-calon sudah tentu menghadapi

masalah untuk menamakan sebegini ramai ejen-ejen yang perlu bertugas pada hari pengundian kerana setiap saluran mengundi memerlukan sekurang-kurangnya dua atau tiga orang.

"Bayangkan jika calon tersebut bertanding di sesuatu kawasan parliment yang banyak Pusat Daerah Mengundi (PDM) dan jumlah pengundi yang ramai yang menyebabkan bilangan saluran di setiap PDM bertambah."

"Sebagai contoh Parliment Kota Melaka yang mempunyai lebih 120,000 pengundi selepas persempadanan baru kawasan pilihan raya diluluskan, sudah tentu mempunyai banyak PDM dan saluran."

"Pasti jumlah ejen yang diperlukan akan melebihi 500 orang untuk kawasan parliment itu," kata beliau.

Sofi menambah, terdapat PDM yang

mempunyai sehingga lebih daripada lima saluran dan ini sudah tentu menyukarkan calon untuk mengenal pasti nama-nama ejennya dua atau tiga hari sebelum hari penamaan calon.

Menurutnya, sudah menjadi amalan biasa bagi ejen-ejen tempat mengundi dan mengira undi tampil selepas hari penamaan calon kerana bertugas secara sukarela.

Ketua AMANAH Bukit Katil itu menambah, pada kebiasaan calon-calon pilihan raya parti-parti bertanding hanya akan diumumkan pada saat-saat akhir dan sudah tentu calon sukar untuk mendapatkan maklumat ejen-ejen yang begitu ramai.

"Selain itu perlantikan ejen tempat mengundi, barang dan ejen mengira undi pada hari penamaan calon juga menim-

bulkan masalah kerana mereka akan terdedah kepada banyak perkara yang tidak baik

"Antaranya mereka mungkin disogok supaya tidak datang bertugas pada jadual yang ditetapkan ataupun diminta bertugas secara sambil lewa dan membiarkan sahaja apa-apa penyelewengan yang mungkin berlaku."

"Masa yang lama dari hari penamaan calon dan hari pengundian memungkin perkara-perkara tidak baik berlaku termasuk ugutan, sogukan dan sebagainya," kata beliau.

Peraturan baru SPR ini juga, tambah beliau hanya memberi kelebihan kepada parti pemerintah yang mempunyai kemampuan kewangan.

Sehubungan itu, beliau menyarankan agar peraturan sedia ada dikekalkan kerana telah dilaksanakan puluhan tahun dan terbukti berkesan.

Empat negeri jadi pertempuran hangat PRU-14

Oleh ARIF ATAN

AMPANG: Penulis buku 'Parti Amanah Negara', Ahmad Lutfi Othman menjngkakan empat negeri di Semenanjung Malaysia menjadi medan pertempuran hangat pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) ini.

Menurutnya, negeri-negeri terbabit iaitu Johor, Kedah, Perak dan Selangor menjadi fokus awal dalam analisisnya sebelum ini yang disiar menerusi akhbar *Mingguan Amanah*.

"Saya cuba menghasilkan beberapa artikel di akhbar *Mingguan Amanah* sebelum terhalang kerana keuzuran."

"Saya sempat memfokuskan pergolakan di negeri-negeri tertentu. Saya pilih Johor, Kedah dan Perak yang saya janjka medan pertempuran hangat untuk PRU-14 ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan-selama Majlis Pelancaran dan Bicara Buku 'Parti Amanah Negara: Cabaran, Halangan & Potensi Sebagai Parti Islam Berpengaruh, Berintegriti' di Hotel De Palma, dekat sini, 27 Mac lalu.

Walau bagaimanapun, bekas Ketua Penggarang *Harakah* itu berkata, analisis berkenaan perkembangan semasa politik di Selangor tidak dapat dilakukan lantaran kekangan keuzuran yang dialaminya.

"Untuk (negeri) keempat - Selangor tak sempat. Saya mohon maaf pada rakan-rakan di Selangor," kata pengasas NGO media bebas, Kumpulan Aktivis Media Independen (KAMI) itu.

Buku yang menghimpunkan wawancara pimpinan dan tulisan pimpinan Pakatan Harapan (PH) serta intelektual dan aktivis itu dilancarkan Presiden AMANAH, Mohamad Sabu.

Bab terakhir buku tersebut di bahagian Bukan Penamat Bicara yang memuatkan artikel bertajuk 'Sikap Saya Terhadap Pas dan AMANAH' pula ditulis oleh Ahmad Lutfi sendiri ketika sedang terbaring menempuh proses rawatan dialisis.

Majlis pelancaran tersebut ditaja sepenuhnya oleh Kelab Jaringan Rakyat (KEJAR) yang terdiri daripada bekas pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pertengahan tahun 1980-an serta didukung *Media Oren*.

Slot Diskusi Buku kemudiannya menampilkan Pensyarah Kanan Sekolah Perdana, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali; Ahli Parlimen Kluang, Liew Chin Tong yang juga Pengurus DAP Johor dan Setiausaha Agung Keadilan, Datuk Saifuddin Nasution Ismail sebagai panel.

Pengisian sesi tersebut yang juga bersiaran menerusi Facebook Parti Amanah

Negara dimoderatori Ketua Pemuda AMANAH Wilayah Persekutuan, Nik Abdul Razak Nik Md Ridzuan.

Walaupun sidang Dewan Rakyat sedang berlangsung, Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad yang juga Pengarah Komunikasi AMANAH dan Ahli Parlimen Sepang, Hanipa Maidin merangkap Pengurus Biro Undang-undang AMANAH (Kanun) hadir memberi sokongan.

Sementara itu, kehadiran bekas Presiden pertama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bagi 1971-1974, Dr Ghazali Nawawi yang berjubah warna oren turut menarik perhatian kira-kira 100 hadirin dalam majlis tersebut.

Turut hadir Pengurus AMANAH Selangor, Ir Izham Hashim; penganalisis politik, Mohd Sayuti Omar; budayawan Raja Ahmad Aminullah dan bekas Presiden Persatuan Mahasiswa UTM 1985/86, Zuki Mat Zin.

BN makin gusar hadapi PRU14

Oleh MOHD ALI HASHIM

PERMATANG PAUH: Umno-BN semakin gusar dengan perubahan sokongan rakyat menjelang pilihan raya umum (PRU) sehingga terpaksa melakukan apa sahaja cara untuk mengekalkan kuasa termasuk menakut-nakutkan rakyat.

Penahanan Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman baru-baru ini adalah contoh bagaimana usaha untuk membendung arus perubahan rakyat khususnya para peneroka dilakukan Barisan Nasional (BN).

Presiden AMANAH Mohamad Sabu menjangkakan semakin banyak tangkapan akan dilakukan menjelang PRU khususnya membabitkan para pemimpin Pakatan Harapan (PH).

Berucap melancarkan Jentera Pilihan Raya Pemuda AMANAH Permatang Pasir dekat sini, baru-baru ini, beliau berkata usaha perlu dilakukan bagi memastikan kemenangan PH dalam PRU akan datang.



Mohamad menyerahkan bendera AMANAH kepada wakil pemuda tanda pelancaran jentera pilihan raya Pemuda AMANAH Dun Permatang Pasir dengan diiringi Faiz.

PH ujarnya perlu memenangi 112 kerusi Parlimen untuk membentuk kerajaan.

"Pulau Pinang hanya perlu rampas tiga lagi kerusi Parlimen iaitu Kepala Batas, Balik

Pulau dan Tasek Gelugor disamping mengekalkan kemenangan kerusi parlimen sedia ada.

"Selangor pula memerlukan empat lagi

kerusi Parlimen bagi memastikan apa yang dihasratkan menjadi realiti.

"Manakala Johor pula PH sedang bekerja kuat bagi menambah kerusi parlimen untuk merealisasikan apa yang diimpikan menjadi kenyataan dalam PRU yang begitu hampir," ujarnya.

Beliau juga berkata, perbincangan sedang dilakukan parti-parti gabungan PH bagi menggunakan satu simbol dalam PRU akan datang walaupun PH dan logonya masih belum diluluskan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan (RoS).

Sehubungan itu, PH katanya besar kemungkinan akan menggunakan simbol mana-mana parti gabungan bagi menghadapi PRU.

"Seandainya mereka (RoS) tidak luluskan simbol PH, kita akan gunakan mana-mana simbol yang telah disepakati bagi memastikan agenda perubahan yang kita citakan menjadi realiti.

"Yang pasti Umno dan BN tidak lagi harus dibiarkan menjadi pemerintah untuk tempoh lima tahun lagi," tegas beliau.

Turut hadir pada majlis itu Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil.

Kaji selidik Bernama Radio buktikan pengaruh BN merosot

PERMATANG PAUH: Pakatan Harapan (PH) optimis mampu untuk membuat kejutan dalam pilihan raya umum (PRU) ini walaupun kajian yang dilakukan beberapa pihak menunjukkan BN masih mendapat sokongan majoriti.

Ini kerana dapatan kajian menunjukkan tahap sokongan terhadap BN semakin merosot manakala jumlah pengundi 'atas pagar' adalah besar.

Mengulas hasil kaji selidik dilakukan Bernama Radio 24 yang mendapati BN bakal mengekalkan kuasa dalam PRU akan datang, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil berkata, hasil kaji selidik itu tidak menggusarkan PH.

Menurutnya, kajiselidik dilakukan Bernama Radio itu mendapati BN menerima 37 peratus sokongan, PH (32 peratus) manakala 31 peratus adalah 'tidak pasti'.

Beliau menambah, BN wajar gusar dengan hasil kajian itu kerana ia menun-

juukkan tahap sokongan rakyat terhadap parti itu semakin merudum berbanding 46.7 peratus sebelum ini.

Ketika ditemui selepas program Hi-Tea bersama masyarakat Cina di perkampungan Cross Street, dekat sini, beliau berkata kerosotan sokongan rakyat itu menjadi kedudukan BN kini tergugat.

"Jumlah 31 peratus undi yang tidak pasti seperti mana yang dinyatakan oleh Bernama Radio tersebut adalah besar dan mampu memberi kredit kepada PH.

"Keyakinan PH untuk mendapat sokongan majoriti dalam PRU kali ini adalah berdasarkan kepada senario politik sedia ada yang amat mengecewakan pengundi," jelasnya.

Malah kata Faiz lagi, perkembangan semasa membuktikan rakyat semakin tertekad dengan kos sara hidup yang meningkat dan gagal diatasi kerajaan pimpinan Umno dan BN.

Selain itu, ujarnya rakyat terbeban dengan urus tadbir yang lemah, tidak cekap dan



Faiz sempat bergambar dengan petugas majlis minum petang AMANAH di perkampungan Cross Street.

salah guna kuasa yang melampau. Hadir sama dalam program itu Presiden

AMANAH Mohamad Sabu, veteran DAP Lim Kit Siang serta para pemimpin PH negeri.

Aktivis Peka disiasat kerana nyanyian 'ABCDGST'

GEORGETOWN: Penggerak Komuniti Muda (Peka) Masturah Afandi telah dipanggil polis 22 Mac lalu untuk memberikan keterangan ekoran rakaman video nyanyian 'ABCDGST'.

Lagu satira berkaitan cukai barang dan perkhidmatan (GST) itu dinyanyikan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng baru-baru ini.

Masturah, 28, dipanggil ke IPD Timur Laut bagi siasatan di bawah Seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah.

Sehubungan itu, kempen Solidariti Untuk Masturah dengan #tolakpenindasan dan #tolakdwistandard diadakan di hadapan IPD tersebut.

Polis dalam sidang media dekat sini, 21 Mac lalu memberitahu akan memanggil

Lim bagi direkod keterangan membantu siasatan berhubung video yang tersebar di laman sosial menunjukkan pemimpin DAP itu menyanyikan lagu mengenai GST kepada sekumpulan kanak-kanak.

Nyanyian mengikut rentak lagu ABC itu dilakukan ketika beliau merasmikan inisiatif kerajaan negeri, Program Tuisyen Rakyat di Jelutong, 17 Mac lalu.

Polis turut memberitahu beberapa individu lain termasuk mereka yang membuat laporan polis berhubung kejadian itu akan dipanggil.

Polis juga akan memohon laporan dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multi media (SKMM) untuk mengesan pemilik akaun laman sosial yang menyebarkan video itu.

Soalan bertulis Adun AMANAH ditolak

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor Husam Musa mendakwa soalan bertulis beliau untuk persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan yang bermula 26 Mac ditolak tanpa sebab.

"Empat soalan bertulis saya kemukakan kepada Yang Amat Berhormat Ustaz Datuk Bentara kanan Menteri Besar tidak ada di meja saya pada hari pertama semalam.

"Bila saya tiba di dewan hari ini hanya tiga daripada empat soalan yang saya kemukakan ada jawapannya manakala satu lagi hilang," katanya di persidangan hari kedua dan terakhir, 27 Mac lalu.

Soalan yang tidak dijawab itu menurut Husam adalah berkaitan senarai kes-kes saman yang dihadapi kerajaan negeri serta anak-anak syarikat milik kerajaan.

Juga berkaitan berapa kos yang terpaksa ditanggung pihak kerajaan berkaitan kes-kes tersebut.

Apa yang menghairankan, apabila beliau bertanya pejabat Setiausaha Dun, pegawai menjelaskan bahawa draf jawapan masih ada di atas meja Timbalan Menteri Besar.



Husam bersalaman dengan Ketua Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed ketika bertemu di luar dewan.

"Saya membangkitkan perkara ini berdasarkan peraturan dewan no. 28 yang menghendaki pihak kerajaan mengemukakan jawapan kepada semua soalan ahli

dewan dan jika ahli tidak berpuas hati mereka boleh meminta jawapan itu dibuat semula.

"Saya mahu perkara ini diselesaikan

sebelum dewan dibubarkan kerana ini untuk kepentingan rakyat," katanya.

Beliau turut menimbulkan semula kelulusan tanah di hutan simpan Mukim Kuala Pahi, Daerah Mengkabang yang dikatakan diberi kepada tiga syarikat yang dimiliki oleh orang yang sama.

"Saya ingin tahu kalau benar kayu kaya yang ada di situ mahu dikeluarkan, bagaimakah kerajaan membuat penilaian dan pihak manakah akan menguruskan nya," soal beliau.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Abdullah dalam jawapannya berkata rangka jawapan itu tiada kena men-gena dengan pejabatnya.

"Pejabat saya hanya menyediakan jawapan berkaitan hal tanah dan bukannya senarai kes-kes nakhamah," katanya.

Mengenai Hutan Simpan Kuala Pahi beliau berkata belum ada kelulusan kepada mana-mana syarikat berkaitan kawasan tersebut.

Pihak kerajaan, katanya hanya meluluskan kepada pihak Yakin dan tidak membuat kelulusan kepada syarikat.

"Sehingga ini pihak kerajaan belum membuat apa-apa keputusan dan perkara syarikat mana yang dapat sama sekali tidak berbangkit," katanya.

Hanya PH lawan BN pada PRU ini

KOTA BHARU: Pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang bakal berlangsung pada bila-bila masa akan menyaksikan pertembungan dua gabungan politik iaitu BN dan Pakatan Harapan (PH).

"Parti-parti yang tidak menyertai dua gabungan ini bolehlah dianggap sebagai pengacau sahaja," kata naib presiden AMANAH Husam Musa di majlis peman-tapan jentera PH Dun Panchor, baru-baru ini.

Pertembungan di peringkat nasional katanya jelas terbahagi dua dan semakin ramai pemerhati menganggap PH semakin berada di hadapan.

Di Kelantan katanya, Pas tidak akan

mampu mendapat sokongan lebih 30% undi.

Situasi ini menyebabkan persaingan sebenar hanyalah antara BN dan PH.

"Jika PH bermula dengan 30% sokongan, kita hanya perlukan 5 hingga 6% untuk mendapat mandat mentadbir negeri.

"Dengan situasi tekanan yang dihadapi rakyat sekarang, keperluan ini tidak sukar dipenuhi," katanya.

Blok politik pro-Najib, kata beliau kini amat tertekan kerana semua isu tidak menyebelahi mereka.

"Kini mereka beralih kepada isu umur Dr Mahathir yang dikatakan tua dan tidak layak menjadi perdana menteri.

"Malam tadi di Ipoh, Tun Mahathir sudah memberi jawapan bahawa usia tua bukan satu kekurangan asalkan dapat melaksanakan keperluan-keperluan yang dikehendaki rakyat.

"Tidak mengapa tua asal boleh hapuskan GST, mengekalkan BRIM, membebaskan bekas pelajar daripada membayar PTPTN hingga gaji mereka mencapai RM4000 dan banyak lagi yang akan dilaksanakan jika beliau jadi PM," katanya.

Beliau turut menyentuh kenyataan Adun Panchor Datuk Mohamad Amar Abdullah yang berkata beliau tiada masalah untuk bertanding di kerusi parliment.

"Ini jelas Pas ada berbincang untuk

menukarbeliau dari Dun Panchor ke kerusi parliment.

"Saya sudah sebutkan dulu ketika mencadangkan Jeming (Hazmi Hassan) untuk bertanding di sini. Beliau memang ada peluang untuk menang," katanya.

Pada majlis itu satu upacara simbolik penyerahan pusat daerah mengundi Pasir Tok Kambing dari parliment Kubang Kerian ke parliment Pengkalan Chepa.

Pengerusi PH Kubang Kerian Datuk Abdul Halim Yusuf membuat penyerahan kepada pengerusi PH Pengkalan Chepa, Mejar (B) Mohamad Ibrahim disaksikan Husam selaku pengerusi PH negeri.

Janji bebas rasuah tapi bisu skandal 1MDB

KUBANG KERIAN: Naib Presiden AMANAH, Husam Musa hairan apabila Pas berjanji untuk membentuk kerajaan yang bebas rasuah sedangkan realiti partai itu membisu terhadap pelbagai angkara rasuah BN sekarang.

"Kita tidak mendengar sebarang komen dari Pas apabila kapal mewah Equanimity ditahan pihak berkuasa Indonesia," katanya di majlis penyampaian watikah perlantikan jentera pilihan raya antara kaum Pakatan Harapan (PH) Kelantan di Salor, dekat

sini, 22 Mac lalu.

Beliau berkata, perkara 10 manifesto Gagasan Sejahtera yang diumumkan baru-baru ini menyebut untuk mewujudkan pentadbiran Malaysia yang bebas rasuah, selaras dengan kehendak dan tuntutan syarak menerusi konsep tadbir urus 'Ubu-diyah, Mas'uliyyah dan Itqan' (UMI).

Jika benar Pas serius katanya, parti itu perlu menunjukkan sikap yang jelas terhadap salah laku rasuah yang sedang berleluasa.

"Adalah meragukan untuk mempercayai

janji mereka untuk bertegas dengan rasuah jika sikap mereka sekarang tidak jelas," katanya.

Beliau turut terkejut apabila Pas menjanjikan untuk membuka tanah kepada rakyat melalui kerajaan-kerajaan negeri.

"Sepatutnya perkara ini telah dilakukan di Kelantan jika benar ada perancangan seperti itu.

"Sudah cukup sepenggal Timbalan Mursyidul Am Pas jadi MB Kelantan, ada sesiapa dapat melihat rancangan seperti itu dilaksanakan?" soal beliau.

Pada majlis itu beliau menyampaikan wakil perlantikan kepada jawatan-kuasa pilihan raya untuk masyarakat bukan Melayu di seluruh Kelantan.

"Tahniah kepada saudara Tan Ah Wang yang telah berjaya membentuk pasukan khas untuk menjayakan agenda PH dalam pilihan raya ini," katanya.

Perkembangan ini katanya, menambahkan lagi keyakinan bahawa PH akan berada di hadapan dalam kempen kali ini walaupun berhadapan pertandingan tiga penjuru.

Jangan pilih bulu siasat berita tidak benar

PADA 26 Mac lalu, Rang Undang-undang (RUU) Antiberita Tidak Benar 2018 telah dibentangkan di Parlimen. Denda maksimum di atas kesalahan adalah RM500,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun. Hukuman ini sangat menggerunkan semua pihak. Mungkin inilah tujuannya, untuk menakutkan semua pihak terutamanya pembangkang.

Selain dari pihak pembangkang, media juga akan terasa 'kekangan' yang hebat. Ini akan menyukarkan banyak pihak menjalankan tugas masing-masing. Seperti biasa pihak pemerintah akan mempunyai banyak kelebihan ke atas orang awam dan pembangkang.

Untuk membuktikan sikap yang adil pihak kerajaan mestilah mempamerkan kesaksamaan mereka dari awal lagi dengan tidak memilih bulu siapa yang terlibat atau bersalah.

Untuk menguji keikhlasan kerajaan, saya mencabar Akta Antiberita Tidak Benar ini dilaksanakan terdahulu dan segera dalam isu-isu yang melibatkan negeri Terengganu yang banyak mengalami projek sakit dan runtuh tetapi tiada penyelesaian atau pendakwaan pesalah yang terlibat.

Contohnya seperti bumbung stadium bola sepak dan kolam renang yang runtuh, Kompleks Bebas Cukai dan Taman Ilmu yang terbengkalai. Banyak maklumat projek



PENDAPAT RAJA Bahrin Shah

yang sakit ini diselewengkan faktanya sehingga rakyat tidak mengetahui sebab serta punca sebenarnya kegagalan struktur dan projek-projek ini.

Pada 9 Februari lalu, akhbar-akhbar tempatan telah melaporkan kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman yang mendakwa laporan dan gambar-gambar dalam media sosial tentang kerosakan projek Taman Ilmu adalah 'gambar lama' sebelum ianya di baiki untuk memberi gambaran buruk kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Seminggu selepas itu, iaitu pada 15 Februari, saya sendiri telah melawat serta meninjau projek Taman Ilmu di Besut untuk melihat situasi sebenarnya di tapak. Saya dapat situasi sebenar adalah konsisten seperti gambar-gambar yang disiarkan

dalam media sosial. Penafian Menteri Besar Terengganu adalah tidak tepat dengansituasi sebenar di tapak.

Kerosakan fizikal yang amat meluas dan teruk telah berlaku dengan kabel-kabel elektrik utama dicuri. Tidak ada seorang pun pengawal keselamatan kelihatan di tapak. Satu usaha besar-besaran perlu dilaksanakan untuk memulihkan projek ini dengan perbelanjaan jauh lagi tinggi dari kos asal RM350 juta.

Hanya dua bangunan kecil hostel di atas tapak 700 ekar kelihatan yang disewakan kepada sebuah universiti jiran, Unisza. Taman Ilmu sendiri tiada sebuah universiti sendiri. Umumnya hanya 3% projek boleh digunakan selepas lebih 10 tahun penantian.

Mengejutkan lagi, pada Disember 2017 di sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu, kerajaan negeri menyatakan Taman Ilmu telah dibaiki dengan kos lebih RM32 juta yang dibayar kepada sebuah syarikat-Posti. Dengan kerosakan yang begitu meluas hari ini, ianya kelihatan seolah-olah tiada apa-apa pembaikan yang telah di laksanakan.

Ini juga kelihatan seperti "berita tidak benar" juga! Oleh kerana situasi ini dan penafian yang berterusan, ia mestilah di-siasat di bawah "berita tidak benar".

Bagi membuktikan kesungguhan dan



Kedua-dua gambar ini menunjukkan keadaan mutakhir dan sebenar Taman Ilmu di Besut yang didakwa telah dibaiki pulih kerajaan negeri. Foto Raja Bahrin Shah

keikhlasan kerajaan, saya mencabar Menteri di Jabatan Perdana Menteri agar segera menyiasat iberita tidak benar membabitkan Taman Ilmu di Besut.

■ **Raja Bahrin Shah ialah Ahli Parliment Kuala Terengganu dan Pengerusi Pakatan Harapan Terengganu.**

Usaha rasmi mematikan PPBM

Oleh A. KADIR JASIN

UMNO sudah mati. Parti itu bukan Umno lagi. Ia sekadar jelmaan pseudo yang menjadi tunggangan ketua-ketua pemerintahan kleptokrasi.

Jho Low lebih diutamakan daripada ahli, penyokong dan rakyat jelata sehingga Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) sanggup menggasak dan menggesa Penasihat Sosibudaya kerajaan, (Tan Sri) Rais Yatim meletakkan jawatan kerana mengkritik dalam 1MDB itu.

Umno sudah hilang daya tarikan.* Sudah tidak ada lagi daya saingan. Hidupnya semata-mata kerana sogokan dan ancaman. Jho Low dipertahankan seolah-olah dia 'topekong' hidup parti itu.

Maka dalam ketakutannya ia menggunakan wang negara dan 'mempersundalkan' kuasa untuk menghalang pencabarnya.

Walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan para pemimpin Umno/BN mempersendakan Pakatan Harapan (PH) di depan khalayak ramai tetapi di belakang tabir mereka amat bimbang dengan tsunami rakyat yang semakin hari semakin kuat.

Dalam suasana itu, adalah mudah kita mengandaikan yang Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) akan dibatalkan dan PH tidak akan didaftarkan. BN tidak mahu pembangkang menggunakan simbol tunggal.

Pelbagai halangan dan alasan telah dan sedang dibuat bagi pihak Umno/BN oleh

Pejabat Pendaftar Pertubuhan Malaysia (RoS) untuk menggagalkan PPBM dan PH.

PPBM dan PH tahu segala usaha bagi mematuhi syarat RoS mungkin sia-sia namun kita terus berusaha sedaya upaya untuk memenuhi.

Di mana campur tangan mahkamah diperlukan dan menawarkan harapan, biar setepis mana sekalipun, kita telah dan akan terus menggunakanannya. Kita telah dan akan terus mengemukakan saman sivil.

Namun keutamaan adalah memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh RoS dengan harapan jabatan itu akan bertindak secara profesional, bebas dan adil.

Pelan B, C, D...

Pada masa yang sama parti-parti anggota PH tidak berdiam diri. Pelan alternatif sedang dirangka dan beberapa persetujuan dasar telah dicapai.

Yang terpenting adalah biar apa pun terjadi, kita akan mencuba menggunakan satu (atau dua) lambang sahaja dalam kertas undi bagi mengelak kekeliruan.

Hal ini telah dinyatakan secara rasmi oleh Pengerusi PH dan calon Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya di Felda Besut 1, baru-baru ini.

Buat masa ini kita andaikan PPBM akan dibatalkan dan PH tidak didaftarkan. Jadi lambang PPBM dan PH tidak boleh digunakan. Yang ada adalah lambang Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Amanah Negara

(AMANAH).

Jadi kita akan memilih salah satu atau, dalam keadaan tertentu, dua daripada tiga logo ini. Untuk itu kita akan merundingkan syarat dan peraturan supaya kita bukan saja memenuhi syarat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tetapi juga terus mengukuhkan kerjasama PH.

Walaupun ROS enggan mendaftarkan PH namun namanya boleh digunakan berdasarkan pengalaman Pakatan Rakyat dan gabungan-gabungan lain seperti Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah.

Tsunami Rakyat

Untuk mencapai matlamat perubahan dan menyelamatkan negara, tsunami rakyat wajib berlaku pada tahap maksimum.

Bagi mengelak Umno/BN mensabotaj dan melarikan PRU ke-14 ini, pengundi mestilah keluar beramai-ramai dan awal bagi memberikan majoriti besar kepada calon PH.

Ini akan menyekat dan mengurangkan kemampuan Umno/BN menggunakan undi pos, undi awal, undi tentera dan undi polis untuk menang kerusi yang mereka sebenarnya telah kalah.

Rakyat jelata, kakitangan kerajaan dan anggota pasukan bersenjata wajib tahu iaitu selepas Parlimen dibubarkan, kerajaan yang ada menjadi sekadar kerajaan sementara (caretaker government) sahaja.

Ini amat penting disedari dan difahami oleh kakitangan awam, khususnya yang terlibat menguruskan pilihan raya. Mereka

wajib bertindak secara profesional, adil dan berkecuali.

Pengundi pula wajib tahu bahawa kerahsiaan undi adalah sahih dan terjamin. Hatta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pun tidak akan tahu parti atau calon mana yang kita pangkah.

Ejen-ejen pilihan raya PH wajib bersepenuh tumpuan kepada proses pengundian dan proses pengiraan undi. Pendek kata mereka tidak boleh membiarkan sehelai pun kertas undi terlepas daripada pandangan mereka.

Ketika pengiraan undi, mereka wajib tegas dan tuntas dalam membuat penge-sahan dan bantahan ke atas kertas undi, khususnya undi rugi, dan ketika menandatangani borang pengesahan kiraan undi. Jangan tunduk kepada tekanan wakil Umno/BN.

Kita tidak ada pilihan melainkan berubah. Sekiranya tidak, yang haram akan menjadi halal, yang salah menjadi betul, rasuah menjadi amalan harian, duit curi menjadi duit sendiri, hidup kita dan anak cucu kita akan dibebani hutang dan GST, kedaulatan negara dijual kepada yang berduit dan negara kita akan menjunam turun menjadi 'failed state' – negara gagal.

PRU ke-14 adalah penentu hidup mati Malaysia sebagai negara berdaulat dan bermaruah. – *kadirjasin.blogspot.ss*

■ **Datuk A. Kadir Jasin ialah Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM.**

Kita wanita yang melakar perubahan

SEJARAH penglibatan wanita dalam politik dan proses pemilihan kepimpinan negara bermula sejak zaman sebelum merdeka lagi. Pada era 50-an sekumpulan wanita menubuhkan Angkatan Wanita Sedar (Awas). Pada umumnya tujuan mereka ketika itu adalah untuk membangkitkan semangat menentang penjajah. Selepas kemerdekaan wanita terus mengorak langkah melibatkan diri dalam proses pilihan raya.

Penglibatan ini boleh dikategorikan sebagai penglibatan umum seperti penyertaan sebagai pengundi, juru kempen mahupun ahli parti atau pertubuhan. Penglibatan khusus pula adalah penglibatan langsung menjadi kepimpinan organisasi politik atau NGO serta menjadi calon dalam pilihan raya.

Penglibatan secara khusus ini seterusnya melayakkan wanita untuk menganggotai badan pembuat dasar tertinggi negara dalam Dewan Parlimen dan Dewan Negara.

Walaupun sudah berjuang selama lebih 60 tahun, penglibatan wanita dalam politik ini masih jauh dari sasaran 30% wanita dalam pembuat dasar tertinggi kerana bilangan anggota Parlimen wanita Malaysia hari ini baru mencapai 10.81 %.

Usaha perlu terus dilakukan di pelbagai peringkat untuk menyediakan wanita dan masyarakat agar penglibatan wanita dalam proses demokrasi dapat dioptimakan kerana ia akan menambahkan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

Sebenarnya wanita memiliki keperluan khusus yang hanya dapat difahami dengan baik oleh mereka sendiri. Maka pentingnya wanita sebagai pembuat keputusan politik dapat mencegah dari berlakunya diskriminasi terhadap wanita yang selama ini sering terjadi dalam masyarakat di negara ini.

Sebagaimana Setiausaha Agung Persatuan Ahli Parlimen Negara Komanwel (CPA), Akhbar Khan berkata (8 Julai 2017: Utusan), hanya ahli parlimen wanita yang berupaya membantu mengurangkan ketidakstabilan jantina dengan menggalak dan menguatkuaskan undang-undang membela hak serta kebijakan golongan berkenaan.

Ahli parlimen wanita

Beliau turut mendedahkan laporan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang mencatatkan bilangan ahli parlimen wanita di dunia mencecah 9,000 orang atau 23.3 peratus pada hujung tahun 2016. Terdapat jumlah itu telah meningkat dua kali ganda namun masih terlalu kecil jika diukur dengan peratusan kaum wanita yang ada.

Lebih menyedihkan apabila bilangan ahli parlimen di peringkat negara-negara Komanwel pula dikuasai oleh golongan lelaki sebanyak 82 peratus manakala 17

negara di wilayah lain langsung tidak memiliki ahli parlimen wanita. Hanya 18 peratus ahli parlimen negara-negara Komanwel adalah wanita.

Sehubungan itu, parti politik disaran memampulkan lebih ramai calon wanita pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) dalam usaha mencapai sasaran 30 peratus ahli parlimen wanita di negara ini. Ketika ini hanya 10.81 peratus atau 24 daripada 222 Ahli Dewan Rakyat adalah wanita, manakala di Dewan Negara, hanya 22 peratus ahlinya adalah wanita.

Pengerusi Ahli Parlimen Wanita Komanwel (CWP), Datuk Dr Noraini Ahmad, berkata (7 April 2017: Berita Harian) sasaran 30 peratus ahli parlimen wanita untuk negara ini adalah selaras dengan matlamat yang ditetapkan di peringkat antarabangsa.

Oleh yang demikian ketua-ketua kerajaan bagi negara Komanwel perlu mengambil tindakan bagi mencapai 30 peratus wanita sebagai penggal undang-undang, iaitu sasaran yang sama diletakkan di Malaysia.

Golongan wanita perlu melihat bidang politik sebagai cabaran besar, sejarah usaha Malaysia menjadi antara 20 negara maju menjelang 2050. Bidang kerjaya lain ramai wanita serta tetapi dalam politik tidak begitu dan sesuatu perlu dilakukan.

Tahukah kita, sebenarnya bukan sahaja Malaysia yang ingin mencapai 30% wanita di parlimen dan pembabitan dalam politik tidak hanya menjadi agenda di Malaysia, malah turut dilaksanakan di negara Komanwel.

Menelusuri sejarah negara lain, realitinya hanya dengan jumlah yang signifikan, wanita mampu menghasilkan perubahan yang sangat bermakna untuk negaranya seperti perubahan kebijakan dan peraturan undang-undang yang turut memasukkan keperluan-keperluan khusus yang menjadi nilai tambah kepada wanita sebagai sebahagian daripada agenda nasional.

Sosok pemimpin wanita

Sesekali kita bercermin kepada sosok pemimpin wanita di pelbagai negara yang berhasil membawa dunia ke peringkat yang jauh lebih baik daripada biasa, tentunya sungguh menginspirasikan. Mungkin sahaja, kepimpinan negara untuk PRU14 akan datang, Malaysia dipimpin oleh wanita sebagaimana negara Republik Singapura?

Paling tidak, Timbalan Perdana Menterinya wanita serta jemaah kabinetnya tidaklah sedikit di kalangan wanita sebagaimana barisan kabinet yang ada kini.

Di India, Indira Gandhi perdana menteri wanita pertama negara itu berjaya membawa perdamaian. Walaupun kontroversi, kepimpinan Indira Gandhi banyak membawa perubahan, salah satunya adalah memerangi kelaparan di India. Kelaparan kronik yang terjadi ini diperangi dengan cara memperkenalkan bibit unggul

kepada para petani. Menariknya, di masa pemerintahan beliau, India juga mula mengembangkan teknologi nuklear.

Pada masa kepimpinannya, Indira Gandhi berjaya membawa perubahan besar dalam program pertanian sehingga mampu menurunkan angka kemiskinan negaranya. Beliau juga menandatangani Perjanjian Shimla untuk menyelesaikan sengketa Kashmir secara damai. Selain itu ia juga memimpin sebuah gerakan yang disebut Revolusi Hijau untuk mengatasi kekurangan pangan kronis di Punjab.

Wanita pertama yang memimpin sebuah negara Islam ialah Benazir Bhutto, pada masa pasca-kolonia. Beliau yang karismatik terpilih sebagai Perdana Menteri Pakistan pada tahun 1988 dan pernah dipaksa turun daripada jabatannya sebanyak dua kali. Disamping penolakan-penolakan yang terjadi, Benazir Bhutto berjaya mencatat sejarah sebagai pemimpin wanita muslim yang sangat berpengaruh!

Apa yang menariknya, dalam kempen pilhan raya, beliau menyuarakan keprihatinan mengenai masalah-masalah sosial kaum wanita, masalah kesihatan dan diskriminasi terhadap wanita. Selain itu, beliau mengumumkan rancangan untuk membentuk pejabat polis wanita, kehakiman, dan bank-bank pembangunan khusus untuk wanita.

Sebenarnya, banyak lagi contoh lain yang boleh kita hamparkan, akan tetapi dengan dua kisah ini, tentunya negara ini wajar memberi ruang dan peluang khusus untuk wanita memimpin dan menyerlah ke hadapan.

Ya, sejak 1955 sehingga kini bilangan wanita di Parlimen terdapat peningkatannya. Jika pada tahun 1955, hanya seorang yang dipilih ke parlimen, dan hari ini kita dapat lihat ada 23 orang iaitu dalam lingkungan 10.4%. Hari ini, ada tiga menteri dan lima timbalan menteri wanita. Di Dewan Negara, 28.8% adalah senator wanita.

Di rantau ASEAN, Malaysia berada pada kedudukan yang terkebelakang dengan peratusan 10.4 ini. Di Filipina contohnya, 27.3% anggota parlimen adalah wanita; Singapura (25.3%), Laos (25%); Vietnam (24.3%); Cambodia (20.3%); Indonesia (16.8%). Kedudukan Malaysia hanya mengatasi Thailand (6.1%) dan Myanmar (5.6%).

Manakala di peringkat seantero, Rwanda mempunyai 63.8% wanita di Parlimen diikuti dengan Andorra (50%); Cuba (48.9%); Sweden (40.8%); dan Afrika Selatan (43%).

Menelusuri sejarah lampau negara, banyak suara gah wanita mampu merubah corak politik negara. Ya, memang bukan mudah, namun tidaklah susah. Utamanya warga negara ini perlu diberikan pendedahan yang benar berkaitan



PENDAPAT
DR HAFIDZAH MUSTAKIM

politik. Bukan politik sampah, kotor dan busuk, sebagaimana yang berlaku kini. Setiap hari ada sahaja isu politik yang jengkel didengar.

Dalam akhbar Straits Times pada 20 Julai 1947, artikel pertama Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di dalam kolumn C.H.E Det adalah tentang 'Malay Women Make Their Own Freedom'.

Pada 1949, Datuk Onn Jaafar, presiden pertama Umno menyatakan suara wanita akan menjadi "as powerful as that of the men - the voice of both will determine the shape of the administration of the country".

Sebagaimana wanita telah memainkan peranan yang penting dalam pilihan raya seperti Khadijah Sidek dan Rahimah Abdul Rahman serta isteri dan anak perempuan pemimpin lainnya. Namun, tidak ada wanita yang turut serta dalam proses rundingan kemerdekaan sehingga galah pemilihan Halimahton Abdul Majid, calon Ulu Selangor dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955 dan seterusnya Tan Sri Aishah Ghani menjadi Senator pertama pada 1962 manakala anggota Kabinet pertama wanita ialah Tun Fatimah Hashim pada 1969.

Sungguh kita dapat lihat hari ini telah ada wanita yang rasional, bijak, berkemampuan, berintegriti dan bersedia untuk mengemudi kepimpinan baik di peringkat tempatan maupun nasional. Akan tetapi kita perlulah berusaha untuk memberi pendedahan yang mudah tentang politik, agar masyarakat negara ini terbuka mindanya dalam membuat pilihan ketika pilihan raya nanti dalam membantu proses pembangunan negara.

Maka wajarlah wanita Malaysia melibatkan diri dalam 'pesta demokrasi' yang akan berlangsung di negara ini. Bukan itu sahaja, wanita juga perlu menjadi kaum yang bersedia dan bersama-sama menyongsong perubahan yang lebih cemerlang bagi melakar sebuah 'negara rahmah' yang diidam-idamkan semua dengan merealisasikannya melalui peti undi.

■ **Dr Hafidzah Mustakim ialah Timbalan Ketua Penerangan, Wanita Pakatan Harapan Kelantan.**

Isu tanah Ijok: Masalah dan penyelesaian

SAYA mengikuti dengan penuh minat tindak tanduk pimpinan Umno/BN serta penyokong-penyokong mereka dalam usaha mereka untuk mengelirukan rakyat berhubung isu tanah Ijok yang kononnya 'berskandal'.

Dalam usaha untuk mengelirukan rakyat, dengan hujah dan soalan yang jauh tersasar, akhirnya diri mereka sendiri turut keliru! Saya sekarang faham mengapa masalah yang menimpa lebih kurang 1,000 keluarga peneroka, sejak tahun 2000, tidak mampu diselesaikan Umno/BN. Bagaimana mereka akan mampu menyelesaikan masalah ini apabila mereka tidak faham apa masalahnya yang sebenar dan apa pula penyelesaian yang diinginkan!

Begitu parah kekeliruan mereka sehingga apabila masalahnya berjaya diselesaikan, mereka tidak sedar ianya sudah diselesaikan. Dan bukan sekadar selesai tetapi selesai dengan cara yang sebaik-baiknya namun mereka terus membuat kecoh. Sedangkan sebelum ini, khususnya sejak dari tahun 2000, mereka mendiamkan diri.

Mungkin pada ketika itu mereka menganggap 'tiada masalah' dan mereka lebih suka ianya kekal sedemikian rupa! Persoalan peneroka ditipu kroni bukan masalah bagi mereka, ianya perkara biasa. Apabila peneroka mendapat apa yang dijanjikan, barulah ianya 'bermasalah' maka barulah mereka bersuara.

KRONI BN

Bagi saya kisah tanah Ijok adalah contoh klasik bagaimana ahli bawahan UMNO, MCA dan MIC dikorbankan demi kroni BN. Tanah yang diserahkan kepada mereka telah diserah pula kepada beberapa syarikat kroni dan pampasan yang dijanjikan, iaitu wang tunai sebanyak RM180,000 dan sebuah rumah setiap satu keluarga, terus dinafikan.

Pada ketika itu, apabila peneroka bersuara meminta bantuan, tiada walaupun seorang yang membantu. Kenapa nak bantu? Korbankan peneroka demi kroni bukankah ianya budaya BN?

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL
KHALID SAMAD

Ianya tidak merupakan 'masalah' ianya biasa. Yang anggap ianya masalah, pasti dituduh tertipu dengan 'persepsi' yang dibawa pembangkang.

Sedangkan peneroka yang ditipu itu, mengikut Pengurus Jawatankuasa Bertindak penduduk, Tuan Haji Omar, 98% dari mereka ialah ahli Umno. Bakinya ahli MCA atau MIC. Namun walaupun begitu, mereka terus dikorbankan tanpa pembelaan. Sedangkan setelah tanah mereka diserah, mereka kehilangan kesemuanya. Wang tidak dapat, rumah pula jauh sekali.

Tanah-tanah mereka telah dipindah milik ke syarikat kroni dan tidak seperti tanah Felda di Jalan Semarak, tiada 'magic' untuk kembalikan tanah tersebut kepada mereka. Tanah-tanah itu dicagar kepada bank untuk mendapat pinjaman demi membangunkan tanah-tanah berkenaan. Membina perumahan, termasuk rumah-rumah untuk peneroka, tetapi terbengkalai dan terbiar begitu sahaja sekian lama.

TINDAKAN PEMBELAAN

Akhirnya pada 2008, selepas jatuhnya kerajaan BN Selangor, barulah ada tindakan pembelaan bagi golongan peneroka ini. MB Pakatan Rakyat, Tan Sri Khalid Ibrahim telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan keadaan. Malangnya, tindakan beliau, yang mengambil bentuk pengambilalihan tanah berkenaan, telah menghasilkan tindakan undang-undang oleh bank, pemaju kroni dan juga peneroka.

Puluhan kes saman terpaksa dihadapi kerajaan Selangor dan dalam kes yang dimenangi sekalipun, kerajaan negeri terpaksa membayar ganti rugi pada pemaju kroni yang juga pemilik tanah-tanah tersebut dan bank-bank, yang telah memberi pinjaman apabila tanah-tanah berkenaan dicagarkan oleh pemaju-pemaju kroni berkenaan. Pampasan ini

dianggarkan berjumlah ratusan juta.

Sambil itu, kes-kes ini akan mengambil masa yang panjang sedangkan peneroka sudah lanjut usia. Dalam tempoh hampir 20 tahun, menunggu kes ini selesai, sudah hampir 300 dari 1,000 peneroka terlibat meninggal. Walaupun waris-waris mereka boleh menuntutnya, namun adalah diinginkan supaya peneroka sendiri menerimanya. Oleh itu wakil-wakil peneroka telah datang memohon pendekatan yang lebih berkesan dan pantas dalam usaha menyelesaikan masalah mereka ini.

PENDEKATAN BARU

Peluang untuk melakukan pendekatan baharu tiba apabila MB Selangor ditukar pada tahun 2014. Satu pendekatan yang mampu mencapai penyelesaian menyeluruh telah dikemukakan oleh pakar runding tertentu dan setelah dikemukakan dan dibahas, maka cadangan mereka diterima oleh kerajaan Negeri Selangor. Pendekatan ini berpaksikan prinsip bahawa janji-janji kepada peneroka mesti ditunaikan. Wang pampasan dan rumah mesti diberikan kepada setiap keluarga peneroka yang terlibat seperti yang dijanjikan semasa mereka menyerahkan tanah-tanah mereka.

Maka menyelesaikan 'masalah' yang dianggap sebagai tiada masalah oleh BN, diutamakan. Pakatan Rakyat dahulu, dan Pakatan Harapan sekarang mengutamakan peneroka dan rakyat biasa.

Ke arah ini sebuah syarikat pemaju yang besar dan terkenal dibawa masuk sebagai pemaju penyelamat untuk mengambil-alih dari pemaju-pemaju kroni. Ini perlu dilakukan kerana tanah-tanah berkenaan adalah dimiliki mereka dan telah dicagar kepada bank. Maka apa-apa penyelesaian mesti melibatkan mereka.

Untuk meringkaskan cerita, setelah berbulan berunding, akhirnya harga yang ditawarkan oleh pemaju penyelamat ini dipersetujui pemaju-pemaju kroni. Dengan duit itu maka diselesaikan hutang mereka di bank, dibayar kreditor atau pembekal, dibayar



peneroka wang pampasan dan dibayai kos pembinaan rumah-rumah peneroka dan sebagainya. Pemaju penyelamat mengambil-alih projek tersebut dan akan membangunkan kawasan seluas 2,200 ekar yang di dalamnya turut terletak rumah-rumah peneroka.

Kerajaan Negeri Selangor pula bebas dari segala jenis saman serta tidak perlu membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana pihak. Tambah pula, hasil dari kebijaksanaan dalam berunding, tanah seluas 1,000 ekar yang telah diserahkan oleh kerajaan BN Selangor kepada pemaju kroni pada tahun 1998 diperolehi kembali secara percuma, tanpa perlu membayar 1 sen!

SOALAN BN

Ada pengkritik pro-BN bertanya, "Apa yang selesai?" Hanya yang dibutakan perasaan cemburu ingin manafikan kejayaan Kerajaan Negeri Selangor dalam kes ini. Akan tetapi, mungkin juga soalannya ikhlas. Kerana bagi mereka, sememangnya tiada masalah untuk diselesaikan dari awal lagi. Maka kalau tiada masalah, apa perlunya penyelesaian?

Dan dihebohkan persoalan harga yang dibayar oleh pemaju penyelamat tadi. Terpulang pada diah dia nak bayar berapa. Bukan duit kerajaan pun. Duit dia. Kalau dianggap projek itu bernilai sedemikian, maka apa masalahnya. Duit dia, risiko dia. Dan ditimbulkan pula bayaran kepada pakar runding. Saya tak tahu sama ada jumlahnya tepat atau tidak tetapi ianya tiada kena mengena dengan kita. Bukan duit kerajaan pun. Mereka yang bayar, terpulang pada mereka berapa mereka nak bayar pakar runding mereka, apa kita nak kisah?

Yang terpenting bagi kita, peneroka dapat apa yang dijanjikan. Kerajaan Selangor untung kerana mendapat 1,000 ekar secara percuma dan bebas dari apa-apa saman serta keperluan untuk membayar apa-apa pampasan. Ianya sudah pasti satu kejayaan yang cemerlang bagi kerajaan Pakatan Harapan. Kejayaan yang tercapai setelah mengambil-alih dari kegagalan memalukan Umno/BN.

Khalid Samad ialah Ahli Parlimen Shah Alam dan Pengarah Komunikasi AMANAH.



PH gempur Rantau Panjang dengan isu rakyat

Oleh ZIKRI ABDULLAH

RANTAU PANJANG: Kemunculan tenaga muda yang menggandangkan golongan profesional dan aktivis masyarakat sedang mencorak suasana politik baharu di jajahan ini.

"Kami mahu mengajak rakyat membuka era baru, politik terus untuk merubah kehidupan rakyat," kata Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Rantau Panjang, Dr Wan Shahjihan Din.

Beliau ditemui selepas majlis pelancaran Bilik Operasi Pilihan Raya Dun Gual Periuk, baru-baru ini.

Rakyat katanya telah bosan dengan retorik politik mensucikan diri dan janji palsu pembangunan.

"Begini lama rakyat dimomokkan dengan politik melabel orang lain jahat dan mesti bersama kumpulan mereka sahaja sebagai syarat menjadi suci dan dikira sah di sisi agama.

"Di pihak lain pula jaguh-jaguh politik elit atasan datang menjanjikan pembangunan serba impian yang kononnya tiada tolok banding.

"Sedangkan hakikatnya rakyat semakin hari semakin menderita," katanya.

Dalam ceramahnya sebelum itu, Dr Wan Shahjihan menyatakan sebab

penceramah undangan malam itu Sulaiman Ibrahim atau lebih terkenal dengan nama 'Leman Raja Lawan' dibawa dari Sik Kedah.

"Kita bawa orang Sik malam ini, kerana Rantau Panjang selalu disebut sebagai nama besar salah satu pusat pelancongan negara.

"Walhal hakikatnya, taraf hidup masyarakat di sini tidak lebih dan tidak kurang dari masyarakat kawasan Sik.

"Majoriti mereka adalah penoreh getah yang sedang tertekan dengan harga komoditi itu yang begitu rendah sekarang," katanya.

Menurut beliau, penduduk yang bekerja di bidang pertukangan dan binaan juga kini tertekan apabila tempo pembangunan semakin perlahan dan terpaksa bersaing dengan kebanjiran buruh asing.

"Golongan wanita yang bergantung hidup dengan perniagaan kuih-muih dan kedai makan juga semakin tertekan," katanya.

Lebih menyedihkan, katanya adalah hub perniagaan di kawasan bebas cukai Rantau Panjang sendiri semakin lesu.

"Hari demi hari ada saja yang kita dapatkan kedai ditutup. Mereka terpaksa berhenti berniaga kerana jualan meru-



Dr Wan Shah Jihan



Mohd Ridzuan Mohamed



Hishamuddin Ghazali

dum akibat harga barang menjadi mahal angkara kejatuhan nilai ringgit berbanding Bath Thailand," katanya.

Bagi penyelaras Dun Bukit Tuku, Mohd Ridzuan Mohamed yang juga Timbalan Ketua AMANAH Kawasan Rantau Panjang, fokus terpenting sepatutnya dihalakan kepada kebijakan rakyat.

"Sejak AMANAH ditubuhkan dan kami secara langsung terlibat dengan denyut nadi rakyat, penemuan kami sungguh luar biasa.

"Kemudahan asas yang sepatutnya disediakan pemerintah amat menyedihkan.

"Kami terpaksa memungut derma untuk menyediakan longkang susaya padang bola sekolah yang telah bertahun-tahun ditakungi air dapat digunakan semula," katanya.

Beliau menambah, beberapa kam-

pung pula digenangi air sepanjang tahun kerana pihak berwajib membuat saluran keluar air yang parasnya lebih tinggi dari tempat air bertakung.

"Selaras kami mengusahakan laluan yang betul dengan bantuan derma orang ramai, barulah masalah ini selesai," katanya.

Masalah yang bertindih-tindih ini, katanya adalah akibat banjir yang hampir pasti melanda seluruh kawasan Rantau Panjang setiap tahun.

"Hanya baru-baru ini dalam bajet ada cadangan membina tebatan banjir Sungai Golok.

"Rakyat telah hampir muak dengan janji-janji yang telah berapa kali tidak ditunaikan," katanya.

Bagi Hishamuddin Ghazali yang kini bertugas sebagai penyelaras AMANAH di Dun Bukit Tuku, rintihan rakyat yang dinafikan hak khususnya berkaitan pe-

milikan tanah diberi perhatian utama.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Syam Ghaz membuat pendedahan media mengenai perkara tersebut.

Isu penyelesaian tanah dan kenakan bayaran premium hingga di luar kemampuan rakyat kata Syam Ghaz akan menjadi isu besar dalam pilihan raya umum ini.

"Saya tidak akan teragak-agak untuk mendedahkan pelbagai penyelewengan berkaitan hal tanah ini.

"Insya Allah kita akan membuat kaunter khas untuk menerima aduan orang ramai berhubung perkara ini.

Bagi membuka ruang orang ramai bertukar maklumat dan mendapat penerangan, beliau giat mengadakan dialog kedai kopitiam di kawasan Bukit Tuku.

"Baru-baru ini dialog kedai kopitiam akan diadakan di Pusat Daerah Mengundi (PDM) Repek.

"Alhamdulillah penuh limpah keluar tempat program Dialog Kedai Kopitiam anjuran Amanah PDM Repek, Dun Bukit Tuku malam itu.

"Insya Allah program susulan dan masuk kampung diadakan lepas ini," katanya.



Dialog Kedai Kopi anjuran AMANAH PDM Repek di Bukit Tuku.



Program BBQ Pemuda AMANAH di Repek.

AMANAH siap siaga pastikan Pakatan Harapan menang di Pokok Sena

Oleh MOHD ALI HASHIM

POKOK SENA: AMANAH Kawasan Pokok Sena siap siaga untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU) akan berlangsung pada bila-bila masa.

Gerak kerja turun padang telah pun dilaksanakan sejak AMANAH kawasan dilancarkan pada November 2015.

Malahan program peduli rakyat telah menjadi rutin tanpa henti sehingga kini.



Ketua AMANAH Kawasan Pokok Sena Umar Awang (**gambar**), berkata sehingga kini AMANAH kawasan telah menubuhkan 20 cawangan sehingga ia menjadi satu kegusaran bagi parti lawan.

"Terbaru adalah penubuhan satu lagi cawangan dalam Dun Bukit Lada serta pelancaran PDM Kampung Panchur.

"Majoriti dari mereka yang menyertai AMANAH Pokok Sena adalah bekas ahli Pas yang telah hilang kepercayaan dengan kepimpinan parti mereka.

"Senario politik Pas yang semakin bercelaru kini menyebabkan ramai antara ahli mereka telah meninggalkan parti tersebut dan menyertai parti-parti gabungan Pakatan Harapan (PH)," jelas beliau lagi.

Menurut Umar lagi, kerjasama dengan komponen PH setakat ini amat menggalakkan serta mampu memberi impak kepada kemenangan di Pokok Sena.

Tegasnya lagi, dengan penyertaan Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar bersama AMANAH baru-baru ini, ia memberi keyakinan yang lebih besar kepada pengundi sedia ada untuk meneruskan sokongan terhadap PH.

Pada PRU lalu, Mahfuz yang mewakili Pas berjaya mengalahkan calon BN dengan majoriti 3,935 undi.

Manakala tiga lagi kawasan Dewan Undangan Negeri di kawasan Parlimen Pokok Sena iaitu Dun Bukit Lada telah dimenangi oleh BN dengan majoriti 1,324 undi setelah mengalahkan calon Pas.

Pas menang bagi kerusi Dun Bukit Pinang apabila calonnya mengalahkan calon BN dengan kelebihan sebanyak 1,672 undi.

Bagi kerusi Derga pula, DAP telah memenangi kerusi tersebut dengan mengalahkan calon BN dengan majoriti 1,156 undi.

Tambah Umar lagi, kemenangan calon Pas



Mahfuz menerima borang keahlian AMANAH.

dalam PRU yang lalu adalah hasil kerjasama semasa berada dalam Pakatan Rakyat (PR).

"Gabungan erat dan komitmen yang diberikan oleh komponen dalam PR pada PRU13 memberi impak besar kepada keputusan yang diperolehi.

"Namun begitu menjelang PRU14, ianya amat jauh berbeza kerana Pas enggan bersama dalam komponen PH yang mendokong PR dalam PRU yang lalu.

"Keingganan mereka untuk bersama-sama turut memberi kelebihan kepada AMANAH dan PH apabila ramai akar umbi Pas yang tidak menyokong kerjasama dengan Umno memberi dokongan kepada PH," ujarnya lagi.

Sehubungan itu, katanya perkembangan semasa memperlihatkan adanya peningkatan dan peluang bagi PH untuk memenangi kerusi parlimen mahupun tiga lagi kerusi Dun sedia ada dalam kawasan Parlimen Pokok Sena.



Umar Awang (empat dari kiri) bersama para peserta pertandingan sepak takraw anjuran AMANAH Pokok Sena.

PROMOSI TERBARU!!

**JOM IKLAN DENGAN
MINGGUAN AMANAH**

**TEMUI
50 RIBU
PEMBACA
ANDA
SEKARANG**

**SERENDAH (SATU MUKA)
RM 500**

**APA YANG ANDA AKAN
DAPAT JIKA BERIKLAN
DENGAN KAMI?**

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma Mingguan AMANAH setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:
01132334322 (EN HAKIM)

13 Mazlan mampu cetus tsunami di kawasan Felda

15 'Sebelum pergi saya akan selamatkan negara'

26 Soalan Adun AMANAH ditolak Dun Kelantan



PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 96 | 1 - 7 APRIL 2018

WAKTU SOLAT								
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA								
SUMBER: JAKIM	TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
01.04.18	5:47	5:57	7:12	1:20	4:21	7:23	8:33	
02.04.18	5:47	5:57	7:12	1:20	4:22	7:23	8:32	
03.04.18	5:46	5:56	7:11	1:19	4:22	7:23	8:32	
04.04.18	5:46	5:56	7:11	1:19	4:22	7:23	8:32	
05.04.18	5:45	5:55	7:11	1:19	4:23	7:23	8:32	
06.04.18	5:45	5:55	7:10	1:19	4:23	7:23	8:32	
07.04.18	5:45	5:55	7:10	1:18	4:24	7:22	8:32	

Akta Anti Berita Tidak Benar

HALANG KEBEBASAN SUARA

AKTA Anti Berita Tidak Benar yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini dianggap sebagai usaha untuk menyekat kebebasan suara.

"Tujuan undang-undang ini digubal adalah politikal, tidak ada sama sekali niat untuk menjaga hak rakyat supaya tidak ada tuduhan palsu terhadap mereka," dakwa Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad selepas taklimat mengenainya di bangunan Parlimen 27 Mac lepas.

→ Laporan penuh muka 8

“ Tujuan undang-undang ini digubal adalah politikal, tidak ada sama sekali niat untuk menjaga hak rakyat supaya tidak ada tuduhan palsu terhadap mereka ”



Tun Dr Mahathir bersama Datuk Seri Dr Wan Azizah ketika menyertai taklimat mengenai RUU Anti Berita Tidak Benar di bangunan Parlimen.

PH lawan BN, Pas hanya pengacau

PILIHANRAYA umum ke 14 (PRU 14) yang bakal berlangsung bila-bila masa akan menyaksikan pertembungan dua gabungan politik Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH).

"Parti-parti yang tidak menyertai dua gabungan ini bolehlah dianggap sebagai pengacau sahaja," kata naib presiden AMANAH Husam Musa di majlis pemantapan jentera PH di Dun Panchor, Pengkalan Chepa baru-baru ini.

Pertembungan di peringkat nasional katanya jelas terbahagi dua dan semakin ramai pemerhati menganggap PH semakin berada di hadapan.

Di Kelantan katanya, Pas tidak akan mampu mendapat sokongan lebih 30% undi.

Situasi ini menyebabkan persaingan sebenar hanyalah antara BN dan PH.

"Jika PH bermula dengan 30% sokongan, kita hanya perlukan 5 hingga 6% untuk mendapat mandat mentadbir negeri."

"Dengan situasi tekanan yang dihadapi rakyat sekarang, keperluan ini tidak sukar dipenuhi," katanya.

PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

01132334322
untuk urusan pembelian

